The planted area is 7.5 million hectare with **69.0%** by **establishment agricultural holding**

Establishment agricultural holding recorded a total of **67.4%** (6.6 million hectare) of harvested area

Sarawak contributed **22.3%** (22.9 million tonnes) of total crop subsector production

Sarawak recorded the highest total quantity of sales of **22.4%** (22.8 million tonnes)

Pahang contributed **18.7%** (RM21.78 billion) of sales value crops subsector

73.0% (RM136.05 billion) of agriculture sector's income contributed by **establishment agricultural holding**

72.4% (RM49.18 billion) of agriculture sector's expenditure was contributed by **establishment agricultural holding**

Legend:

Individual Agriculture Holding | Planted Area | Harvested Area | Production Quantity | Sales Quantity | Sales Value | Income | Expenditure

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

AGRICULTURAL HOLDINGS PROFILE AND KEY PARAMETERS AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

AGRICULTURAL HOLDING

Total	Individual	Establishment
1,034,182	1,012,993	21,189

CITIZENSHIP (PERSONS)

Malaysian	Non-Malaysian
1,005,316 (99.2%)	7,677 (0.8%)

SEX (PERSONS)

Male	Female
754,204 (74.5%)	258,789 (25.5%)

AGE GROUP (PERSONS)

15 - 30 years	31 - 45 years	46 - 59 years	60 years and above
33,215 (3.3%)	190,944 (18.8%)	326,968 (32.3%)	461,866 (45.6%)

ETHNIC GROUPS (PERSONS)

Bumiputera	Indian	Chinese	Others
888,752 (88.4%)	10,589 (1.1%)	97,605 (9.7%)	8,370 (0.8%)

Note: Malaysian only

MARITAL STATUS (PERSONS)

Never Married	Married	Divorced / Separated	Widow / Widower
107,211 (10.7%)	766,299 (76.3%)	12,892 (1.3%)	118,554 (11.8%)

No Information: 8,037

HIGHEST CERTIFICATE ATTAINED (PERSONS)

Tertiary	Secondary	Primary	No Certificate
77,929 (7.7%)	376,515 (37.2%)	263,323 (26.0%)	274,782 (27.1%)

No Information: 20,444

KEY PARAMETERS OF THE AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

	Agricultural Holding	Planted Area (Ha)	Harvest Area (Ha)	Production Quantity (mt)	Sales Quantity (mt)	Sales Value (RM million)
Total	1,034,182	7,540,319.8	6,674,308.2	102,929,762.3	102,046,911.1	116,711.19
Individual	1,012,993 (98.0%)	2,337,115.3 (31.0%)	2,172,787.7 (32.6%)	19,106,684.7 (18.6%)	18,326,017.6 (17.8%)	31,753.90 (27.2%)
Establishment	21,189 (2.0%)	5,203,204.5 (69.0%)	4,501,520.5 (67.4%)	83,823,077.6 (81.4%)	83,720,893.5 (81.3%)	84,957.29 (72.8%)

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

INCOME AND EXPENDITURE AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023


INCOME (RM million)

Total	Individual	Establishment
RM186,433.27	RM50,378.04 (27.0%)	RM136,055.23 (73.0%)

EXPENDITURE (RM million)

Total	Individual	Establishment
RM67,890.66	RM18,713.72 (27.6%)	RM49,176.94 (72.4%)

INCOME AND EXPENDITURE BY STATE (RM MILLION)



Note: The map is not to scale

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT AND SALARIES & WAGES AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

Employment in the Agriculture sector reached 1,735,469 persons in 2023, and annual salaries & wages amounted to RM18,003.10 million.




Total	Individuals	Establishments
1,735,469	1,186,282	549,187
RM18,003.10	RM7,257.96	RM10,745.14

Employment (persons) | Salaries & Wages (million)

Employment of Agriculture Sector

The number of paid employees in 2023 was 887,274 person receiving an annual mean salaries and wages of RM20,290.



Employment and Annual Mean Salaries & Wages by State

Sarawak, Sabah, Johor, Perak and Pahang accounted for 71.3 per cent of national employment in the Agriculture sector. Pulau Pinang, W.P Kuala Lumpur, Melaka, Kedah and Selangor were the five states that recorded the highest annual mean salaries & wages.

	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	Negeri Sembilan	Pahang	Pulau Pinang	Perak
1,735,469	210,575	121,924	80,256	19,542	53,196	193,216	28,219	194,316
RM20,290	RM21,315	RM22,720	RM18,507	RM23,226	RM19,747	RM20,987	RM23,691	RM19,750

Perlis	Selangor	Terengganu	Sabah	Sarawak	W.P Kuala Lumpur	W.P Labuan	W.P Putrajaya
24,224	70,058	97,114	281,116	358,803	276	2,454	180
RM17,467	RM21,534	RM17,373	RM20,475	RM19,122	RM23,236	RM19,623	RM13,196


Employment (persons) | Mean Salaries & Wages (million)

Source: Agriculture Census 2024

@StatsMalaysia
BANCI EKONOMI 2026 DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA
MALAYSIA MADANI kemampanan
ODIN 2024-2026 OPEN DATA INVENTORY MALAYSIA NUMBER ONE IN THE WORLD
20 October
2016 - 2030

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT IN AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023



Source: Agriculture Census 2024

Note: The total employment refers to the number of individuals involved in agriculture activities. However, this total does not represent the sum of employment across all agriculture activities, as an individual may be engaged in more than one type of activity simultaneously.

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

HIGHLIGHTS OF AGRICULTURAL SECTOR, PAHANG, 2023

AGRICULTURE HOLDING PROFILE



97.2 % (87,356) are Individual Agriculture Holding

Citizenship	**99.96%**	Malaysian
Ethnic Group	**86.3%**	Bumiputera
Sex	**73.6%**	Male
Age Group	**47.1%**	60 years and above
Marital Status	**72.1%**	Married
Highest Certificate Attained	**36.4%**	Secondary

21.2% (208,281.6 hectares) of the planted area was recorded by **Individual Agriculture Holding**

21.8% (189,855.9 hectares) of the harvested area was recorded by **Individual Agriculture Holding**

14.2% (2,363,121 tonne) of the individual total production was sold

23.3% (RM6,307,523.31) of the income was contributed by **Individual Agriculture Holding**

14.3% (2,401,968 tonne) of production quantity contributed by **Individual Agriculture Holding**

16,769,921.6 tonne

Rompin contributed **24.6%** (4,118,505.3 tonne) of the total quantity production

3.2% (RM2,080,019.55) of the expenditure was contributed by **Individual Agriculture Holding**

Source: Agriculture Census 2024

Legend:

Individual Agriculture Holding | Planted Area (hectares) | Harvested Area (hectares) | Production Quantity (tonne) | Sales Quantity (tonne) | Sales Value (RM '000) | Income (RM '000) | Expenditure (RM '000)

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

AGRICULTURE HOLDINGS PROFILE AND KEY PARAMETERS AGRICULTURAL SECTOR, PAHANG, 2023

AGRICULTURE HOLDING

Total	Individual	Establishment
89,899	87,356	2,543

CITIZENSHIP (PERSONS)

Malaysian	Non-Malaysian
87,325 (99.96%)	31 (0.04%)

SEX (PERSONS)

Male	Female
64,291 (73.6%)	23,065 (26.4%)

AGE GROUP (PERSONS)

15 - 30 years	46 - 59 years
3,580 (4.1%)	25,189 (28.8%)
31 - 45 years	**60 years and above**
17,415 (19.9%)	41,172 (47.1%)

ETHNIC GROUPS (PERSONS)

Bumiputera	Indian
75,361 (86.3%)	912 (1.0%)
Chinese	**Others**
10,516 (12.0%)	536 (0.6%)

Note: Malaysian only

MARITAL STATUS (PERSONS)

Never Married	9,157 (10.6%)
Married	62,976 (72.1%)
Divorced/ Separated	787 (0.9%)
Widow/ Widower	13,424 (15.5%)

No Information: 1,012

HIGHEST CERTIFICATE ATTAINED (PERSONS)

Tertiary	Primary
4,686 (5.4%)	22,318 (25.5%)
Secondary	**No Certificate**
31,761 (36.4%)	27,104 (31.0%)

No Information: 1,487 persons

KEY PARAMETERS OF THE AGRICULTURAL SECTOR, PAHANG, 2023

	Agriculture Holding	Planted Area (Ha)	Harvested Area (Ha)	Production Quantity (mt)	Sales Quantity (mt)	Sales Value (RM million)
Total	89,899	983,122.0	872,123.1	16,769,921.7	16,708,193.8	24,741.59
Individual	87,356 (97.2%)	208,281.6 (21.2%)	189,855.9 (21.8%)	2,401,967.9 (14.3%)	2,363,131.9 (14.1%)	5,818.98 (23.5%)
Establishment	2,543 (2.8%)	774,840.4 (78.8%)	682,267.2 (78.2%)	14,367,953.8 (85.7%)	14,345,061.9 (85.9%)	18,922.61 (76.5%)

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

INCOME AND EXPENDITURE AGRICULTURAL SECTOR, PAHANG, 2023

INCOME (RM million)

Total
RM27,115.35

Individual
RM6,307.52 (23.3%)

Establishment
RM20,807.83 (76.7%)


EXPENDITURE (RM million)

Total
RM8,963.25

Individual
RM2,080.02 (23.2%)

Establishment
RM6,883.23 (76.8%)

INCOME AND EXPENDITURE BY ADMINISTRATIVE DISTRICT (RM MILLION)



Note: The map is not to scale

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT AND SALARIES & WAGES AGRICULTURE SECTOR, PAHANG, 2023

Employment in the Agriculture sector reached 193,216 persons in 2023, and annual mean salaries & wages amounted to RM20,987.



193,216
RM20,987.00



104,957
RM19,964.00



88,259
RM21,553.00

Employment (persons) | Mean Salaries & Wages | Total | Individuals | Establishments

Employment of Agriculture Sector

The number of paid employees in 2023 was 131,293 person receiving an annual mean salaries and wages of RM 20,987.



TOTAL EMPLOYMENT
193,216 (100%)



Working Proprietor and Active Business Partners
57,085 (29.5%)



Unpaid Family Workers
4,838 (2.5%)



Paid Employees
131,293 (68.0%)



Annual Mean Salaries and Wages
RM20,987

Employment and Annual Mean Salaries & Wages by Administrative District

Rompin, Kuantan, Pekan, Cameron Highlands and Maran accounted for 57.9 per cent of state employment in the Agriculture sector. Cameron Highlands, Raub, Jerantut, Lipis and Temerloh were the five administrative district that recorded the highest annual mean salaries & wages.

Pahang	Bentong	Cameron Highlands	Jerantut	Kuantan	Lipis	Pekan	Raub	Temerloh
193,216	10,985	19,875	13,705	21,817	10,447	19,910	16,430	12,292
RM20,987	RM20,780	RM25,381	RM22,261	RM19,297	RM21,056	RM20,481	RM24,505	RM20,912


Rompin	Maran	Bera
30,976	19,319	17,460
RM17,946	RM20,651	RM20,115

Employment (persons) | Mean Salaries & Wages

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT IN AGRICULTURE SECTOR, PAHANG, 2023



Source: Agriculture Census 2024

Note: The total employment refers to the number of individuals involved in agriculture activities. However, this total does not represent the sum of employment across all agriculture activities, as an individual may be engaged in more than one type of activity simultaneously.

@StatsMalaysia
BANCI EKONOMI 2026
DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA
MALAYSIA MADANI
kemampanan
ODIN 2024-2025
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
NUMBER ONE
IN THE WORLD
20 October
2016 - 2030











PENEMUAN UTAMA

25 Pengenalan

25 Latar Belakang

34 Profil Pegangan Pertanian

39 Keluasan Bertanam

41 Keluasan Bertuai

42 Kuantiti Pengeluaran

43 Kuantiti & Nilai Jualan

45 Pendapatan

45 Perbelanjaan

46 Guna Tenaga

47 Gaji & Upah

107 Aktiviti Sektor Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1.0 PENGENALAN

Laporan Banci Pertanian 2024 membentangkan penemuan menyeluruh bagi aktiviti pertanian merangkumi profil pegangan pertanian dengan aspek sosio-demografi pengusaha dan pertubuhan serta parameter utama iaitu Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam, Keluasan Bertuai, Kuantiti Pengeluaran, Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan dengan tambahan tiga (3) parameter baharu iaitu Pendapatan, Perbelanjaan dan Gaji & Upah bagi memberikan gambaran komprehensif tentang struktur ekonomi dalam sektor pertanian negeri Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

Banci Pertanian 2024 yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merupakan aktiviti pengumpulan data yang dijalankan ke atas semua pertubuhan dan isi rumah yang menjalankan aktiviti pertanian meliputi tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan & pembalakan. Banci Pertanian 2024 adalah banci yang keempat dilaksanakan semenjak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 adalah di bawah peruntukan yang terkandung dalam Akta Banci 1960 (disemak 1969). Tempoh pembancian bermula dari Julai sehingga Oktober 2024.

Banci Pertanian ini penting bagi tujuan perancangan dan pembangunan negara. Ianya juga digunakan sebagai penanda aras baharu dalam penyediaan indikator pertanian bagi tujuan perancangan industri pertanian di Malaysia. Penemuan banci ini dapat menilai kedudukan sektor pertanian dan bagaimana ia dapat menyokong Agenda Pembangunan Mampan 2030. Dengan adanya data yang lengkap dan terkini, kerajaan serta pihak berkepentingan dapat membuat keputusan yang lebih tepat dalam merangka pelan dasar dan strategi pembangunan sektor pertanian dengan lebih berkesan.



Secara umum, sektor pertanian di Malaysia merangkumi pelbagai aktiviti di bawah subsektor tanaman makanan & komoditi, perikanan & akuakultur, penternakan dan perhutanan & pembalakan. Sektor pertanian juga menjadi sumber pendapatan utama bagi kebanyakan penduduk luar bandar dan menyediakan peluang pekerjaan serta pembangunan komuniti. Selain itu, subsektor tanaman makanan seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan turut memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan domestik. Dalam subsektor perikanan, industri akuakultur semakin berkembang bagi menampung permintaan yang meningkat terhadap sumber protein. Penternakan pula memberi sumbangan besar dalam pengeluaran daging, telur, susu dan produk ternakan lain.

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar dan inisiatif bagi menyokong pertumbuhan sektor pertanian, antaranya Dasar Agromakanan Negara 2.0 bagi tempoh 2021-2030 dan pelbagai program transformasi pertanian. Langkah-langkah ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing sektor pertanian, memperkenalkan teknologi moden serta menggalakkan amalan pertanian lestari yang mampu menjamin kelangsungan sumber semula jadi.

Sektor pertanian menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), menyediakan peluang pekerjaan dan menggalakkan eksport produk pertanian. Kepentingan sektor ini bukan sahaja terletak pada pengeluaran makanan, tetapi juga dalam memastikan keterjaminan sumber makanan negara, keseimbangan sosial serta pembangunan luar bandar yang lebih inklusif. Oleh itu, pemantauan dan penilaian melalui Banci Pertanian adalah penting bagi memastikan sektor ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada rakyat serta negara secara keseluruhan.

2.1 SOSIOEKONOMI NEGERI PAHANG

Pahang adalah negeri terbesar di Semenanjung Malaysia dengan keluasan kira-kira 3.597 juta hektar. Ia terletak di bahagian timur Semenanjung Malaysia, bersempadan dengan Kelantan dan Terengganu di utara, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan di barat, serta Johor di selatan. Pahang terbahagi kepada 11 daerah dan ditadbir oleh beberapa

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sehingga kini, Pahang mempunyai 72 mukim yang tersebar di 11 daerah pentadbiran dengan Kuantan, Temerloh dan Rompin merupakan antara daerah yang mempunyai bilangan mukim yang banyak.

Jumlah ini menjadikan Pahang sebagai negeri dengan bilangan mukim yang agak tinggi di Malaysia. Berikut adalah pecahan mukim mengikut daerah di Pahang:

Paparan 1 : Pecahan Mukim Mengikut Daerah

DAERAH	BILANGAN MUKIM
Bera	3
Bentong	3
Cameron Highlands	3
Jerantut	10
Kuantan	6
Lipis	10
Maran	4
Pekan	11
Raub	7
Rompin	5
Temerloh	10

Sumber : Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)

Setiap mukim berfungsi sebagai unit pentadbiran yang lebih kecil dalam struktur kerajaan negeri, di bawah pengawasan ketua mukim yang dilantik oleh kerajaan negeri.

Mukim memainkan peranan penting dalam pengurusan tanah, pembangunan komuniti, dan penyampaian perkhidmatan asas kepada penduduk setempat.

2.2 KESESUAIAN DAN GUNATANAH PERTANIAN MENGIKUT DAERAH

Pada tahun 2023, Pahang mencatatkan jumlah keluasan tanah 3.6 juta hektar, yang mana 1.4 juta hektar telah dikenal pasti sebagai kawasan yang sesuai untuk pertanian. Ini merangkumi 40.2 peratus daripada keseluruhan keluasan negeri. Daerah yang mempunyai kawasan paling luas sesuai untuk pertanian ialah Rompin (323,094 ha), diikuti oleh Jerantut (239,480 ha) dan Lipis (204,857 ha). Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pahang, sejumlah 2.2 juta hektar telah dikategorikan sebagai tidak sesuai untuk pertanian atas faktor topografi, tanah berasid, dan penggunaan semasa. Daerah-daerah seperti Jerantut, Lipis dan Pekan turut mencatatkan kawasan yang besar dalam kategori ini.

Daripada keseluruhan tanah sesuai pertanian, hanya 946,771 hektar (65.6%) dikenal pasti sebagai guna tanah pertanian kekal. Pada tahun 2023, keluasan Hutan Simpan Kekal di Pahang direkodkan sebanyak 1.6 juta hektar. Antara daerah yang menunjukkan guna tanah pertanian tertinggi ialah Rompin (172,692 ha), Maran (105,297 ha), Temerloh (101,745 ha), Raub (98,250 ha) dan Lipis (96,251 ha).

Manakala daerah seperti Cameron Highlands dan Bera menunjukkan keluasan pertanian yang lebih terhad, masing-masing hanya mencatatkan 6,578 hektar dan 53,142 hektar dan untuk guna tanah pertanian pada tahun 2023.

Penemuan ini memberikan gambaran jelas tentang agihan kesesuaian tanah pertanian di Pahang, sekaligus menjadi rujukan penting untuk perancangan guna tanah, pengurusan sumber semula jadi serta pemantapan dasar pertanian negeri.

Jadual 1 : Kesesuaian dan Gunatanah Pertanian Mengikut Daerah (Ha)

DAERAH	JUMLAH KELUASAN	SESUAI UNTUK PERTANIAN	TIDAK SESUAI UNTUK PERTANIAN	GUNA TANAH UNTUK PERTANIAN	HUTAN SIMPAN KEKAL
KUANTAN	296,046	104,398	191,648	85,639	276,256.65
PEKAN	380,500	165,127	215,373	92,679	
MARAN	191,666	104,066	87,600	105,297	
JERANTUT	756,044	239,480	516,564	68,931	380,367.01
ROMPIN	524,733	323,094	201,639	172,692	209,291.03
LIPIS	519,829	204,857	314,972	96,521	288,928.88
TEMERLOH	225,086	105,859	119,227	101,745	161,956.29
RAUB	221,444	76,853	144,591	98,250	
BERA	226,891	75,850	151,041	53,142	137,662.69
CAMERON HIGHLANDS	71,227	3,292	67,395	6,578	50,850.35
BENTONG	183,119	41,460	141,659	65,297	90,282.81
PAHANG	3,596,585	1,444,336	2,152,249	946,771	1,595,596.17

Sumber : Penerbitan Maklumat Asas Sektor Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Pahang, 2023

2.3 SUMBANGAN SEKTOR PERTANIAN KEPADA KDNK NEGERI DAN DAERAH DI PAHANG

Pada tahun 2024, Pahang mencatat sumbangan sektor pertanian tertinggi kepada KDNK negeri, dengan kadar 22.3% pada harga malar 2015. Ini meletakkan Pahang mendahului negeri-negeri lain seperti Kelantan (20.1%), Perlis (17.1%), Sabah (14.5%), dan Perak (14.0%). Angka ini mencerminkan kekuatan sektor pertanian sebagai pemacu utama ekonomi negeri, sekali gus menonjolkan keberkesanan pelaksanaan dasar serta inisiatif pertanian negeri. Sumbangan tertinggi ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh subsektor

tanaman (17.8%), diikuti oleh perhutanan dan pembalakan (1.7%), ternakan (1.5%), dan perikanan (1.4%). Keempat-empat subsektor ini menggambarkan kepelbagaian sumber ekonomi Pahang dan daya tahan sektor pertanian dalam menjana nilai tambah yang berterusan.

Jadual 2: Peratus Sumbangan Subsektor Pertanian Kepada KDNK Negeri, 2024 pada Harga Malar 2015 (%)

NEGERI	PERTANIAN	TANAMAN	TERNAKAN	PERHUTANAN & PEMBALAKAN	PERIKANAN
JOHOR	11.3	7.8	2.9	0.0	0.7
KEDAH	10.6	4.7	3.3	0.6	2.0
KELANTAN	20.1	15.1	1.0	2.7	1.3
MELAKA	9.5	5.4	4.0	-	0.1
NEGERI SEMBILAN	6.3	4.6	1.7	0.1	0.0
PAHANG	22.3	17.8	1.5	1.7	1.4
PULAU PINANG	1.8	0.6	0.5	-	0.7
PERAK	14.0	7.2	3.4	0.2	3.3
PERLIS	17.1	7.5	2.3	-	7.3
SELANGOR	1.1	0.6	0.3	0.0	0.3
TERENGGANU	7.4	4.2	1.2	0.9	1.0
SABAH	14.5	11.0	1.0	0.5	2.0
SARAWAK	10.2	8.4	0.5	0.9	0.4
WP LABUAN	1.5	0.2	-	-	1.3


Sumber : Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri, 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia

2.3.1 KOMPOSISI KDNK SUBSEKTOR PERTANIAN MALAYSIA, 2024

Pada tahun 2024, sektor pertanian Pahang telah mencatatkan nilai keseluruhan sebanyak RM68.7 bilion, menjadikannya salah satu penyumbang penting kepada ekonomi negeri. Daripada jumlah ini, subsektor tanaman muncul sebagai penyumbang utama, dengan menyumbang sebanyak 79.7 peratus kepada nilai ditambah keseluruhan sektor pertanian. Sumbangan besar ini sebahagian besarnya datang daripada pengeluaran kelapa sawit, yang kekal sebagai komoditi dominan dan pemacu utama pertumbuhan. Selain daripada tanaman, subsektor lain juga menunjukkan prestasi yang kukuh.

Subsektor perhutanan dan pembalakan menyumbang sebanyak 7.5 peratus, manakala subsektor ternakan dan perikanan masing-masing menyumbang 6.5 peratus dan 6.3 peratus kepada keseluruhan nilai sektor pertanian negeri. Kepelbagaian ini mencerminkan kekuatan struktur asas sektor pertanian Pahang yang tidak hanya bergantung kepada satu subsektor semata-mata, tetapi turut berkembang dalam pelbagai bidang lain yang menyokong keseimbangan ekonomi luar bandar.

Paparan 2: Peratus Sumbangan KDNK Sektor Pertanian Pahang 2024



Sumber : Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri, 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia


2.3.2 SUMBANGAN SEKTOR PERTANIAN KEPADA KDNK PAHANG MENGIKUT DAERAH (2020)

Data tahun 2020 menunjukkan perbezaan ketara antara daerah dalam sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi. Cameron Highlands muncul paling dominan dengan 73.7 peratus ekonomi daerah bergantung kepada pertanian. Rompin (69.3%), Bera (53.3%), Jerantut (46.2%), dan Raub (45.4%) juga menunjukkan kebergantungan tinggi, menandakan pertanian sebagai nadi ekonomi tempatan.

Daerah seperti Lipis (37.0%), Maran (31.1%), dan Pekan (25.1%) tergolong dalam kategori kebergantungan sederhana, namun tetap signifikan, mencerminkan peranan pertanian sebagai penyumbang penting bersama sektor lain.

Sebaliknya, daerah seperti Temerloh (17.1%), Bentong (9.0%), dan Kuantan (6.0%) menunjukkan sumbangan pertanian yang lebih rendah. Ini kerana tumpuan ekonomi di daerah-daerah ini lebih cenderung kepada sektor perkhidmatan dan perindustrian.

Carta 1: Sumbangan Sektor Ekonomi Mengikut Daerah, Pahang, 2020



Sumber: Penerbitan KDNK Negeri Tahun 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia

2.4 PRESTASI EKSPORT DAN IMPORT MENGIKUT SUBSEKTOR

Eksport Pahang menurun 8.3 peratus pada 2023 kepada RM32.7 bilion. Eksport komoditi utama pertanian bagi Pahang adalah oleokimia berasaskan kelapa sawit bernilai RM2.6 bilion, diikuti minyak kelapa sawit bernilai RM964.8 juta serta getah asli sebanyak RM297.6 juta.

Import Pahang pada tahun 2023 pula mencatatkan pertumbuhan 8.5 peratus, merekodkan nilai import tertinggi iaitu RM24.0 bilion. Sayur-sayuran merupakan komoditi utama import pertanian bagi Pahang yang bernilai RM78.6 juta, diikuti krustasea & moluska segar, didinginkan, disejukbekukan atau dikeringkan bernilai RM51.6 juta serta ikan segar, didinginkan atau disejukbekukan sebanyak RM15.6 juta.







3.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, PAHANG

3.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 89,899 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Pahang. Daripada jumlah ini, 87,356 (97.2%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala 2,543 (2.8%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Temerloh memiliki bilangan pegangan pertanian paling tinggi iaitu 12,050 (13.4%), diikuti oleh Maran (10,251; 11.4%) manakala Bera (9,871; 11.0%).

Paparan 3: Pegangan Pertanian Mengikut Daerah Pentadbiran, Pahang, 2023



PAHANG

Jumlah	Individu	Pertubuhan
89,899	87,356 (97.2%)	2,543 (2.8%)


Individu	Daerah Pentadbiran	Jumlah	Pertubuhan
11,759	**Temerloh**	**12,050**	291
10,110	**Maran**	**10,251**	141
9,730	**Bera**	**9,871**	141
9,113	**Lipis**	**9,203**	90
8,946	**Pekan**	**9,106**	160
8,418	**Jerantut**	**8,536**	118
7,455	**Raub**	**7,595**	140
7,416	**Rompin**	**7,663**	247
6,553	**Bentong**	**6,819**	266
5,306	**Kuantan**	**5,606**	300
2,550	**Cameron Highlands**	**3,199**	649

3.1.1 Kewarganegaraan

Hampir keseluruhan pegangan pertanian individu di Pahang dimiliki oleh warganegara Malaysia, iaitu seramai 87,325 orang (99.96%) daripada jumlah keseluruhan. Selebihnya, seramai 31 orang (0.04%) adalah bukan warganegara.

Daerah yang mencatat bilangan bukan warganegara tertinggi ialah Pekan (11 orang), diikuti oleh Kuantan (4 orang). Sementara itu, Cameron Highlands dan Bera merekodkan keseluruhan pegangan pertanian adalah warganegara.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Pahang, 2023



Warganegara
87,325
(99.96%)



Bukan Warganegara
31
(0.04%)


3.1.2 Jantina

Daripada keseluruhan 87,356 pegangan pertanian individu di Pahang, seramai 64,291 orang (73.6%) adalah lelaki dan 23,065 orang (26.4%) adalah perempuan. Temerloh mencatat bilangan pegangan pertanian lelaki tertinggi dengan 8,136 orang, diikuti oleh Lipis (7,054) dan Bera (6,819). Sementara itu, Temerloh merekodkan bilangan pegangan pertanian perempuan tertinggi sebanyak 3,623 orang, diikuti oleh Maran (3,303) dan Bera (2,911).

Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Pahang, 2023



Perempuan





Lelaki

3.1.3 Kumpulan Umur

Sebahagian besar pegangan pertanian di Pahang tergolong dalam kumpulan umur 60 tahun dan ke atas seramai 41,172 (47.1%) serta 46 hingga 59 tahun 25,189 (28.8%).


Pegangan pertanian dalam kumpulan umur 31 hingga 45 tahun pula 17,415 (19.9%), manakala hanya 3,580 (4.1%) pegangan pertanian berumur antara 15 hingga 30 tahun.

Dari segi perbandingan Maran mencatat bilangan tertinggi pegangan pertanian berumur 60 tahun ke atas (5,941 orang) diikuti oleh Temerloh (5,183) dan Bera (4,797).

Bagi kumpulan umur 15 tahun – 30 tahun, Lipis mencatat jumlah tertinggi (713 orang), diikuti oleh Pekan (498 orang) dan Temerloh (429 orang).

Bagi kumpulan umur 31 tahun – 45 tahun, bilangan tertinggi dicatatkan oleh Temerloh (2,403 orang) dan Lipis (2,161 orang).

Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Pahang, 2023




3.1.4 Kumpulan Etnik

Sebahagian besar pegangan pertanian di Pahang adalah daripada kumpulan etnik Bumiputera, merangkumi 75,361 orang (86.3%), diikuti oleh etnik Cina (10,516 orang atau 12.0%), India (912 orang atau 1.0%) dan lain-lain (536 orang atau 0.6%).

Dari segi agihan daerah di Pahang, Temerloh mencatat jumlah tertinggi pegangan pertanian etnik Bumiputera (10,616 orang), diikuti oleh Maran (9,600 orang) dan daerah Pekan (8,693 orang). Bagi pegangan pertanian berketurunan Cina, jumlah tertinggi dicatatkan di Bera (2,150 orang), Raub (1,729 orang), dan Bentong (1,725 orang). Sementara itu, bilangan pegangan pertanian etnik India tertinggi direkodkan di Cameron Highlands (228 orang), diikuti oleh Temerloh (157 orang) dan Bentong (128 orang).

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Pahang, 2023




3.1.5 Taraf Perkahwinan

Sebahagian besar pegangan pertanian di Pahang adalah terdiri daripada kategori berkahwin seramai 62,976 orang (72.1%) daripada 87,356 pegangan pertanian individu yang direkodkan. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti pegangan pertanian individu di Pahang diusahakan oleh individu yang telah berkeluarga.

Selain itu, terdapat 13,424 orang (15.4%) yang berstatus balu atau duda, manakala seramai 9,157 (10.5%) tidak pernah berkahwin. Selebihnya terdiri daripada individu yang telah bercerai dan yang berpisah seramai 787 orang (0.9%).

Dari segi agihan daerah, Temerloh mencatat bilangan pegangan pertanian berkahwin tertinggi dengan 9,454 orang, diikuti oleh Lipis (7,058 orang) dan Bera (6,923 orang). Maran mencatat jumlah tertinggi bagi kategori balu/ duda (2,947 orang), manakala, bagi kategori tidak pernah berkahwin tiga daerah teratas adalah Lipis (1,232 orang), Jerantut (1,225 orang) dan Maran (1,093 orang).

Paparan 8: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Pahang, 2023



3.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh


Daripada keseluruhan 87,356 pegangan pertanian individu, kelulusan peringkat menengah mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 31,761 orang (36.4%). Ini diikuti oleh pegangan tanpa sijil seramai 27,104 orang (31.0%) dan pendidikan peringkat rendah sebanyak 22,318 orang (25.5%). Pendidikan tertiari pula merekodkan bilangan terendah iaitu 4,686 orang (5.4%).

Dari segi perbandingan daerah, Temerloh mencatat jumlah tertinggi pegangan pertanian berkelulusan kategori Menengah (5,251 orang), diikuti oleh Lipis (3,539 orang) dan Maran (3,361 orang).

Bagi kategori tiada sijil, Maran, Rompin dan Lipis masing-masing mencatat jumlah tertinggi iaitu melebihi 3,000 orang.

Data ini menunjukkan keperluan meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran teknikal dalam kalangan pegangan pertanian, khususnya melalui pelaksanaan program TVET, latihan semula, dan pengiktirafan terhadap pengalaman sedia ada. Peningkatan tahap pendidikan dijangka dapat memperkukuh kecekapan pengurusan ladang, memperluas penggunaan teknologi pertanian, serta meningkatkan keupayaan pegangan pertanian untuk menyesuaikan diri dengan cabaran dalam sektor pertanian.

Paparan 9: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Pahang, 2023




3.2 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan bertanam di Pahang pada tahun 2023 adalah seluas 983.1 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 208.3 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 774.8 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Lima daerah dengan keluasan bertanam tertinggi di Pahang pada tahun 2023 ialah Rompin seluas 220.7 ribu hektar, diikuti Pekan (123.8 ribu hektar), Bera (109.9 ribu hektar), Maran (94.5 ribu hektar) dan Kuantan (94.1 ribu hektar).

Paparan 10: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



Paparan 11: Lima Daerah dengan Keluasan Bertanam Tertinggi, Pahang, 2023



Daerah	Ribu Hektar
Rompin	220.7
Pekan	123.8
Bera	109.9
Maran	94.5
Kuantan	94.1





3.3 KELUASAN BERTUAI

Jumlah keluasan bertuai di Pahang pada tahun 2023 adalah seluas 872.1 ribu hektar dengan sebahagian besar daripadanya melibatkan pegangan pertanian pertubuhan iaitu 682.3 ribu hektar manakala pegangan individu 189.9 ribu. Lima kawasan dengan keluasan bertuai tertinggi ialah Rompin seluas 194.3 ribu hektar, diikuti Pekan (110.5 ribu hektar), Bera (97.5 ribu hektar), Maran (85.7 ribu hektar) dan Kuantan (84.9 ribu hektar).

Paparan 12: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



Paparan 13: Lima Daerah dengan Keluasan Bertuai Tertinggi, Pahang, 2023




Daerah	Ribu Hektar
Rompin	194.3
Pekan	110.5
Bera	97.5
Maran	85.7
Kuantan	84.9

3.4 KUANTITI PENGELUARAN


Jumlah kuantiti pengeluaran sektor pertanian di Pahang pada tahun 2023 adalah sebanyak 16.8 juta tan metrik. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 2.4 juta tan metrik (13.9%) disumbangkan oleh pegangan pertanian individu, manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak 14.4 juta tan metrik (86.1%). Rompin mencatat kuantiti pengeluaran tertinggi sebanyak 4.1 juta tan metrik, diikuti oleh Pekan (2.2 juta tan metrik) dan Bera (1.9 juta tan metrik).



Paparan 14: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



Paparan 15: Tiga Daerah dengan Kuantiti Pengeluaran Tertinggi, Pahang, 2023




Daerah	Juta Tan Metrik
Rompin	4.1
Pekan	2.2
Bera	1.9

3.5 KUANTITI & NILAI JUALAN

3.5.1 Kuantiti Jualan

Jumlah kuantiti jualan sektor pertanian di Pahang pada tahun 2023 adalah sebanyak 16.7 juta tan metrik. Daripada jumlah ini, kira-kira 2.4 juta tan metrik (14.1%) disumbangkan oleh pegangan pertanian individu, manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak 14.4 juta tan metrik (85.9%). Rompin mencatat kuantiti jualan tertinggi sebanyak 4.1 juta tan metrik, diikuti oleh Pekan (2.2 juta tan metrik) dan Bera (1.9 juta tan metrik).

Paparan 16: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



Paparan 17: Tiga Daerah dengan Kuantiti Jualan Tertinggi, Pahang, 2023




Daerah	Juta Tan Metrik
Rompin	4.1
Pekan	2.2
Bera	1.9

3.5.2 Nilai Jualan

Jumlah nilai jualan sektor pertanian di Pahang pada tahun 2023 adalah sebanyak RM24.74 bilion. Daripada jumlah ini, 76.5% disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan, bersamaan RM18.92 bilion. Sementara itu, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak 23.5%, iaitu RM5.82 bilion kepada keseluruhan nilai jualan pertanian negeri ini.

Lima daerah yang mencatatkan nilai jualan tertinggi dalam sektor pertanian di Pahang ialah Rompin dengan nilai jualan sebanyak RM4.32 bilion, diikuti oleh Cameron Highlands (RM4.24 bilion), Kuantan (RM2.67 bilion), Pekan (RM2.58 bilion) dan Raub (RM2.48 bilion).

Paparan 18: Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



Paparan 19: Lima Daerah dengan Nilai Jualan Tertinggi, Pahang, 2023




Daerah	RM Bilion
Rompin	4.32
Cameron Highlands	4.24
Kuantan	2.67
Pekan	2.58
Raub	2.48

3.6 PENDAPATAN

Pada tahun 2023, jumlah pendapatan sektor pertanian mencatatkan nilai sebanyak RM27.12 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM6.31 bilion (23.3%) disumbangkan oleh pegangan pertanian individu, manakala RM20.81 bilion (76.7%) merupakan sumbangan daripada pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 20: Pendapatan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



3.7 PERBELANJAAN

Bagi perbelanjaan sektor pertanian pula, jumlah keseluruhan yang direkodkan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM8.96 bilion. Daripada jumlah ini, RM2.08 bilion (23.2%) melibatkan pegangan pertanian individu, manakala selebihnya sebanyak RM6.88 bilion (76.8%) adalah perbelanjaan oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 21: Perbelanjaan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



3.8 GUNA TENAGA

Pada tahun 2023, secara keseluruhan sektor pertanian di Pahang merekodkan 193,216 orang guna tenaga. Daripada jumlah ini, seramai 57,085 orang merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif, manakala 4,838 orang terdiri daripada pekerja keluarga tanpa gaji. Bilangan pekerja bergaji pula adalah seramai 131,293 orang.

Paparan 22: Guna Tenaga mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



Pegangan pertanian individu di Pahang merekodkan jumlah guna tenaga seramai 104,957 orang. Daripada jumlah tersebut, 53,634 orang terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif, manakala 4,537 orang merupakan pekerja keluarga tanpa gaji. Bilangan pekerja bergaji pula adalah seramai 46,786 orang.

Paparan 23: Guna Tenaga mengikut Pegangan Pertanian Individu, Pahang, 2023



Manakala, bagi pegangan pertanian pertubuhan di Pahang merekodkan jumlah guna tenaga seramai 88,259 orang. Daripada jumlah tersebut, 3,451 orang merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif, manakala 301 orang terdiri daripada pekerja keluarga tanpa gaji. Majoriti guna tenaga adalah pekerja bergaji iaitu seramai 84,507 orang.


Paparan 24: Guna Tenaga mengikut Pegangan Pertanian Pertubuhan, Pahang, 2023



3.9 GAJI DAN UPAH

Purata gaji dan upah tahunan bagi sektor pertanian di Pahang dicatatkan sebanyak RM20,987. Purata gaji dan upah tahunan bagi pekerja bergaji dalam pegangan pertanian individu di Pahang dicatatkan sebanyak RM19,964. Purata gaji dan upah tahunan bagi pekerja bergaji dalam pegangan pertanian pertubuhan di Pahang dicatatkan sebanyak RM21,553.

Paparan 25: Gaji dan Upah mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



4.0 PARAMETER SUBSEKTOR TANAMAN, PAHANG

Subsektor tanaman merupakan antara komponen utama yang menyumbang kepada pembangunan keseluruhan sektor pertanian di Pahang. Faktor kedudukan geografi yang strategik, kesuburan tanah serta keadaan iklim yang sesuai telah mewujudkan potensi yang tinggi bagi pengeluaran pelbagai jenis tanaman di negeri ini. Subsektor ini merangkumi penanaman tanaman makanan seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan, di samping tanaman industri termasuk kelapa sawit, getah, koko dan lain-lain tanaman komersial.

Daerah Cameron Highlands dikenal pasti sebagai kawasan utama bagi pengeluaran sayur-sayuran dan bunga-bungaan beriklim sederhana, manakala daerah Rompin, Pekan dan Jerantut tertumpu kepada penanaman tanaman industri khususnya kelapa sawit dan getah. Selain itu, penanaman buah-buahan seperti durian, nanas, pisang, tembikai, nangka, rambutan dan betik turut menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan. Daerah Raub khususnya telah muncul sebagai antara pengeluar utama durian Musang King di peringkat nasional.

Secara keseluruhannya, perkembangan subsektor tanaman di Pahang bukan sahaja menyumbang kepada jaminan bekalan makanan negara, malah berperanan penting dalam meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar serta menyokong pertumbuhan dan kelestarian ekonomi negeri.




4.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN TANAMAN, PAHANG

Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa Pahang mencatatkan sebanyak 79,806 pegangan pertanian bagi subsektor tanaman pada 2023. Daripada jumlah tersebut, 77,722 pegangan atau 97.4 peratus merupakan pegangan pertanian individu, manakala 2,084 pegangan atau (2.6%) terdiri daripada pegangan pertanian pertubuhan.

Dari perspektif daerah, bilangan pegangan pertanian individu tertinggi direkodkan di Temerloh iaitu seramai 11,002 orang (98.1%), diikuti oleh Maran dengan 9,523 orang (99%), Bera sebanyak 8,965 orang (98.6%) dan Lipis iaitu 7,803 orang (98.9%).

Sementara itu, bagi pegangan pertanian pertubuhan, Cameron Highlands mendahului dengan 649 pertubuhan (20.3%), diikuti Bentong dengan 225 pertubuhan (3.5%), Temerloh 212 pertubuhan (1.9%) dan Rompin 206 pertubuhan (3.1%).

Paparan 26: Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman, Pahang, 2023




4.1.1 Kewarganegaraan

Daripada keseluruhan 79,209 pegangan pertanian subsektor tanaman, pegangan individu, sebanyak 77,695 pegangan (99.97%) dimiliki oleh warganegara, manakala hanya 27 orang (0.03%) direkodkan milik bukan warganegara.

Cameron Highlands dan Bera mencatatkan 100.0 peratus pegangan pertanian individu warganegara. Bagi daerah lain, komposisi warganegara direkodkan melebihi 99 peratus.

Paparan 27: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Tanaman mengikut Kewarganegaraan, Pahang, 2023



Warganegara

77,695

(99.97%)



Bukan Warganegara

27

(0.03%)

4.1.2 Jantina

Pegangan tanaman individu di Pahang didominasi oleh lelaki iaitu 55,229 orang (71.1%) berbanding 22,493 perempuan (28.9%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.

Paparan 28: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Tanaman mengikut Jantina, Pahang, 2023



55,229
(71.1%)

Lelaki

22,493
(8.7%)




Perempuan

4.1.3 Kumpulan Umur

Dari segi struktur umur, seramai 38,549 orang (49.6%) daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh kumpulan umur 46 hingga 59 tahun seramai 22,061 orang (28.4%), 31 hingga 45 tahun seramai 14,210 orang (18.3%) dan 15 hingga 30 tahun seramai 2,902 orang (3.7%).


Paparan 29: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Tanaman mengikut Kumpulan Umur, Pahang, 2023



4.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 66,216 orang (85.2%). Ini diikuti oleh etnik Cina seramai 10,259 orang (13.2%), etnik India seramai 872 orang (1.1%) dan lain-lain etnik seramai 348 orang (0.4%). Secara keseluruhan, etnik Bumiputera mendominasi pegangan pertanian individu di semua daerah kecuali Cameron Highlands, di mana etnik Cina mendominasi subsektor tanaman dengan bilangan seramai 1,696 orang (66.6%) daripada keseluruhan 2,545 orang.


Paparan 30: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Tanaman mengikut Kumpulan Etnik, Pahang, 2023



4.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (55,384 orang; 71.3%), diikuti oleh balu/ duda (12,609 orang; 16.2%), tidak pernah berkahwin (8,000 orang; 10.3%) dan bercerai atau berpisah seramai (717 orang; 0.9%).


Paparan 31: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Tanaman mengikut Taraf Perkahwinan, Pahang, 2023



4.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Dari aspek tahap pendidikan, seramai 27,285 orang (35.8%) pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh tiada sijil seramai 24,618 orang (32.3%) dan peringkat rendah seramai 20,237 orang (26.5%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiari pula berjumlah 3,381 orang (4.4%).


Paparan 32: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Tanaman mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023



4.2 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 direkodkan seluas 983.1 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 208.3 ribu hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 774.8 ribu hektar diusahakan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Rompin mencatatkan keluasan bertanam terbesar iaitu seluas 220.7 ribu hektar, diikuti oleh Pekan 123.8 ribu hektar dan Bera 109.9 ribu hektar.

Paparan 33: Keluasan Bertanam Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



4.3 KELUASAN BERTUAI

Jumlah keluasan bertuai di Pahang pula merekodkan 872.1 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah seluas 189.9 ribu hektar, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertuai sebanyak 682.3 ribu hektar. Rompin merekodkan keluasan bertuai terbesar iaitu 194.3 ribu hektar, diikuti oleh Pekan 110.5 ribu hektar dan Bera 97.5 ribu hektar.


Paparan 34: Keluasan Bertuai Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



4.4 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman pada tahun 2023 direkodkan sebanyak 16.6 juta tan metrik, terdiri daripada pegangan individu sebanyak 2.3 juta tan metrik dan pegangan pertubuhan sebanyak 14.3 juta tan metrik. Kelapa sawit mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 15.5 juta tan metrik, diikuti oleh sayur-sayuran 0.7 juta tan metrik dan buah-buahan 0.2 juta tan metrik. Rompin merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 4.1 juta tan metrik, menyumbang 24.6 peratus kepada jumlah pengeluaran tanaman.

Paparan 35: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023




4.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

4.5.1 Kuantiti Jualan

Secara keseluruhannya, kuantiti jualan subsektor tanaman pada tahun 2023 direkodkan sebanyak 16.6 juta tan metrik terdiri daripada pegangan individu sebanyak 2.2 juta tan metrik dan pegangan pertubuhan sebanyak 14.3 juta tan metrik kuantiti jualan tertinggi adalah daripada kelapa sawit iaitu 15.5 juta tan metrik, diikuti oleh sayur-sayuran dan buah-buahan masing-masing sebanyak 0.7 juta tan metrik dan 0.2 juta tan metrik. Rompin turut mencatatkan kuantiti jualan keseluruhan tanaman tertinggi pada tahun 2023 iaitu 4.1 juta tan metrik, bersamaan 24.6 peratus daripada jumlah kuantiti jualan tanaman Pahang.

Paparan 36: Kuantiti Jualan Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023




4.5.2 Nilai Jualan

Nilai jualan subsektor tanaman merekodkan RM21.78 bilion, dengan sumbangan pegangan individu sebanyak RM4.77 bilion dan pegangan pertubuhan RM17.01 bilion.

Kelapa sawit merupakan penyumbang tertinggi dengan nilai jualan RM14.19 bilion, diikuti sayur-sayuran RM3.97 bilion dan buah-buahan sebanyak RM2.32 bilion.

Paparan 37: Nilai Jualan Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



4.6 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan bagi subsektor tanaman di Pahang pada tahun 2023 adalah RM24.05 bilion. Daripada jumlah ini, RM5.25 bilion (21.8%) disumbangkan oleh pegangan individu, manakala baki RM18.80 bilion (78.2%) adalah daripada pegangan pertubuhan. Pendapatan tertinggi disumbangkan oleh kelapa sawit sebanyak RM15.65 bilion, diikuti oleh sayur-sayuran RM4.21 bilion dan buah-buahan RM2.36 bilion. Pendapatan subsektor tanaman di Cameron Highlands mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak RM4.63 bilion, menyumbang 19.3 peratus kepada pendapatan subsektor tanaman di Pahang.

Paparan 38: Pendapatan Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023




4.7 PERBELANJAAN

Pada tahun 2023, subsektor tanaman di Pahang mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM7.38 bilion. Pecahan perbelanjaan mengikut jenis pegangan menunjukkan bahawa RM1.64 bilion (22.2%) adalah daripada pegangan individu, manakala RM5.74 biion (77.8%) lagi disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Dari segi sumbangan komoditi, kelapa sawit merupakan penyumbang perbelanjaan terbesar dengan nilai pendapatan RM4.47 bilion. Seterusnya, tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan masing-masing mencatatkan pendapatan sebanyak RM1.45 bilion dan RM0.72 bilion. Analisis mengikut daerah menunjukkan bahawa Cameron Highlands telah merekodkan

perbelanjaan subsektor tanaman tertinggi iaitu RM1.60 bilion, yang mewakili sumbangan sebanyak 21.7 peratus kepada jumlah pengeluaran Malaysia.

Paparan 39: Perbelanjaan Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



Jadual 3: Parameter Utama Subsektor Tanaman Mengikut Daerah, Pahang, 2023

DAERAH	BILANGAN PEGANGAN PERTANIAN	KELUASAN BERTANAM (HEKTAR)	KELUASAN BERTUAI (HEKTAR)	KUANTITI PENGELUARAN (TAN METRIK)	KUANTITI JUALAN (TAN METRIK)	NILAI JUALAN (RM JUTA)
BENTONG	6,488	46,098.0	42,551	726,796.9	720,805.9	1,110.24
CAMERON HIGHLANDS	3,194	34,325.4	33,765	641,339.5	634,855.4	4,238.27
JERANTUT	7,481	66,593.5	61,218	1,165,970.9	1,164,192.8	1,375.06
KUANTAN	4,171	94,095.8	84,857	1,728,418.7	1,725,588.6	1,669.19
LIPIS	7,888	74,889.0	61,318	1,069,779.8	1,063,644.9	1,066.15
PEKAN	6,811	123,774.5	110,534	2,196,076.7	2,193615.4	2,079.29
RAUB	7,244	50,145.3	44,058	654,644.5	635,155.2	2,339.16
TEMERLOH	11,214	68,157.4	56,308	832,831.9	828,327.7	952.68
ROMPIN	6,635	220,657.4	194,310	4,092,482.1	4,077,897.9	3,896.49
MARAN	9,619	94,525.0	85,678	1,664,518.1	1,663,812.2	1,556.86
BERA	9,061	109,860.8	97,526	1,881,278.2	1,880,654.5	1,756.98
PAHANG	**79,806**	**983,122.0**	**872,123**	**16,648,514.1**	**16,588,732.4**	**21,783.62**

5.0 PARAMETER SUBSEKTOR TERNAKAN, PAHANG

Sektor ternakan di Pahang memainkan peranan yang signifikan dalam menyumbang kepada kestabilan bekalan makanan negara serta merancakkan pembangunan ekonomi negeri, khususnya di kawasan luar bandar. Sebagai sumber utama protein haiwan seperti daging, telur dan susu, sektor ini menyokong keperluan pemakanan rakyat sambil menjana peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan masyarakat setempat.

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, sektor ternakan menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan tahap kecekapan pengeluaran yang tinggi serta kebolehpasaran hasil yang kukuh. Antara aktiviti utama dalam sektor ini termasuk penternakan ayam pedaging dan ayam penelur, lembu, kambing serta pengeluaran hasil sampingan seperti susu segar dan telur. Kepelbagaian aktiviti ini bukan sahaja memenuhi permintaan tempatan, malah berpotensi untuk diteroka ke pasaran lebih luas selari dengan pembangunan industri agromakanan negara.

5.1 PROFIL PEGANGAN TERNAKAN, PAHANG


Dapatan terkini daripada Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa Pahang mencatatkan sejumlah pegangan pertanian sektor ternakan seramai 5,195. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu adalah seramai 4,932 (94.9%), manakala 263 (5.1%) pegangan adalah pegangan pertanian pertubuhan.



Tiga daerah yang merekodkan pegangan pertanian ternakan tertinggi iaitu Pekan, Jerantut dan Kuantan masing-masing 919, 903 dan 639 pegangan pertanian. Ketiga-tiga daerah ini menyumbang hampir 47.4 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian bagi subsektor ternakan di Pahang.

Manakala tumpuan utama daerah tertinggi pegangan pertanian individu direkodkan oleh Pekan seramai 902 orang (18.3%), diikuti Jerantut (877 orang; 17.8%), Kuantan (595 orang; 12.1%) dan Rompin (592 orang; 12.0%). Daerah-daerah ini telah menyumbang sebanyak 60.1 peratus kepada pegangan pertanian individu.


Paparan 40: Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan, Pahang, 2023



5.1.1 Kewarganegaraan

Pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan di Pahang terdiri daripada 100 peratus warganegara. Tiga daerah dengan bilangan tertinggi ialah Pekan dengan 902 orang, diikuti Jerantut seramai 877 orang dan Kuantan sebanyak 595 orang.

Paparan 41: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Ternakan mengikut Kewarganegaraan, Pahang, 2023




5.1.2 Jantina

Seramai 4,504 orang (91.3%) pegangan pertanian lelaki yang terlibat dalam subsektor ternakan, berbanding 428 orang (8.7%) pegangan pertanian perempuan. Corak penglibatan mengikut jantina adalah hampir seragam di semua daerah, dengan penyertaan lelaki melebihi 85.0 peratus.

Dari segi taburan daerah, Jerantut mencatatkan bilangan pegangan pertanian lelaki tertinggi yang terlibat dalam aktiviti ternakan iaitu 806 orang (17.9%), diikuti Pekan seramai 772 orang (17.1%), Rompin seramai 555 orang (12.3%) dan Kuantan sebanyak 550 orang (12.2%). Bagi pegangan pertanian perempuan pula, Pekan merekodkan bilangan tertinggi iaitu 130 orang (30.4%), diikuti Jerantut seramai 71 orang (16.6%).

Paparan 42: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Ternakan mengikut Jantina, Pahang, 2023




5.1.3 Kumpulan Umur

Penglibatan kumpulan umur 60 tahun dan ke atas telah mencatatkan bilangan pegangan pertanian ternakan yang tertinggi iaitu seramai 1,668 orang (33.8%), diikuti oleh kumpulan umur 46-59 tahun seramai 1,509 orang (30.6%). Dua kumpulan umur tersebut telah menyumbang kepada 64.4 peratus pegangan pertanian individu yang terlibat dalam aktiviti ternakan. Manakala penglibatan pegangan pertanian yang berumur

31-45 tahun seramai 1,477 orang (29.9%) dan kumpulan umur 15-30 tahun adalah seramai 278 orang (5.6%).

Tiga daerah merekodkan bilangan penglibatan pegangan pertanian aktiviti ternakan yang tertinggi bagi kumpulan umur 60 tahun dan ke atas iaitu Pekan seramai 337 orang, diikuti Jerantut (239 orang) dan Kuantan (217 orang).

Paparan 43: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Ternakan mengikut Kumpulan Umur, Pahang, 2023




5.1.4 Kumpulan Etnik

Etnik Bumiputera telah mendominasi penglibatan dalam subsektor ternakan iaitu seramai 4,755 orang (96.4%), diikuti oleh etnik Cina (108 orang; 2.2%), India (44 orang; 0.9%) dan lain-lain (25 orang; 0.5%).

Tujuh daerah di Pahang telah merekodkan penglibatan etnik Bumiputera melebihi 95.0 peratus dalam subsektor ternakan iaitu Jerantut (98.6%), Rompin (98.3%), Lipis (97.8%), Pekan (97.6%), Temerloh (97.2%), Kuantan (96.6%) dan Maran (95.8%). Raub dan Bentong merupakan daerah yang merekodkan peratus penglibatan etnik Cina tertinggi dalam aktiviti ternakan masing-masing sebanyak 8.4 peratus dan 6.5 peratus. Manakala bagi etnik India pula, penglibatan tertinggi adalah di Cameron Highlands (60.0%) dan diikuti Raub (4.2%).

Paparan 44: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Tanaman mengikut Kumpulan Etnik, Pahang, 2023



5.1.5 Taraf Perkahwinan


Majoriti pemilik pegangan ternakan individu di Pahang terdiri daripada golongan berkahwin, dengan jumlah seramai 3,797 orang (77.0%) daripada keseluruhan 4,932 pegangan yang direkodkan. Kategori ini diikuti oleh individu tidak pernah berkahwin seramai 631 orang (12.8%), balu atau duda sebanyak 449 orang (9.1%), manakala berpisah atau bercerai mencatatkan bilangan paling rendah iaitu 55 orang (1.1%). Secara keseluruhan, corak ini menunjukkan penglibatan yang ketara dalam kalangan pemilik pegangan pertanian yang telah berkahwin dalam sektor ternakan di negeri ini.

Dari segi taburan daerah, Jerantut merekodkan bilangan tertinggi penglibatan pegangan pertanian dalam kalangan individu berkahwin, iaitu 690 orang (78.7%), diikuti Pekan dengan 683 orang (75.7%) dan Rompin sebanyak 527 orang (89.0%), berdasarkan peratusan dalam daerah masing-masing.






Paparan 45: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Ternakan mengikut Taraf Perkahwinan, Pahang, 2023



5.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Pegangan pertanian individu subsektor ternakan di Pahang sebahagian besarnya disumbangkan oleh mereka yang berkelulusan menengah iaitu 2,785 orang. Ini diikuti oleh individu yang memiliki sijil di peringkat rendah 940 orang, tiada sijil 755 orang dan tertiari 452 orang.

Paparan 46: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Ternakan mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Pahang, 2023



5.2 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran ternakan di Pahang pada tahun 2023 direkodkan sebanyak 58.2 juta ekor, 496.0 juta biji telur dan 9.1 juta liter susu. Dari segi pengeluaran ternakan hidup, Kuantan merupakan penyumbang utama dengan 35.4 juta ekor, diikuti Bera 6.4 juta ekor dan Temerloh 4.5 juta ekor. Bagi pengeluaran susu segar, Rompin mencatatkan pengeluaran tertinggi iaitu 8.1 juta liter, diikuti Bentong sebanyak 0.9 juta liter dan Lipis dengan 0.04 juta liter. Sementara itu, pengeluaran telur didominasi oleh Raub yang merekodkan 297.8 juta biji, diikuti Pekan sebanyak 108.0 juta biji dan Bentong dengan 61.3 juta biji.

Paparan 47: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023







5.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

5.3.1 Kuantiti Jualan

Pahang merekodkan kuantiti jualan sebanyak 462.4 juta biji telur, 56.7 juta ekor dan 9.0 juta liter susu. Dari segi taburan daerah, Raub mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi unit biji iaitu 278.3 juta biji, diikuti Pekan sebanyak 107.3 juta biji dan Bentong (49.0 juta biji). Bagi unit ekor, Kuantan muncul sebagai penyumbang utama dengan 35.2 juta ekor, diikuti Bera 6.2 juta ekor dan Temerloh 4.2 juta ekor. Sementara itu, bagi unit liter, Rompin merekodkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 8.0 juta liter, diikuti Bentong (0.9 juta liter) dan Lipis (0.04 juta liter).

Paparan 48: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



Kuantiti Jualan

Biji	**462.4 juta**
Ekor	**56.7 juta**
Liter	**9.0 juta**

5.3.2 Nilai Jualan

Nilai jualan subsektor ternakan di Pahang menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dan mencerminkan daya saing subsektor ini dalam ekonomi agromakanan negeri, dengan jumlah nilai jualan pada tahun 2023 mencecah RM1.21 bilion. Daripada jumlah tersebut, nilai jualan pegangan pertanian individu direkodkan sebanyak RM0.17 bilion, manakala nilai jualan pegangan pertubuhan berjumlah RM1.03 bilion.

Paparan 49: Nilai Jualan Subsektor Ternakan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



5.4 PENDAPATAN

Pendapatan subsektor ternakan di Pahang pada tahun 2023 mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1.23 bilion. Daripada jumlah tersebut, pendapatan pegangan pertanian individu direkodkan sebanyak RM0.18 bilion, manakala pendapatan pegangan pertubuhan menyumbang RM1.04 bilion. Dari segi taburan daerah, Kuantan muncul sebagai penyumbang pendapatan tertinggi dengan jumlah sebanyak RM515.67 juta, diikuti Raub (RM123.65 juta) dan Bera (RM120.19 juta).

Paparan 50: Pendapatan Subsektor Ternakan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



5.5 PERBELANJAAN

Perbelanjaan subsektor ternakan di Pahang pada tahun 2023 direkodkan sebanyak RM770.60 juta. Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan pegangan pertanian individu berjumlah RM61.75 juta, manakala perbelanjaan pegangan pertubuhan mencatatkan jumlah yang lebih tinggi iaitu RM708.85 juta.

Paparan 51: Perbelanjaan Subsektor Ternakan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023











Jadual 4: Parameter Utama Subsektor Ternakan Mengikut Daerah, Pahang, 2023

DAERAH	BILANGAN PEGANGAN PERTANIAN	KUANTITI PENGELUARAN	KUANTITI JUALAN	KUANTITI PENGELUARAN	KUANTITI JUALAN	KUANTITI PENGELUARAN	KUANTITI JUALAN	KUANTITI PENGELUARAN	KUANTITI JUALAN	NILAI JUALAN (RM JUTA)
		EKOR		TAN METRIK		LITER		BIJI		
BENTONG	271	3,983,672	3,704,857	1.1	1.1	893,119	875,618	61,261,457	49,030,289	104.50
CAMERON HIGHLANDS	5	2,839	1,855	2.7	2.7	29,621	29,600	-	-	4.7
JERANTUT	903	200,718	186,045	0.9	1.0	-	-	2,905,050	2,672,538	26.26
KUANTAN	639	35,388,826	35,204,942	2.9	2.5	-	-	22,742,031	22,595,957	513.81
LIPIS	313	6,231	5,715	0.9	1.0	40,000	40,000	62,780	58,985	11.10
PEKAN	919	3,025,849	2,729,409	3.3	2.9	27	27	108,014,061	107,252,744	93.26
RAUB	221	1,504,015	1,453,265	1.6	1.6	25,867	14,941	297,779,452	278,348,804	121.05
TEMERLOH	396	4,532,257	4,246,295	0.7	0.7	-	-	961,257	922,079	89.14
ROMPIN	613	1,283,220	1,171,542	5.0	5.0	8,061,966	8,034,571	2,101,804	1,373,411	82.35
MARAN	437	1,894,134	1,832,808	0.6	0.5	3,040	3,040	98,420	83,000	44.20
BERA	478	6,372,316	6,211,323	1.6	1.5	-	-	89,146	58,178	117.24
PAHANG	5,195	58,194,077	56,748,056	21.4	20.31	9,053,640	8,997,797	496,016,000	462,395,985	1,209.60

6.0 PARAMETER SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN, PAHANG

Sektor perikanan tangkapan di Pahang merangkumi perikanan laut dan darat serta menyumbang kepada ekonomi negeri dan bekalan makanan negara. Lokasi strategik seperti Kuantan, Pekan dan Rompin berperanan sebagai pusat pendaratan ikan utama, dengan spesies seperti kembung, tenggiri, sotong dan udang. Rompin turut terkenal dengan aktiviti memancing ikan layaran yang menarik pelancong. Perikanan darat pula dijalankan di sungai, tasik, empangan dan kolam, melibatkan spesies bernilai tinggi seperti patin, keli dan haruan. Kawasan seperti Bera dan Pekan menjadi tumpuan aktiviti ini serta pelaksanaan program pelepasan benih ikan untuk memulihara habitat akuatik secara mampan.


6.1 PROFIL PEGANGAN PERIKANAN TANGKAPAN, PAHANG

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa Pahang mencatatkan 3,398 pegangan perikanan tangkapan pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, 3,354 pegangan (98.7%) merupakan pegangan perikanan individu, manakala 44 pegangan atau (1.3%) adalah pegangan yang dimiliki oleh pertubuhan.

Struktur agihan pegangan perikanan di Pahang memperlihatkan tumpuan yang lebih besar di daerah-daerah tertentu. Pekan merekodkan jumlah pegangan tertinggi dengan 1,146 pegangan, yang terdiri daripada 1,145 pegangan individu dan satu pegangan pertubuhan. Ini diikuti oleh Kuantan yang mencatatkan 809 pegangan, terdiri daripada 778 pegangan individu dan 31 pegangan pertubuhan. Rompin pula merekodkan sebanyak 431 pegangan, dengan 419 daripadanya adalah milik individu dan 12 adalah milik pertubuhan.



Paparan 52: Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan Tangkapan, Pahang, 2023



6.1.1 Kewarganegaraan

Daripada keseluruhan 3,354 pegangan individu, sebanyak 3,350 pegangan (99.99%) dimiliki oleh warganegara, manakala hanya empat pegangan (0.1%) direkodkan milik bukan warganegara. Pekan menyumbang kepada tiga daripada empat pegangan bukan warganegara ini (0.35%), manakala satu lagi dicatatkan di Rompin (0.24%).

Paparan 53: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Kewarganegaraan, Pahang, 2023




6.1.2 Jantina

Pegangan perikanan tangkapan individu di Pahang didominasi oleh lelaki, dengan jumlah sebanyak 3,299 orang (98.4%) berbanding hanya 55 orang perempuan yang mewakili 1.6 peratus daripada keseluruhan 3,354 pegangan individu yang direkodkan.

Pekan mencatatkan jumlah tertinggi bagi pegangan wanita dalam aktiviti perikanan tangkapan iaitu seramai 27 orang atau 2.4 peratus daripada 1,145 pegangan. Ini diikuti oleh Bera dengan 13 orang perempuan (3.3%) dan Rompin seramai 9 orang (2.1%).

Paparan 54: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Jantina, Pahang, 2023




6.1.3 Kumpulan Umur

Kumpulan umur terbesar dalam sektor perikanan tangkapan Pahang ialah mereka yang berumur 46 hingga 59 tahun, dengan jumlah seramai 1,237 orang (36.9%). Ini diikuti oleh kumpulan umur 31 hingga 45 tahun seramai 1,119 orang (33.4%) dan 60 tahun dan ke atas seramai 867 orang (25.8%).

Sementara itu, golongan muda berumur 15 hingga 30 tahun hanya mencatatkan 131 orang (3.9%), menjadikan mereka kumpulan paling kecil dalam pemilikan sektor ini. Kecenderungan pemilikan yang tinggi dalam kalangan golongan pertengahan umur dan warga emas ini mencerminkan dominasi

generasi berpengalaman dalam sektor perikanan di Pahang. Dari segi pecahan daerah, Pekan mencatatkan jumlah tertinggi bagi semua kumpulan umur, termasuk 310 orang berumur 60 tahun dan ke atas serta 330 orang dalam lingkungan 31 hingga 45 tahun. Rompin pula menunjukkan pola yang agak ketara dengan 263 orang dalam kategori umur 31 hingga 45 tahun.

Paparan 55: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Kumpulan Umur, Pahang, 2023




6.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan perikanan tangkapan individu di Pahang adalah terdiri daripada etnik Bumiputera, dengan jumlah seramai 3,182 orang (95.0%). Ini diikuti oleh etnik Cina seramai 131 orang (3.9%) dan lain-lain seramai 37 orang (1.1%).

Secara keseluruhan, pegangan etnik Bumiputera mendominasi di semua daerah, khususnya di Pekan dengan 1,097 orang Bumiputera bersamaan dengan 96.1 peratus. Kuantan pula mencatatkan jumlah tertinggi bagi etnik Cina dengan 61 pegangan (7.8%) daripada jumlah daerah tersebut. Walaupun penyertaan etnik bukan Bumiputera masih wujud, peratusannya kekal rendah, mencerminkan dominasi komuniti Bumiputera dalam subsektor perikanan individu di Pahang.

Paparan 56: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Kumpulan Etnik, Pahang, 2023




6.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pemilik pegangan perikanan tangkapan individu di Pahang terdiri daripada mereka yang telah berkahwin, dengan jumlah seramai 2,755 orang (82.1%) daripada keseluruhan 3,354 pegangan yang direkodkan. Ini diikuti oleh balu/ duda mencatat seramai 274 orang (8.2%), tidak pernah berkahwin sebanyak 316 orang (9.4%),manakala bercerai atau berpisah mencatatkan bilangan paling kecil iaitu 9 orang (0.3%).

Pekan kekal sebagai daerah tumpuan dengan angka tertinggi dalam semua kategori, termasuk 982 orang berkahwin dan 111 orang belum berkahwin.


Paparan 57: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Taraf Perkahwinan, Pahang, 2023



6.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Pegangan pertanian individu subsektor perikanan tangkapan di Pahang sebahagian besarnya disumbangkan oleh mereka yang berkelulusan menengah iaitu 1,223 orang. Ini diikuti oleh individu yang memiliki sijil di peringkat rendah 1,040 orang, tiada sijil 1,046 orang dan tertiari 45 orang.

Paparan 58: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Pahang, 2023








6.2 KUANTITI PENGELUARAN

Pada tahun 2023, subsektor perikanan tangkapan di Pahang telah merekodkan jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran sebanyak 105.5 ribu tan metrik, melibatkan 3,354 bilangan pegangan pertanian di seluruh daerah. Daripada jumlah tersebut, pegangan perikanan individu menyumbang 86.8 ribu tan metrik, manakala pegangan perikanan pertubuhan mencatatkan 18.7 ribu tan metrik.

Kuantan muncul sebagai dominan utama dan nadi pengeluaran perikanan negeri dengan merekodkan 48.3 ribu tan metrik (45.8%) daripada jumlah pengeluaran keseluruhan. Pekan menduduki tempat kedua dengan sumbangan sebanyak 29.2 ribu tan metrik (27.7%), diikuti oleh Rompin yang menyumbang 26.5 ribu tan metrik (25.1%). Pekan turut merekodkan bilangan pegangan tertinggi di negeri ini iaitu sebanyak 1,145 pegangan, menunjukkan aktiviti perikanan yang sangat rancak di peringkat komuniti dan komersial.

Gabungan tiga daerah pesisir pantai ini (Kuantan, Pekan dan Rompin) menyumbang lebih 98% daripada keseluruhan pengeluaran perikanan negeri, membuktikan kepentingan strategik zon maritim Pahang.

Paparan 59: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023




6.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

6.3.1 Kuantiti Jualan

Pada tahun 2023, subsektor perikanan di Pahang telah menunjukkan prestasi pasaran yang sangat kukuh dengan mencatatkan jumlah kuantiti jualan sebanyak 105.1 ribu tan metrik tan metrik. Bagi perikanan tangkapan, sumbangan utama juga datang daripada pegangan individu iaitu 86.3 ribu tan metrik, berbanding 18.7 ribu tan metrik oleh pegangan pertubuhan. Kuantan menjadi pusat graviti ekonomi perikanan negeri dengan menyumbang kuantiti jualan mencecah 48.2 ribu tan metrik.

Paparan 60: Kuantiti Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023




6.3.2 Nilai Jualan

Pada tahun 2023, nilai jualan perikanan tangkapan di Pahang direkodkan sebanyak RM900.50 juta, satu angka yang mencerminkan daya saing tinggi produk perikanan negeri dalam pasaran segar mahupun industri hiliran. Keberkesanan rantaian bekalan ini terbukti apabila 99.6% daripada keseluruhan pengeluaran berjaya dijual ke pasaran. Daripada jumlah tersebut, pegangan perikanan individu merupakan penyumbang utama dengan nilai jualan sebanyak RM745.72 juta, manakala pegangan perikanan pertubuhan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM154.78 juta.

Kuantan merupakan penyumbang utama kepada ekonomi perikanan negeri dengan nilai jualan berjumlah RM398.64 juta, merangkumi 44.3 peratus daripada keseluruhan nilai jualan.


Paparan 61: Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



6.4 PENDAPATAN

Pada tahun 2023, pendapatan subsektor perikanan tangkapan di Pahang mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM904.74 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan perikanan individu merupakan penyumbang utama kepada pendapatan subsektor ini dengan nilai sebanyak RM748.80 juta, mencerminkan peranan dominan nelayan individu dalam aktiviti perikanan tangkapan di negeri ini. Sementara itu, pegangan perikanan pertubuhan menyumbang RM155.94 juta, melengkapkan struktur pendapatan subsektor perikanan tangkapan Pahang.


Paparan 62: Pendapatan Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



6.5 PERBELANJAAN


Pada tahun 2023, perbelanjaan subsektor perikanan tangkapan di Pahang direkodkan sebanyak RM414.63 juta, mencerminkan kos operasi yang ditanggung dalam menjalankan aktiviti perikanan tangkapan di negeri ini. Daripada jumlah tersebut, pegangan perikanan individu mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM347.36 juta, selari dengan peranan dominan nelayan individu dalam sektor perikanan tangkapan Pahang. Sementara itu, pegangan perikanan pertubuhan merekodkan perbelanjaan sebanyak RM67.27 juta, yang melengkapkan struktur perbelanjaan subsektor ini. Corak perbelanjaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar kos operasi perikanan tangkapan di Pahang ditanggung oleh pengusaha individu, dengan sokongan berterusan daripada pertubuhan dalam memperkukuh aktiviti perikanan negeri.

Paparan 63: Perbelanjaan Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



Jadual 5: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan Mengikut Daerah, Pahang, 2023

DAERAH	BILANGAN PEGANGAN PERTANIAN	KUANTITI PENGELUARAN (TAN METRIK)	KUANTITI JUALAN (TAN METRIK)	NILAI JUALAN (RM JUTA)
BENTONG	33	24.5	24.1	0.55
CAMERON HIGHLANDS	-	-	-	-
JERANTUT	135	215.4	215.4	8.03
KUANTAN	809	48,306.0	48,193.0	398.64
LIPIS	137	185.0	184.6	3.98
PEKAN	1,146	29,173.3	29,045.9	246.86
RAUB	93	30.0	30.0	0.51
TEMERLOH	110	106.4	98.3	2.55
ROMPIN	431	26,452.8	26,334.7	219.64
MARAN	112	580.8	557.8	10.74
BERA	392	404.1	374.6	9.00
PAHANG	3,398	105,478.2	105,058.4	900.50



7.0 PARAMETER SUBSEKTOR AKUAKULTUR, PAHANG

Subsektor akuakultur semakin diiktiraf sebagai elemen penting dalam menjamin sekuriti makanan negara, memperkukuh ekonomi luar bandar serta menyokong pertumbuhan ekonomi negeri secara mampan. Selain berperanan sebagai sumber protein alternatif, aktiviti akuakultur turut membuka peluang keusahawanan dan menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat luar bandar.

Pahang mempunyai kelebihan dari segi geografi dan sumber air dalaman, menjadikannya antara negeri paling strategik untuk pembangunan akuakultur, khususnya bagi sistem akuakultur air tawar dan air payau. Kehadiran sungai utama seperti Sungai Pahang, Sungai Jelai dan Sungai Tembeling, serta tasik-tasik penting seperti Tasik Bera dan Tasik Chini, menyediakan persekitaran hidrologi yang sesuai untuk penternakan ikan bernilai tinggi seperti patin, tilapia dan jelawat.


Kepelbagaian sumber semula jadi serta sokongan teknologi moden membolehkan subsektor ini terus berkembang dan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sektor agromakanan negeri serta kesejahteraan ekonomi masyarakat setempat.

7.1 PROFIL PEGANGAN AKUAKULTUR, PAHANG

Dapatan terkini daripada Banci Pertanian 2024 menunjukkan Pahang mencatatkan sejumlah 1,459 pegangan akuakultur pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,329 pegangan (91.1%) merupakan pegangan akuakultur individu, manakala 130 pegangan atau 8.9 peratus dimiliki oleh pertubuhan.

Struktur agihan pegangan akuakultur di Pahang menunjukkan tumpuan yang ketara di beberapa daerah utama. Temerloh mencatatkan jumlah pegangan tertinggi dengan 391 pegangan, yang terdiri daripada 356 pegangan individu dan 35 pegangan pertubuhan. Ini diikuti oleh Pekan dengan 352 pegangan yang merangkumi 318 individu dan 34 pertubuhan serta Lipis iaitu 233 pegangan.

Paparan 64: Pegangan Pertanian Subsektor Akuakultur, Pahang, 2023




7.1.1 Kewarganegaraan

Daripada keseluruhan 1,329 pegangan akuakultur individu di Pahang, kesemuanya (100%) dimiliki oleh warganegara. Tiada sebarang rekod pegangan akuakultur individu yang dimiliki oleh bukan warganegara bagi tahun 2023.

Data ini secara langsung memperlihatkan penguasaan mutlak rakyat tempatan dalam aktiviti dan pemilikan pegangan akuakultur di negeri ini.

Paparan 65: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Akuakultur mengikut Kewarganegaraan, Pahang, 2023




7.1.2 Jantina

Pegangan akuakultur individu di Pahang pada tahun 2023 didominasi oleh lelaki dengan jumlah seramai 1,216 orang (91.5%) berbanding 113 orang perempuan (8.5%) daripada keseluruhan 1,329 pegangan yang direkodkan. Ini menunjukkan bahawa penglibatan lelaki masih menjadi teras utama dalam sektor ini sama ada dalam aspek pemilikan, pengurusan mahupun pengoperasian akuakultur.

Lipis mencatatkan bilangan tertinggi pegangan wanita iaitu seramai 30 orang (13.0%), diikuti Pekan 26 orang (8.2%) dan Temerloh 20 orang (5.6%). Secara keseluruhan, data ini menunjukkan penyertaan wanita dalam sektor akuakultur masih rendah berbanding lelaki.

Paparan 66: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Akuakultur mengikut Jantina, Pahang, 2023




7.1.3 Kumpulan Umur

Corak umur pemilik pegangan akuakultur individu di Pahang pada tahun 2023 memperlihatkan dominasi oleh generasi pertengahan umur dan warga emas. Kumpulan umur terbesar terdiri daripada individu berumur 46 hingga 59 tahun dengan jumlah seramai 446 orang (33.6%), diikuti oleh mereka yang berumur 31 hingga 45 tahun seramai 397 orang (29.9%). Individu berumur 60 tahun dan ke atas mencatatkan jumlah sebanyak 381 orang (28.7%).

Sementara itu, golongan muda berumur 15 hingga 30 tahun hanya melibatkan 105 orang (7.9%) daripada keseluruhan 1,329 pegangan, memperlihatkan cabaran berterusan dalam menarik penyertaan generasi muda ke dalam subsektor akuakultur. Temerloh mencatatkan jumlah tertinggi bagi kategori umur 31 hingga 45 tahun iaitu 138 orang dan 46 hingga 59 tahun seramai 111 orang yang menunjukkan tumpuan penglibatan yang tinggi dalam kalangan generasi produktif. Lipis pula mencatatkan jumlah tertinggi bagi kategori 60 tahun ke atas dengan 99 orang, menggambarkan keterlibatan aktif warga emas dalam subsektor ini. Pekan juga menunjukkan agihan umur yang seimbang dengan 120 orang dalam lingkungan 46 tahun hingga 59 tahun, 97 orang berumur 60 tahun ke atas dan 78 orang dalam kumpulan 31 tahun – 45 tahun.

Paparan 67: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Akuakultur mengikut Kumpulan Umur, Pahang, 2023




7.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan akuakultur individu di Pahang adalah terdiri daripada etnik Bumiputera dengan jumlah seramai 1,179 orang (88.7%) daripada keseluruhan 1,329 pegangan yang direkodkan pada tahun 2023. Ini diikuti oleh lain-lain etnik seramai 128 orang (9.6%), etnik Cina sebanyak 20 orang (1.5%), dan etnik India seramai dua orang sahaja (0.2%).

Secara keseluruhan, etnik Bumiputera mendominasi sektor ini di semua daerah. Temerloh mencatatkan jumlah tertinggi pegangan Bumiputera iaitu seramai 354 orang, diikuti oleh Lipis (222 orang), Maran (153 orang), dan Jerantut (75 orang). Di Pekan pula, walaupun 186 pegangan adalah milik Bumiputera, terdapat jumlah signifikan seramai 128 pegangan di bawah kategori etnik lain-lain menjadikannya daerah yang paling berbeza dari segi komposisi etnik. Etnik Cina direkodkan paling banyak di Lipis seramai lapan orang dan Jerantut sebanyak tiga orang. Pegangan etnik India pula hanya wujud di Lipis dan Bera, masing-masing satu pegangan. Penyertaan etnik bukan Bumiputera dalam sektor akuakultur adalah secara relatifnya kecil. Data ini memperlihatkan dominasi komuniti Bumiputera dalam pemilikan pegangan akuakultur individu di Pahang, selaras dengan struktur demografi luar bandar dan penglibatan tradisional mereka dalam sektor ini.

Paparan 68: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Akuakultur mengikut Kumpulan Etnik, Pahang, 2023




7.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pemilik pegangan akuakultur individu di Pahang adalah terdiri dari kategori telah berkahwin dengan jumlah seramai 931 orang (70.1%) daripada keseluruhan 1,329 pegangan yang direkodkan pada tahun 2023. Ini diikuti oleh individu yang tidak pernah berkahwin sebanyak 243 orang (18.3%) dan balu atau duda seramai 148 orang (11.1%). Sementara itu, kategori bercerai dan berpisah mencatatkan jumlah yang amat kecil, masing-masing enam orang (0.5%) dan satu orang sahaja

(0.1%). Secara keseluruhan, pola ini menunjukkan penglibatan ketara golongan yang telah berkahwin dalam sektor akuakultur, sejajar dengan corak penglibatan jangka panjang dan kestabilan sosioekonomi yang biasanya dikaitkan dengan golongan ini.

Pekan mencatatkan bilangan tertinggi individu yang telah berkahwin iaitu 276 orang, diikuti oleh Lipis seramai 215 orang dan Temerloh sebanyak 186 orang. Temerloh juga menunjukkan jumlah paling tinggi bagi kategori tidak pernah berkahwin seramai 123 orang dan balu/duda seramai 44 orang yang menggambarkan penyertaan yang lebih rencam dari segi taraf perkahwinan. Maran pula unik kerana mencatatkan bilangan balu atau duda paling tinggi iaitu 58 orang melebihi jumlah yang berkahwin seramai 44 orang sekaligus menonjolkan dinamika demografi yang berbeza.


Paparan 69: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Akuakultur mengikut Taraf Perkahwinan, Pahang, 2023



7.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Pegangan pertanian individu subsektor akuakultur di Pahang sebahagian besarnya disumbangkan oleh mereka yang berkelulusan menengah iaitu 724 orang (54.5%). Ini diikuti oleh individu yang tiada sijil 249 orang (18.7%), memiliki sijil di peringkat rendah 212 orang (16.0%) dan tertiari 144 orang (10.8%).

Paparan 70: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Akuakultur mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Pahang, 2023






7.2 KUANTITI PENGELUARAN

Subsektor akuakultur di Pahang pada tahun 2023 mencatatkan jumlah pengeluaran sekitar 14.8 ribu tan metrik dengan bilangan ternakan kira-kira 4,388,807,787 ekor.

Sumbangan pegangan pertanian individu merangkumi 7.9 ribu tan metrik dan 4,770,632 ekor, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan 6.9 ribu tan metrik dengan bilangan ternakan yang lebih tinggi iaitu sekitar 4,384,037,155 ekor.

Pekan kekal sebagai penyumbang tertinggi dengan 5,786.5 tan metrik (39.0%), disokong oleh bilangan pegangan tertinggi di negeri ini (318 pegangan) dan kawasan ternakan yang paling luas (981.4 hektar). Temerloh menduduki tempat kedua dengan 3,454.3 tan metrik (23.3%), diikuti Lipis (1,352.0 tan metrik; 9.1%) dan Kuantan (1,301.0 tan metrik; 8.8%), masing-masing menunjukkan tahap kecekapan operasi yang stabil dan berpotensi tinggi untuk peningkatan produktiviti.

Paparan 71: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023




7.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

7.3.1 Kuantiti Jualan

Kuantiti jualan akuakultur di Pahang direkodkan sebanyak 13.3 ribu tan metrik dengan jumlah pengeluaran 100,085,020 ekor. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menyumbang 7.2 ribu tan metrik dan 3,775,905 ekor, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan 6.1 ribu tan metrik dengan pengeluaran yang jauh lebih tinggi dari segi bilangan iaitu 96,309,115 ekor. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengeluaran akuakultur di Pahang didominasi oleh pegangan pertubuhan dari segi bilangan ternakan.

Paparan 72: Kuantiti Jualan Subsektor Akuakultur mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023




7.3.2 Nilai Jualan

Nilai jualan subsektor akuakultur di Pahang pada tahun 2023 direkodkan sebanyak RM292.73 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menyumbang RM113.13 juta, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan nilai yang lebih tinggi iaitu RM179.59 juta, sekali gus menunjukkan dominasi pertubuhan dalam aktiviti pemasaran hasil akuakultur negeri.

Dari segi sumbangan daerah, Pekan mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju utama dengan nilai jualan tertinggi sebanyak RM155.53 juta (53.1%), menjadikannya penyumbang terbesar kepada nilai jualan negeri. Temerloh mencatatkan nilai jualan kedua tertinggi iaitu RM47.14 juta (16.1%), menegaskan statusnya sebagai pusat industri akuakultur mapan di zon tengah negeri. Lipis dan Kuantan masing-masing menyumbang nilai jualan sebanyak RM19.84 juta dan RM19.21 juta, mencerminkan penglibatan aktif akuakultur di kawasan berkenaan.


Paparan 73: Nilai Jualan Subsektor Perikanan Akuakultur mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



7.4 PENDAPATAN

Dari segi pendapatan, sektor akuakultur di Pahang merekodkan jumlah keseluruhan sebanyak RM294.19 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pendapatan yang dijana oleh pegangan pertanian individu berjumlah RM113.31 juta, manakala pegangan pertubuhan menyumbang RM180.88 juta, sekali gus membentuk bahagian terbesar kepada pendapatan subsektor ini. Keadaan ini mencerminkan keupayaan pertubuhan menjana pendapatan yang lebih tinggi melalui pengeluaran berskala komersial, penggunaan input yang lebih sistematik serta rangkaian pemasaran yang lebih luas, sekali gus mengukuhkan peranan mereka sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi akuakultur negeri.

Paparan 74: Pendapatan Subsektor Akuakultur mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023







7.5 PERBELANJAAN

Bagi aspek perbelanjaan, jumlah perbelanjaan subsektor akuakultur di Pahang pada tahun 2023 direkodkan sebanyak RM134.32 juta. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu membelanjakan RM34.39 juta, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan perbelanjaan yang lebih tinggi iaitu RM99.93 juta. Corak perbelanjaan ini selari dengan skala operasi pertubuhan yang lebih besar, melibatkan penggunaan input pengeluaran yang lebih intensif seperti makanan ternakan, penyelenggaraan kolam dan infrastruktur serta kos pengurusan dan operasi, sekali gus mencerminkan struktur kos yang lebih kompleks dalam aktiviti akuakultur berskala komersial di negeri ini.

Paparan 75: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023







Jadual 6: Parameter Utama Subsektor Akuakultur Mengikut Daerah, Pahang, 2023

DAERAH	BILANGAN PEGANGAN PERTANIAN	KELUASAN (HEKTAR)	KUANTITI PENGELUARAN	KUANTITI JUALAN	NILAI JUALAN (RM)	KUANTITI PENGELUARAN	KUANTITI JUALAN	NILAI JUALAN (RM)	JUMLAH NILAI JUALAN (RM JUTA)
			EKOR			(TAN METRIK)			
BENTONG	18	2.3	-	-	159.30	142.10	1,976.98	1,655,805	1.66
CAMERON HIGHLANDS	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JERANTUT	85	14.2	1,790,320	1,360,240	868.90	830.80	14,170.47	11,187,805	11.42
KUANTAN	39	79.8	4,285,757,100	1,182,350	1,301.00	1,267.60	19,209.18	20,433,409	22.21
LIPIS	39	84.9	1,089,590	799,370	1,352.00	1,332.00	19,838.30	14,766,217	15.41
PEKAN	352	981.4	93,959,111	91,473,239	5,786.50	5,127.80	155,530.77	210,767,253	215.50
RAUB	53	16.3	3,012,724	2,923,235	197.30	191.50	3,715.58	2,393,375	3.17
TEMERLOH	391	166.1	1,135,620	982,064	3,454.30	2,869.10	47,144.18	37,650,058	37.90
ROMPIN	21	12.4	85,410	69,062	103.20	83.40	1,557.48	1,246,981	1.64
MARAN	167	441.1	181,942	181,770	1,159.10	1,057.60	18,580.90	14,185,349	15.03
BERA	100	17.9	1,795,970	1,113,690	436.70	394.00	11,004.73	4,855,838	9.74
PAHANG	1,459	1816.4	4,388,807,787	100,085,020	14,818.30	13,296.10	292,728.59	319,142,090	292.72



8.0 PARAMETER SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN, PAHANG

Pahang merupakan negeri terbesar di Semenanjung Malaysia dan memainkan peranan penting dalam sektor perhutanan negara. Dengan keluasan hutan yang luas, negeri ini menyumbang kepada kelestarian alam sekitar, kestabilan ekosistem serta penjanaan ekonomi negeri, di samping menyokong kehidupan komuniti setempat termasuk masyarakat Orang Asli dan penduduk luar bandar.

Pahang memiliki lebih 1.5 juta hektar Hutan Simpan Kekal yang diurus secara berkekalan, menyokong pelbagai sektor seperti ekopelancongan, penyelidikan biodiversiti, pengeluaran hasil hutan bukan kayu serta berfungsi sebagai kawasan tadahan air utama. Sektor perhutanan ini terus menjadi asas penting dalam mengimbangi pembangunan ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar selari dengan agenda pembangunan lestari negara.




8.1 PROFIL PEGANGAN PERHUTANAN & PEMBALAKAN, PAHANG

Dapatan terkini daripada Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa Pahang mencatatkan sejumlah 1,122 pegangan perhutanan dan pembalakan pada tahun 2023. Jumlah ini mewakili 13.3 peratus daripada jumlah keseluruhan bagi Malaysia iaitu sebanyak 8,464. Daripada jumlah tersebut, 1,072 pegangan (95.5%) merupakan pegangan individu manakala 50 pegangan (4.5%) adalah pegangan pertubuhan. Struktur agihan pegangan perhutanan dan pembalakan di Pahang hanya melibatkan 10 daripada 11 buah daerah di Pahang. Tiada pegangan perhutanan dan pembalakan dicatatkan bagi Cameron Highlands.

Lipis merekodkan jumlah pegangan tertinggi dengan 652 pegangan yang mana majoriti merupakan pegangan individu. Ini diikuti oleh Bentong yang mencatatkan 157 pegangan, terdiri daripada 153 pegangan individu dan 4 pegangan pertubuhan. Jerantut pula merekodkan sebanyak 121 pegangan dengan 107 daripadanya adalah milik individu dan 14 adalah milik pertubuhan yang merangkumi 318 individu dan 34 pertubuhan serta Lipis iaitu 233 pegangan.


Paparan 76: Pegangan Pertanian Subsektor Perhutanan & Pembalakan Pahang, 2023



8.1.1 Kewarganegaraan

Kesemua 1,072 pegangan individu dimiliki oleh warganegara tempatan. Data ini memperlihatkan penguasaan 100 peratus mutlak rakyat tempatan dalam pemilikan pegangan perhutanan dan pembalakan negeri ini.


Paparan 77: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Kewarganegaraan, Pahang, 2023



8.1.2 Jantina

Daripada keseluruhan 1,072 pegangan individu yang direkodkan, pegangan perhutanan dan pembalakan individu di Pahang didominasi oleh lelaki dengan jumlah seramai 999 orang (93.2%) berbanding hanya 73 orang perempuan (6.8%). Lipis mendominasi bilangan pegangan lelaki iaitu seramai 633 orang (63.4%) diikuti Bentong seramai 110 orang (11.0%) dan Jerantut 105 orang (10.5%). 58.9 peratus pegangan wanita adalah daripada Bentong dengan jumlah sebanyak 43 orang diikuti Lipis sebanyak 17 orang (23.3%).

Paparan 78: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Jantina, Pahang, 2023




8.1.3 Kumpulan Umur

Corak umur menunjukkan dominasi generasi pertengahan berusia 31 hingga 59 tahun. Kumpulan umur terbesar ialah individu berumur 31 hingga 45 tahun dengan jumlah seramai 462 orang (43.1%) diikuti oleh mereka yang berumur 46 hingga 59 tahun seramai 279 orang (26.0%). Sementara itu, golongan muda berumur 15 hingga 30 tahun mencatatkan 202 orang (18.8%) diikuti oleh kumpulan umur warga emas iaitu 60 tahun dan ke atas, mencatat bilangan terendah seramai 129 orang (12.0%). Lipis mencatatkan jumlah tertinggi bagi semua kumpulan umur dengan 269 orang berumur 31 hingga 45 tahun dan 177 orang berumur 46 hingga 59 tahun. Kumpulan usia pertengahan antara 31 hingga 59

tahun ini turut menjadi kumpulan umur majoriti bagi pegangan perhutanan dan pembalakan di lapan daerah yang lain.

Paparan 79: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Kumpulan Umur, Pahang, 2023




8.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan perhutanan dan pembalakan individu di Pahang adalah terdiri daripada etnik Bumiputera dengan jumlah seramai 1,062 orang (99.1%) dan lain-lain etnik seramai 10 orang (0.9%). Tiada pegangan dicatatkan bagi etnik Cina dan India dalam rekod dapatan terkini daripada Banci Pertanian 2024.

Secara keseluruhan, pegangan etnik Bumiputera mendominasi 100 peratus di semua daerah kecuali Temerloh dan Bentong.

Paparan 80: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Kumpulan Etnik, Pahang, 2023




8.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pemilik pegangan perhutanan dan pembalakan individu di Pahang terdiri daripada mereka yang telah berkahwin dengan jumlah seramai 949 orang (88.5%). Ini diikuti oleh balu atau duda seramai 61 orang (5.7%), tidak pernah berkahwin seramai 57 orang (5.3%) manakala bilangan individu yang berpisah dan bercerai adalah sangat kecil, masing-masing tiga orang (0.3%) dan dua orang (0.2%). Secara keseluruhan, pola ini menunjukkan penguasaan ketara golongan yang telah berkahwin dalam sektor perhutanan dan pembalakan di negeri ini.

Lipis kekal sebagai daerah tumpuan dengan angka tertinggi bagi kategori berkahwin (599 orang), balu/duda (36 orang) dan berpisah (3 orang). Bentong pula mencatat angka tertinggi bagi pegangan pertanian individu belum berkahwin sebanyak 19 orang. Kesemua sepuluh daerah didominasi oleh pegangan pertanian individu yang telah berkahwin.

Paparan 81: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Taraf Perkahwinan, Pahang, 2023



8.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Pegangan pertanian individu subsektor perhutanan dan pembalakan di Pahang sebahagian besarnya terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai sijil iaitu seramai 763 orang (71.2%). Ini diikuti oleh individu peringkat rendah 212 orang (21.4%), berkelulusan menengah iaitu 75 orang (6.9%) dan tertiari 5 orang (0.5%).

Paparan 82: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Pahang, 2023

Tiada Sijil	Rendah	Menengah	Tertiari
763 (71.2%)	229 (21.4%)	75 (6.9%)	5 (0.5%)



8.2 KUANTITI PENGELUARAN

8.2.1 Aktiviti Hasil Hutan Bukan Kayu

Aktiviti hasil hutan bukan kayu di Pahang mencatatkan jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran sebanyak 1,089.7 tan metrik. Aktiviti yang dijalankan oleh individu merupakan penyumbang utama dengan jumlah pengeluaran sebanyak 1,086.7 tan metrik (99.7%) daripada keseluruhan pengeluaran negeri manakala aktiviti oleh pertubuhan hanya menyumbang sebanyak 3.0 tan metrik (0.3%).


Lipis merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan jumlah sebanyak 789.2 tan metrik, menyumbang 72.4 peratus kepada pengeluaran keseluruhan negeri. Bentong pula merupakan daerah kedua tertinggi dengan 188.4 tan metrik (17.3%). Kedua-dua daerah ini menyumbang 89.7 peratus daripada jumlah pengeluaran aktiviti ini bagi Pahang.

8.2.2 Pembalakan

Aktiviti pembalakan di Pahang mencatatkan jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran sebanyak 954.2 ribu meter padu. Aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan merupakan penyumbang utama dengan jumlah pengeluaran sebanyak 953.4 ribu meter padu (99.9%) daripada keseluruhan pengeluaran negeri manakala aktiviti oleh individu hanya menyumbang sebanyak 860 ribu meter padu (0.1%).

Jerantut merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi aktiviti pembalakan dengan jumlah sebanyak 299.43 ribu meter padu, menyumbang 31.3 peratus kepada pengeluaran keseluruhan negeri. Lipis merupakan daerah kedua tertinggi dengan 130.23 ribu meter padu (13.6%) diikuti Kuantan dengan 120.77 ribu meter padu (12.7%) dan Raub dengan jumlah 30.29 ribu meter padu (3.2%). Secara kolektifnya, empat daerah ini menyumbang 60.8 peratus daripada jumlah pengeluaran aktiviti pembalakan Pahang. Bentong, Pekan, Maran dan Bera hanya menyumbang kurang dari 10.7 peratus bagi kuantiti pengeluaran manakala tiada perwakilan bagi Cameron Highlands.

Paparan 83: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023







8.3 KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

8.3.1 Kuantiti Jualan


Kuantiti jualan bagi aktiviti hasil hutan bukan kayu di Pahang mencatatkan jumlah keseluruhan sebanyak 1,086.5 tan metrik. Aktiviti ini didominasi oleh pegangan individu yang menyumbang 1,083.5 tan metrik (99.7%), manakala pegangan pertubuhan hanya menyumbang 3.0 tan metrik (0.3%).

Lipis merekodkan kuantiti jualan tertinggi dengan 789.2 tan metrik (72.4%), diikuti Bentong (188.4 tan metrik; 17.3%) dan Jerantut (32.0 tan metrik; 2.9%). Secara kolektif, Lipis dan Bentong menyumbang 89.7 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Bagi aktiviti pembalakan, kuantiti jualan di Pahang direkodkan sebanyak 954.2 ribu meter padu dan didominasi oleh pegangan pertubuhan dengan sumbangan 953.4 ribu meter padu (99.9%), manakala pegangan individu hanya menyumbang 0.9 ribu meter padu (0.1%).

Jerantut merekodkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 299.43 ribu meter padu (31.3%), diikuti Lipis (130.23 ribu meter padu; 13.6%), Kuantan (120.77 ribu meter padu; 12.7%) dan Raub (30.29 ribu meter padu; 3.2%). Secara keseluruhannya, daerah ini menyumbang 60.8 peratus daripada jumlah kuantiti jualan aktiviti pembalakan di Pahang.

Paparan 84: Kuantiti Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



8.3.2 Nilai Jualan

Pada tahun 2023, subsektor perhutanan dan pembalakan di Pahang merekodkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM557.17 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertubuhan merupakan penyumbang utama dengan nilai jualan RM542.30 juta, iaitu lebih 97 peratus daripada keseluruhan nilai jualan subsektor ini, manakala pegangan individu mencatatkan RM14.87 juta.

Dari segi sumbangan daerah, Jerantut mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM208.28 juta, diikuti oleh Rompin (RM119.58 juta) dan Lipis (RM87.16 juta). Kuantan turut menyumbang RM72.32 juta, manakala Bera dan Maran masing-masing merekodkan RM17.03 juta dan RM14.95 juta. Sebaliknya, Pekan, Temerloh dan Bentong mencatatkan nilai jualan yang lebih rendah, masing-masing sebanyak RM8.94 juta, RM5.62 juta dan RM3.76 juta.

Paparan 85: Nilai Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



8.4 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan subsektor perhutanan dan pembalakan di Pahang direkodkan sebanyak RM642.70 juta. Pegangan pertanian pertubuhan merupakan penyumbang utama dengan pendapatan RM627.81 juta, manakala pegangan pertanian individu mencatatkan pendapatan RM14.89 juta. Mengikut daerah, Jerantut merekodkan pendapatan tertinggi iaitu RM217.50 juta, diikuti oleh Rompin sebanyak RM129.50 juta dan Lipis sebanyak RM100.50 juta.

Paparan 86: Pendapatan Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



8.5 PERBELANJAAN

Aktiviti perhutanan dan pembalakan di Pahang merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM264.07 juta pada tahun 2023. Perbelanjaan subsektor ini didominasi oleh pegangan pertubuhan yang menyumbang RM262.85 juta, bersamaan 99.5 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan, manakala pegangan individu hanya merekodkan RM1.22 juta atau 0.46 peratus.

Dari segi agihan mengikut daerah, Jerantut mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM88.91 juta (33.7%), diikuti oleh Rompin sebanyak RM49.80 juta (18.9%) dan Lipis RM34.57 juta (13.1%). Kuantan pula merekodkan RM30.90 juta, mewakili 11.7 peratus daripada jumlah keseluruhan negeri. Secara keseluruhannya, corak perbelanjaan ini menunjukkan bahawa aktiviti perhutanan dan pembalakan

di Pahang tertumpu di daerah utama serta digerakkan oleh pegangan pertubuhan, sekali gus mencerminkan skala operasi yang besar dan peranan strategik subsektor ini dalam ekonomi negeri.

Paparan 87: Perbelanjaan Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Pegangan Pertanian, Pahang, 2023







Jadual 7: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan Mengikut Daerah, Pahang, 2023

DAERAH	BILANGAN PEGANGAN PERTANIAN	PERHUTANAN		PEMBALAKAN		NILAI JUALAN (RM JUTA)
		KUANTITI PENGELUARAN	KUANTITI JUALAN	KUANTITI PENGELUARAN	KUANTITI JUALAN	
		TAN METRIK		M^3		
BENTONG	157	188.4	188.4	5,518	5,518	3.76
CAMERON HIGHLANDS	-	-	-	-	-	-
JERANTUT	121	10.5	10.4	299,434	299,434	208.28
KUANTAN	10	-	-	120,770	120,770	72.32
LIPIS	652	789.2	789.2	130,223	130,223	87.16
PEKAN	69	31.9	31.7	9,686	9,686	8.94
RAUB	26	34.6	32.0	30,279	30,279	19.53
TEMERLOH	19	1.5	1.3	7,013	7,013	5.62
ROMPIN	35	23.3	23.2	264,371	264,371	119.58
MARAN	30	10.0	10.0	26,184	26,184	14.96
BERA	3	0.3	0.3	60,661	60,661	17.03
PAHANG	1,122	1,089.7	1,086.5	954,229	954,230	557.17

*** Nota:**


1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

9.0 AKTIVITI SEKTOR PERTANIAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

9.1 BENTONG

Pada tahun 2023, Bentong merekodkan sebanyak 6,819 pegangan pertanian. Daripada jumlah ini, sebanyak 6,553 pegangan (96.1%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala 266 pegangan (3.9%) terdiri daripada pegangan pertanian pertubuhan. Keadaan ini menunjukkan penguasaan pegangan individu dalam struktur pertanian daerah ini.

Paparan 88: Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan Daerah Bentong, Pahang, 2023






9.1.1 TANAMAN

Bentong mempunyai 6,488 pegangan pertanian tanaman dengan keluasan bertanam 46,098 hektar dan keluasan bertuai 42,551 hektar. Tanaman utama di daerah ini ialah kelapa sawit, getah dan buah-buahan. Kelapa sawit merupakan tanaman terbesar dengan keluasan bertanam 33,891 hektar dan bertuai 31,395 hektar, dengan pengeluaran dan jualan masing-masing sebanyak 653,056 tan metrik, menyumbang kepada nilai jualan sebanyak RM593.88 juta.

Getah pula diusahakan di kawasan seluas 6,875 hektar dengan pengeluaran 4,574 tan metrik dan nilai jualan RM29.80 juta. Buah-buahan mencatatkan pengeluaran sebanyak 27,961 tan metrik dengan nilai jualan RM221.18 juta, disumbang terutamanya oleh durian dan pisang. Sayur-sayuran turut menyumbang melalui pengeluaran sebanyak 34,756 tan metrik dengan nilai jualan RM204.65 juta, manakala tanaman lain seperti herba menyumbang RM56.79 juta. Secara keseluruhannya, nilai jualan subsektor tanaman di Bentong berjumlah RM1.11 bilion, menjadikannya penyumbang terbesar dalam sektor pertanian daerah ini.

Paparan 89: Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam dan Keluasan Bertuai Subsektor Tanaman Daerah Bentong, Pahang, 2023



Paparan 90: Statistik Tanaman Mengikut Jenis Tanaman Utama Daerah Bentong, Pahang, 2023





9.1.2 TERNAKAN


Subsektor ternakan di Bentong melibatkan sebanyak 271 pegangan pertanian dengan kuantiti pengeluaran utama sebanyak 3.9 juta ekor ternakan, merangkumi ayam dan ruminan sebagai komponen utama. Selain itu, sebanyak 893.1 ribu liter hasil susu serta 61.3 juta biji telur turut dihasilkan.

Nilai jualan keseluruhan subsektor ini berjumlah RM104.50 juta, menjadikannya antara penyumbang penting kepada ekonomi pertanian Bentong. Tambahan pula, Bentong merupakan penyumbang terbesar bagi kuantiti dan nilai jualan ternakan kambing/bebiri di Pahang, sekali gus memperkukuh peranannya dalam subsektor ruminan.

Paparan 91: Pegangan Pertanian dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan Daerah Bentong, Pahang, 2023



Paparan 92: Kuantiti Pengeluaran Mengikut Kumpulan Daerah Bentong, Pahang, 2023



9.1.3 PERIKANAN TANGKAPAN

Subsektor perikanan tangkapan di Bentong melibatkan 33 pegangan pertanian dengan jumlah pengeluaran sebanyak 24.5 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 24.1 tan metrik telah dijual. Nilai jualan subsektor ini direkodkan sebanyak RM549.07 ribu.


Paparan 93: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan Daerah Bentong, Pahang, 2023



9.1.4 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Bentong melibatkan 18 pegangan pertanian dan menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dari segi pengeluaran. Sebanyak 159.3 tan metrik dihasilkan, dengan 142.1 tan metrik telah dijual. Nilai jualan subsektor ini direkodkan sebanyak RM1.98 juta, mencerminkan sumbangan subsektor akuakultur kepada ekonomi pertanian Bentong.

Paparan 94: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur Daerah Bentong, Pahang, 2023






9.1.5 PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor perhutanan dan pembalakan di Bentong melibatkan 157 pegangan pertanian. Aktiviti subsektor ini merangkumi pengeluaran hasil hutan bukan kayu serta aktiviti pembalakan. Dari segi kuantiti pengeluaran, sebanyak 188.4 tan metrik hasil hutan bukan kayu dan 5,518 meter padu pembalakan direkodkan.

Nilai jualan keseluruhan subsektor ini berjumlah RM3.76 juta. Walaupun sumbangannya lebih kecil berbanding subsektor tanaman dan ternakan di Bentong, subsektor ini masih memainkan peranan dalam menyumbang kepada ekonomi luar bandar.

Paparan 95: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Daerah Bentong, Pahang, 2023



9.1.6 PENDAPATAN

Bentong merekodkan pendapatan sebanyak RM1.37 bilion, menyumbang sebahagian kecil kepada keseluruhan pendapatan negeri.

Jumlah pendapatan bagi sektor pertanian di daerah Bentong pada tahun 2023 menunjukkan bahawa subsektor tanaman merupakan penyumbang utama dengan nilai sebanyak RM1.25 bilion. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM338.89 juta (27%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM915.14 juta (73%). Kelapa sawit merupakan penyumbang terbesar dengan nilai RM671.79 juta, diikuti buah-buahan sebanyak RM223.53 juta dan getah sebanyak RM45.51 juta.

Bagi subsektor ternakan, jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM109.04 juta, dengan pegangan pertanian individu menyumbang RM19.77 juta (18.13%) dan pegangan pertanian pertubuhan sebanyak RM89.27 juta (81.87%).

Subsektor perikanan tangkapan pula mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM549.07 ribu. Bagi subsektor akuakultur, jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM2.04 juta, di mana pegangan pertanian individu menyumbang

RM698.52 ribu (34.30%) dan pegangan pertanian pertubuhan sebanyak RM1.34 juta (65.70%).

Sementara itu, bagi aktiviti perhutanan dan pembalakan, jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM4.24 juta, dengan sumbangan RM961.05 ribu (22.65%) daripada pegangan pertanian individu dan RM3.28 juta (77.35%) daripada pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 96: Pendapatan Daerah Bentong, Pahang, 2023



9.1.7 PERBELANJAAN

Bentong merekodkan perbelanjaan sebanyak RM451.60 juta, menunjukkan tahap perbelanjaan yang sederhana berbanding daerah lain. Dari segi perbelanjaan, subsektor tanaman di Bentong mencatatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM390.74 juta, dengan RM110.95 juta dibelanjakan oleh pegangan pertanian individu dan RM279.79 juta oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Subsektor ternakan pula merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM58.32 juta, terdiri daripada RM8.37 juta oleh pegangan pertanian individu dan RM49.94 juta oleh pegangan pertanian pertubuhan. Bagi subsektor perikanan tangkapan, jumlah perbelanjaan dicatatkan sebanyak RM272.93 ribu.

Subsektor akuakultur mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM894.89 ribu, dengan RM129.68 ribu daripada pegangan pertanian individu dan RM765.21 ribu daripada pegangan pertanian pertubuhan. Manakala bagi aktiviti perhutanan dan pembalakan, jumlah perbelanjaan direkodkan sebanyak RM1.36 juta, terdiri daripada RM125.69 ribu oleh pegangan pertanian individu dan RM1.23 juta oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 97: Perbelanjaan Daerah Bentong, Pahang, 2023



9.1.8 GAJI DAN UPAH

Secara keseluruhan, sektor pertanian di daerah Bentong merekodkan jumlah guna tenaga seramai 10,985 orang pada tahun 2023, dengan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM20,780. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,765 orang merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif, diikuti 355 orang pekerja keluarga tanpa gaji, manakala 6,865 orang terdiri daripada pekerja bergaji.

Mengikut jenis pegangan pertanian, pegangan individu mencatatkan jumlah guna tenaga seramai 6,633 orang dengan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM20,987. Daripada jumlah ini, seramai 3,421 orang adalah pemilik dan rakan niaga yang aktif, 331 orang merupakan pekerja keluarga tanpa gaji, manakala 2,881 orang terdiri daripada pekerja bergaji.

Sementara itu, pegangan pertanian pertubuhan di daerah Bentong merekodkan jumlah guna tenaga seramai 4,352 orang pada tahun 2023 dengan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM20,631. Daripada jumlah tersebut, seramai 344 orang merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif, diikuti 24 orang pekerja keluarga tanpa gaji, manakala sebahagian besar iaitu 3,984 orang terdiri daripada pekerja bergaji.

Paparan 98: Gaji dan Upah Daerah Bentong, Pahang, 2023



9.2 CAMERON HIGHLANDS

Sebanyak 3,199 pegangan pertanian direkodkan di Cameron Highlands pada tahun 2023. Pegangan individu berjumlah 2,550 (79.7%), sementara 649 pegangan (20.3%) diusahakan oleh pertubuhan, mencerminkan penglibatan pertubuhan yang lebih ketara berbanding daerah lain.

Paparan 99: Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan Daerah Cameron Highlands, Pahang, 2023



Pegangan Pertanian
3,199



Individu
2,550 (79.7%)



Pertubuhan
649 (20.3%)



9.2.1 TANAMAN

Pegangan bagi subsektor tanaman di Cameron Highlands berjumlah 3,194 dengan keluasan bertanam 34,325 hektar dan keluasan bertuai 33,764 hektar.

Tanaman utama di daerah ini ialah sayur-sayuran, buah-buahan serta tanaman lain seperti bunga keratan dan teh.


Sayur-sayuran merupakan komoditi dominan, dengan keluasan bertanam 28,967 hektar dan bertuai 28,795 hektar, mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 604,911 tan metrik dengan nilai jualan mencecah RM3.60 bilion menjadikan Cameron Highlands sebagai penyumbang utama dari segi keluasan bertanam dan pengeluaran sayur-sayuran di Malaysia.

Bagi tanaman lain, Cameron Highlands mencatat keluasan bertanam sebanyak 4,836 hektar dengan nilai jualan berjumlah RM596.09 juta, yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh industri bunga keratan dan teh.


Keluasan bertanam buah-buahan seluas 290.6 hektar dengan nilai jualan RM49.10 juta, yang sebahagian besarnya terdiri daripada hasil tanaman strawberi, iaitu identiti utama pertanian Cameron Highlands. Selain itu, nanas mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 924 tan metrik dengan nilai jualan RM2.73 juta.

Secara keseluruhan, nilai jualan subsektor tanaman di Cameron Highlands berjumlah RM4.24 bilion, menjadikan sektor ini sebagai tulang belakang kepada ekonomi pertanian daerah tersebut.

Paparan 100: Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam dan Keluasan Bertuai Subsektor Tanaman Daerah Cameron Highlands, Pahang, 2023



Paparan 101: Statistik Tanaman Mengikut Jenis Tanaman Utama Daerah Cameron Highlands, Pahang, 2023




9.2.2 TERNAKAN

Subsektor ternakan di Cameron Highlands melibatkan lima pegangan pertanian dengan jumlah pengeluaran sebanyak 2,839 ekor ternakan, 29,621 liter hasil ternakan seperti susu, dan 2.7 ribu tan metrik produk ternakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,855 ekor, 29,600 liter dan 2.7 ribu tan metrik telah dijual. Nilai jualan keseluruhan subsektor ini adalah sebanyak RM4.66 juta, menunjukkan sumbangan sederhana kepada pendapatan pertanian tempatan.

Paparan 102: Pegangan Pertanian, dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan Daerah Cameron Highlands, Pahang, 2023



Paparan 103; Kuantiti Pengeluaran Mengikut Kumpulan Daerah Cameron Highlands, Pahang, 2023



9.2.3 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan pertanian di daerah Cameron Highlands pada tahun 2023 direkodkan sebanyak RM4.64 bilion, dengan subsektor tanaman menyumbang hampir keseluruhan pendapatan dengan nilai RM4.63 bilion. Subsektor sayur-sayuran merupakan penyumbang utama dengan pendapatan mencecah RM3.75 bilion mencerminkan kebergantungan tinggi daerah ini terhadap tanaman sayur-sayuran di kawasan tanah tinggi. Selain itu, subsektor tanaman lain turut menyumbang pendapatan sebanyak RM824.16 juta, diikuti subsektor buah-buahan (RM49.12 juta).

Subsektor getah dan nanas masing-masing mencatatkan pendapatan yang lebih kecil iaitu RM3.79 juta dan RM2.82 juta. Dari segi ternakan, pendapatan yang dijana adalah terhad iaitu RM5.21 juta, menunjukkan peranan subsektor ini yang masih berskala kecil dalam struktur ekonomi pertanian daerah.

Paparan 104: Pendapatan Daerah Cameron Highlands, Pahang, 2023



9.2.4 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan pertanian di Cameron Highlands pada tahun 2023 adalah sebanyak RM1.60 bilion, dengan subsektor tanaman merekodkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM1.60 bilion. Tanaman sayur-sayuran menyumbang perbelanjaan terbesar sebanyak RM1.30 bilion, sejajar dengan kos input yang tinggi melibatkan baja, racun perosak, tenaga buruh dan penggunaan teknologi pertanian moden. Tanaman lain pula mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM291.54 juta, manakala tanaman buah-buahan merekodkan perbelanjaan RM11.31 juta.

Perbelanjaan bagi subsektor nanas dan getah masing-masing adalah RM1.49 juta dan RM0.67 juta. Sementara itu, subsektor ternakan mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM1.92 juta selari dengan skala operasi yang kecil dan tahap intensiti pengeluaran yang lebih rendah berbanding subsektor tanaman.

Paparan 105: Perbelanjaan Daerah Cameron Highlands, Pahang, 2023





9.2.5 GAJI DAN UPAH

Daerah Cameron Highlands menampilkan struktur guna tenaga pertanian yang lebih besar dan berintensifkan pekerja bergaji pada tahun 2023. Seramai 19,875 orang terlibat dalam aktiviti pertanian di daerah ini, dengan purata gaji dan upah tahunan mencecah RM25,381, iaitu tertinggi di Pahang. Komposisi guna tenaga menunjukkan dominasi pekerja bergaji seramai 16,213 orang, manakala pemilik dan rakan niaga yang aktif berjumlah 3,490 orang serta 172 orang pekerja keluarga tanpa gaji.

Dari segi pegangan pertanian individu, seramai 9,356 orang terlibat dengan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM23,848. Kumpulan ini merangkumi 2,571 pemilik dan rakan niaga yang aktif, hanya 50 pekerja keluarga tanpa gaji, serta 6,735 pekerja bergaji.

Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, jumlah guna tenaga adalah lebih tinggi iaitu 10,519 orang, disokong terutamanya oleh 9,478 pekerja bergaji. Selebihnya terdiri daripada 919 pemilik dan rakan niaga yang aktif serta 122 pekerja keluarga tanpa gaji. Purata gaji dan upah tahunan bagi kategori ini direkodkan pada paras RM26,470, mencerminkan struktur operasi pertanian berskala lebih besar dan berorientasikan pasaran di Cameron Highlands.


Paparan 106: Gaji dan Upah Daerah Cameron Highlands, Pahang, 2023



9.3 JERANTUT

Pada tahun 2023, daerah Jerantut merekodkan sebanyak 8,536 pegangan pertanian. Daripada jumlah tersebut, 8,418 (98.6%) pegangan merupakan pegangan pertanian individu, manakala 118 (1.4%) pegangan terdiri daripada pegangan pertanian pertubuhan. Taburan ini menunjukkan bahawa struktur pegangan pertanian di daerah ini didominasi oleh pegangan individu.

Paparan 107: Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan Daerah Jerantut, Pahang, 2023




9.3.1 TANAMAN


Jerantut mempunyai 7,481 pegangan pertanian bagi subsektor tanaman dengan keluasan bertanam 66,594 hektar dan keluasan bertuai 61,218 hektar. Tanaman utama di daerah ini ialah kelapa sawit, getah dan buah-buahan.

Kelapa sawit merupakan tanaman dominan di Jerantut dengan keluasan bertanam 59,800 hektar dan bertuai seluas 55,132 hektar, menghasilkan sebanyak 1.15 juta tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM1.06 bilion. Getah pula mencatat pengeluaran sebanyak 3,210 tan metrik dan nilai jualan RM23.32 juta. Manakala, kuantiti pengeluaran buah-buahan menyumbang sebanyak 6,633 tan metrik bernilai RM17.87 juta. Sayur-sayuran turut menyumbang 2,205 tan metrik kepada pengeluaran tanaman makanan. Secara keseluruhan, subsektor tanaman menyumbang sebanyak RM1.12 bilion kepada ekonomi pertanian Jerantut.

Paparan 108: Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam dan Keluasan Bertuai Tanaman Daerah Jerantut, Pahang, 2023



Paparan 109: Statistik Tanaman Mengikut Jenis Tanaman Utama Daerah Jerantut, Pahang, 2023








9.3.2 TERNAKAN

Subsektor ternakan di Jerantut melibatkan 903 pegangan pertanian, dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 200.72 ribu ekor ternakan dan 2.91 juta biji telur. Daripada jumlah ini, sebanyak 186.05 ribu ekor dan 2.67 juta biji telur telah berjaya dipasarkan. Nilai jualan ternakan adalah sebanyak RM26.26 juta, menjadikannya antara komponen penting yang menyumbang secara signifikan kepada pendapatan pertanian daerah.

Paparan 110: Pegangan Pertanian, dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan Daerah Jerantut, Pahang, 2023



Paparan 111: Kuantiti Pengeluaran Mengikut Kumpulan Daerah Jerantut, Pahang, 2023



9.3.3 PERIKANAN TANGKAPAN

Terdapat 135 pegangan pertanian perikanan tangkapan di Jerantut yang mencatatkan pengeluaran dan jualan sebanyak 215 tan metrik, dengan nilai jualan keseluruhan berjumlah RM8.03 juta, menunjukkan sektor ini mempunyai peranan penting dalam ekosistem pertanian daerah.


Paparan 112: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan Daerah Jerantut, Pahang 2023



9.3.4 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur melibatkan 85 pegangan pertanian, dengan pengeluaran sebanyak 1.79 juta ekor ikan (baka dan anak benih) dan 869 tan metrik hasil untuk pasaran. Daripada jumlah ini, sebanyak 1.36 juta ekor dan 831 tan metrik telah berjaya dijual. Aktiviti ini telah menyumbang kepada nilai jualan sebanyak RM14.17 juta, membuktikan bahawa akuakultur merupakan sektor yang berkembang di Jerantut dan menyokong keselamatan makanan tempatan.

Paparan 113: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur Daerah Jerantut, Pahang, 2023





9.3.5 PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor ini melibatkan 121 pegangan pertanian, dengan pengeluaran dan jualan sebanyak 299.4 ribu meter padu hasil pembalakan dan 0.14 tan metrik hasil hutan. Nilai jualan yang direkodkan ialah RM208.28 juta, menjadikan sektor ini penyumbang penting dalam hasil sumber asli Jerantut yang perlu diurus secara lestari bagi menjamin kelangsungan alam sekitar.

Paparan 114: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Daerah Jerantut, Pahang, 2023



Pegangan Pertanian
121



Kuantiti Pengeluaran
Pembalakan ('000)
299.4 meter padu
Hasil Hutan Bukan Kayu
0.14 tan metrik



Nilai Jualan
RM208.28 juta

9.3.6 PENDAPATAN

Jerantut merekodkan pendapatan sebanyak RM1.51 bilion dengan sektor tanaman di Jerantut merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM1,247.54 juta. Pendapatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh subsektor tanaman kelapa sawit yang mencatatkan RM1,175.01 juta, sekali gus menjadi penyumbang utama kepada pendapatan keseluruhan sektor pertanian di daerah ini.

Sumbangan subsektor tanaman lain adalah jauh lebih kecil, antaranya getah dengan pendapatan RM35.25 juta, diikuti oleh buah-buahan (RM18.03 juta) dan sayur-sayuran (RM14.87 juta). Tanaman makanan seperti padi, nanas dan koko hanya menyumbang pendapatan yang minimum berbanding tanaman perladangan.

Selain subsektor tanaman, perhutanan dan pembalakan turut menyumbang pendapatan yang signifikan, iaitu sebanyak RM217.51 juta, menjadikannya subsektor kedua terbesar dari segi pendapatan di daerah Jerantut. Subsektor ternakan dan perikanan masing-masing merekodkan pendapatan RM27.37 juta dan RM22.32 juta, dengan sumbangan perikanan lebih tertumpu kepada aktiviti akuakultur berbanding perikanan tangkapan.

Secara keseluruhannya, struktur pendapatan sektor pertanian di Jerantut pada tahun 2023 adalah sangat tertumpu kepada subsektor tanaman, khususnya kelapa sawit, diikuti oleh perhutanan dan pembalakan. Corak ini menggambarkan kebergantungan tinggi daerah terhadap aktiviti pertanian berasaskan perladangan sebagai pemacu utama pendapatan sektor pertanian.

Paparan 115: Pendapatan Daerah Jerantut, Pahang, 2023



9.3.7 PERBELANJAAN

Jerantut merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM471.47 juta, mencerminkan kos operasi yang stabil dalam sektor pertanian. Subsektor tanaman merekodkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM364.22 juta, bersamaan lebih tiga perempat daripada keseluruhan perbelanjaan pertanian daerah ini. Perbelanjaan subsektor ini didominasi oleh tanaman kelapa sawit sebanyak RM337.26 juta, manakala tanaman lain seperti getah, buah-buahan dan sayur-sayuran mencatatkan perbelanjaan yang jauh lebih rendah.

Selain itu, subsektor perhutanan dan pembalakan merekodkan perbelanjaan kedua tertinggi iaitu RM88.91 juta, diikuti oleh subsektor ternakan sebanyak RM11.00 juta serta subsektor perikanan sebanyak RM7.35 juta, yang merangkumi aktiviti perikanan tangkapan dan akuakultur. Corak ini menunjukkan bahawa struktur perbelanjaan pertanian di Jerantut lebih tertumpu kepada subsektor tanaman, khususnya kelapa sawit.

Paparan 116: Perbelanjaan Daerah Jerantut, Pahang, 2023



9.3.8 GAJI DAN UPAH

Pada tahun 2023, daerah Jerantut merekodkan seramai 13,705 orang guna tenaga dalam pegangan pertanian, meliputi 5,441 pemilik dan rakan niaga yang aktif, 556 pekerja keluarga tanpa gaji serta 7,708 pekerja bergaji, dengan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM22,261.

Dari segi struktur pegangan, pegangan pertanian individu menyumbang 9,023 orang guna tenaga, terdiri daripada 5,279 pemilik aktif, 532 pekerja keluarga tanpa gaji dan 3,212 pekerja bergaji, dengan purata gaji dan upah tahunan RM20,562.

Sementara itu, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan 4,682 orang guna tenaga, yang didominasi oleh pekerja bergaji seramai 4,496 orang, manakala bilangan pemilik aktif dan pekerja keluarga tanpa gaji adalah minimum, dengan purata gaji dan upah tahunan yang lebih tinggi iaitu RM23,476. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa guna tenaga pertanian di daerah Jerantut adalah lebih tertumpu kepada pegangan individu, namun struktur gaji yang lebih tinggi direkodkan dalam pegangan pertubuhan.


Paparan 117: Gaji dan Upah Daerah Jerantut, Pahang, 2023



9.4 KUANTAN

Pada tahun 2023, daerah Kuantan merekodkan sebanyak 5,606 pegangan pertanian. Daripada jumlah tersebut, 5,306 (94.6%) pegangan merupakan pegangan pertanian individu, manakala 300 (5.4%) pegangan terdiri daripada pegangan pertanian pertubuhan. Taburan ini menunjukkan bahawa struktur pegangan pertanian di daerah ini didominasi oleh pegangan individu.

Paparan 118: Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan Daerah Kuantan, Pahang, 2023




9.4.1 TANAMAN

Kuantan mempunyai 4,171 pegangan pertanian tanaman (3,970 individu, 201 pertubuhan) dengan keluasan bertanam 94,096 hektar dan keluasan bertuai 84,857 hektar. Tanaman utama ialah kelapa sawit, buah-buahan dan tanaman lain. Kelapa sawit mendominasi dengan keluasan bertanam 88,650 hektar, bertuai 79,665 hektar, pengeluaran sebanyak 1.70 juta tan metrik dan nilai jualan RM1.56 bilion.

Bagi tanaman buah-buahan mencatatkan pengeluaran sebanyak 12,248 tan metrik, dengan nilai jualan RM38.40 juta. Sementara itu, sayur-sayuran telah menyumbang 5,203 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM35.18 juta, manakala tanaman lain seperti kelapa dan jagung mencatatkan pengeluaran 8,067 tan metrik dan nilai jualan RM13.49 juta. Secara keseluruhan, nilai jualan subsektor tanaman di Kuantan adalah RM1.67 bilion, menjadikan ia penyumbang utama kepada ekonomi pertanian daerah ini.

Paparan 119: Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam dan Keluasan Bertuai Subsektor Tanaman Daerah Kuantan, Pahang, 2023



Paparan 120: Statistik Tanaman Mengikut Jenis Tanaman Utama Daerah Kuantan, Pahang, 2023



Kelapa Sawit

Keluasan Bertanam
88,650 hektar

Nilai Jualan
RM1.56 bilion



Buah-buahan

Keluasan Bertanam
1,379 hektar

Nilai Jualan
RM38.40 juta



Sayur-sayuran

Keluasan Bertanam
318 hektar

Nilai Jualan
RM35.18 juta

9.4.2 TERNAKAN

Subsektor ternakan di Kuantan melibatkan 639 pegangan pertanian dengan pengeluaran 35.39 juta ekor ternakan, 22.74 juta biji telur dan 2,891 tan metrik daging. Sebanyak 35.20 juta ekor, 22.60 juta biji telur dan 2,512 tan metrik telah dipasarkan, dengan nilai jualan RM513.81 juta, sekali gus menyumbang signifikan kepada pendapatan pertanian daerah.

Paparan 121: Pegangan Pertanian, dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan Daerah Kuantan, Pahang, 2023



Pegangan Pertanian
639



Nilai Jualan
RM513.81 juta

Paparan 122: Kuantiti Pengeluaran Mengikut Kumpulan Daerah Kuantan, Pahang, 2023



Ekor
35.39 juta



Liter
-



Biji
22.74 juta



Kilogram
2,891

9.4.3 PERIKANAN TANGKAPAN

Terdapat 809 pegangan perikanan tangkapan di Kuantan yang mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 48,306 tan metrik dengan nilai jualan RM398.64 juta. Daripada jumlah tersebut, perikanan tangkapan menyumbang 48,306 tan metrik (97.4%) dengan nilai jualan RM398.64 juta.

Paparan 123: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan Daerah Kuantan, Pahang 2023



Pegangan Pertanian
809



Kuantiti Pengeluaran
48,306 tan metrik




Nilai Jualan
RM398.64 juta

9.4.4 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur melibatkan 39 pegangan pertanian (21 individu, 18 pertubuhan) dengan pengeluaran sebanyak 4.29 bilion ekor ikan (baka dan anak benih) dan 1,301 tan metrik hasil untuk pasaran. Daripada jumlah ini, sebanyak 1.18 juta ekor dan 1,268 tan metrik telah berjaya dijual. Aktiviti ini telah menyumbang kepada nilai jualan sebanyak RM19.21 juta, membuktikan bahawa akuakultur merupakan sektor yang berkembang di Kuantan dan menyokong keselamatan makanan tempatan.

Paparan 124: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur Daerah Kuantan, Pahang, 2023



9.4.5 PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor ini melibatkan 10 pegangan pertanian yang dipelopori oleh pegangan pertubuhan, dengan nilai kuantiti pengeluaran dan jualan sebanyak 120.77 ribu meter padu hasil pembalakan. Nilai jualan yang direkodkan ialah RM72.32 juta, menjadikan sektor ini penyumbang penting dalam hasil sumber asli Kuantan yang perlu diurus secara lestari bagi menjamin kelangsungan alam sekitar.

Paparan 125: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Daerah Kuantan, Pahang, 2023



9.4.6 PENDAPATAN

Kuantan mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM2.86 bilion, meletakkannya dalam kelompok daerah berpendapatan tinggi di Pahang. Pendapatan sektor pertanian di Kuantan pada tahun 2023 menunjukkan sumbangan terbesar daripada subsektor tanaman dengan nilai sebanyak RM1.85 bilion, diikuti oleh ternakan berjumlah RM515.67 juta, perikanan tangkapan sebanyak RM400.14 juta, akuakultur sebanyak RM19.31 juta serta perhutanan dan pembalakan sebanyak RM78.60 juta.

Dalam subsektor tanaman, komoditi utama yang menjana pendapatan tertinggi ialah kelapa sawit dengan nilai RM1.71 bilion, merangkumi sebahagian besar daripada keseluruhan pendapatan tanaman. Ini diikuti oleh buah-buahan (RM45.40 juta) dan sayur-sayuran (RM36.99 juta). Komoditi lain yang turut menyumbang termasuk tanaman lain (RM22.11 juta), getah (RM18.23 juta), nanas (RM15.22 juta), padi (RM0.94 juta) dan kenaf (RM0.89 juta).

Bagi subsektor perikanan, pendapatan didominasi oleh perikanan tangkapan sebanyak RM400.14 juta, manakala akuakultur menyumbang RM19.31 juta. Dalam subsektor ternakan pula, jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM515.67 juta, mencerminkan peranan signifikan subsektor ini dalam ekonomi pertanian daerah. Sementara itu, perhutanan dan pembalakan mencatatkan pendapatan sebanyak RM78.60 juta.

Paparan 126: Pendapatan Daerah Kuantan, Pahang, 2023





9.4.7 PERBELANJAAN

Jumlah keseluruhan perbelanjaan pegangan pertanian di Kuantan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM1.16 bilion. Subsektor tanaman merekodkan perbelanjaan tertinggi iaitu sebanyak RM542.73 juta. Dalam subsektor ini, komoditi kelapa sawit mencatatkan perbelanjaan terbesar sebanyak RM490.66 juta, menyumbang sebahagian besar daripada keseluruhan perbelanjaan tanaman. Perbelanjaan bagi komoditi lain ialah buah-buahan (RM15.75 juta), tanaman lain (RM12.86 juta), sayur-sayuran (RM12.31 juta), getah (RM6.22 juta), nanas (RM4.55 juta), padi (RM0.33 juta) dan kenaf (RM0.05 juta). Subsektor ternakan pula mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM405.99 juta, menjadikannya penyumbang kedua tertinggi di daerah ini.

Bagi subsektor perikanan, jumlah perbelanjaan direkodkan sebanyak RM183.53 juta, yang terdiri daripada perikanan tangkapan (RM176.43 juta) dan akuakultur (RM7.09 juta). Sementara itu, subsektor perhutanan dan pembalakan merekodkan perbelanjaan sebanyak RM30.87 juta, merupakan antara yang terendah berbanding subsektor lain.

Secara keseluruhannya, struktur perbelanjaan pegangan pertanian di Kuantan pada tahun 2023 menunjukkan tumpuan kos yang lebih tinggi dalam subsektor tanaman dan ternakan, khususnya bagi komoditi kelapa sawit yang mendominasi perbelanjaan pertanian daerah ini.

Paparan 127: Perbelanjaan Daerah Kuantan, Pahang, 2023





9.4.8 GAJI DAN UPAH

Aktiviti pertanian di daerah Kuantan pada tahun 2023 melibatkan seramai 21,817 orang guna tenaga, dengan purata gaji dan upah tahunan direkodkan sebanyak RM19,297. Struktur guna tenaga menunjukkan kebergantungan yang ketara terhadap pekerja bergaji yang berjumlah 16,704 orang, manakala pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 4,782 orang. Pekerja keluarga tanpa gaji pula mencatatkan jumlah yang relatif kecil iaitu 331 orang.

Bagi pegangan pertanian individu, Kuantan merekodkan jumlah guna tenaga seramai 12,317 orang dengan purata gaji dan upah tahunan yang lebih rendah, iaitu RM15,904. Kategori ini terdiri daripada 4,395 pemilik dan rakan niaga yang aktif, 325 pekerja keluarga tanpa gaji serta 7,597 pekerja bergaji yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pengeluaran pertanian.

Sebaliknya, pegangan pertanian pertubuhan di Kuantan menunjukkan struktur yang lebih berorientasikan pekerjaan bergaji, dengan jumlah guna tenaga seramai 9,500 orang. Daripada jumlah tersebut, hampir keseluruhannya iaitu 9,107 orang merupakan pekerja bergaji, manakala hanya 387 orang terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif serta enam orang pekerja keluarga tanpa gaji. Purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertanian pertubuhan direkodkan pada paras RM22,129, mencerminkan skala operasi yang lebih formal dan berintensifkan tenaga kerja.

Paparan 128: Gaji dan Upah Daerah Kuantan, Pahang, 2023



9.5 LIPIS

Pada tahun 2023, daerah Lipis merekodkan 9,203 pegangan pertanian. Hampir keseluruhannya terdiri daripada pegangan individu iaitu 9,113 pegangan (99.0%), manakala hanya 90 pegangan (1.0%) merupakan pegangan pertubuhan.

Paparan 129: Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan Daerah Lipis, Pahang, 2023



Pegangan Pertanian
9,203



Individu
9,113 (99.0%)



Pertubuhan
90 (1.0%)

9.5.1 TANAMAN

Subsektor tanaman di Lipis melibatkan 7,888 pegangan pertanian dengan keluasan bertanam 74,889 hektar dan keluasan bertuai 61,318 hektar. Tanaman utama daerah ini ialah kelapa sawit, getah dan buah-buahan, dengan kelapa sawit sebagai tanaman dominan merangkumi 60,794 hektar bertanam, 48,850 hektar bertuai serta pengeluaran 1.04 juta tan metrik, yang menjana nilai jualan RM954.35 juta.

Getah pula ditanam seluas 12,348 hektar dengan pengeluaran 8,456 tan metrik dan nilai jualan RM71.15 juta, menjadikan Lipis sebagai daerah kedua tertinggi selepas Temerloh dari segi kuantiti pengeluaran dan nilai jualan getah di Pahang.

Buah-buahan mencatat pengeluaran 7,545.7 tan metrik dengan nilai jualan RM22.32 juta. Selain itu, nanas dan sayur-sayuran masing-masing merekodkan pengeluaran 736 tan metrik dan 2,251 tan metrik.

Secara keseluruhan, nilai jualan subsektor tanaman di Lipis berjumlah RM1.07 bilion, sekali gus menjadikannya komponen terpenting dalam ekonomi pertanian daerah.

Paparan 130: Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam dan Keluasan Bertuai Subsektor Tanaman Daerah Lipis, Pahang, 2023



Pegangan Pertanian
7,888



Keluasan Bertanam
74,889 hektar



Keluasan Bertuai
61,318 hektar

Paparan 131: Statistik Tanaman Mengikut Jenis Tanaman Utama Daerah Lipis, Pahang, 2023



Kelapa Sawit
Keluasan Bertanam
60,794 hektar
Nilai Jualan
RM954.35 juta



Getah
Keluasan Bertanam
12,348 hektar
Nilai Jualan
RM71.15 juta



Buah-buahan
Keluasan Bertanam
1,127 hektar
Nilai Jualan
RM22.32 juta



Sayur-sayuran
Keluasan Bertanam
112 hektar
Nilai Jualan
RM12.44 juta





9.5.2 TERNAKAN

Subsektor ternakan di Lipis melibatkan 313 pegangan pertanian, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 6,231 ekor ternakan, 40,000 liter hasil ternakan dan 62.78 ribu biji telur. Kuantiti jualan masing-masing adalah 5,715 ekor, 40,000 liter, dan 58.99 ribu biji, menghasilkan nilai jualan sebanyak RM11.10 juta. Ternakan di daerah ini masih aktif walaupun sumbangannya lebih kecil berbanding subsektor tanaman.

Paparan 132: Pegangan Pertanian, dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan Daerah Lipis, Pahang, 2023



Pegangan Pertanian
313



Nilai Jualan
RM11.10 juta

Paparan 133: Kuantiti Pengeluaran Mengikut Kumpulan Daerah Lipis, Pahang, 2023



Ekor
6,231



Liter
40,000



Biji
62.78 ribu



Kilogram
895

9.5.3 PERIKANAN TANGKAPAN

Bagi subsektor perikanan tangkapan, terdapat 137 pegangan pertanian yang terdiri daripada nelayan darat dengan jumlah pengeluaran sebanyak 185 tan metrik, yang mencatat kuantiti jualan sebanyak 185 tan metrik. Nilai jualan subsektor ini adalah sebanyak RM3.98 juta, menunjukkan potensi dalam aktiviti nelayan darat di Lipis

Paparan 134: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan Daerah Lipis, Pahang 2023



Pegangan Pertanian
137



Kuantiti Pengeluaran
185 tan metrik



Nilai Jualan
RM3.98 juta



9.5.4 AKUAKULTUR

Lipis turut mempunyai 233 pegangan pertanian akuakultur dengan jumlah pengeluaran sebanyak 1,352 tan metrik dan 1.09 juta ekor hasil akuakultur. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,332 tan metrik dan 799.37 ribu ekor telah dipasarkan.

Subsektor akuakultur mencatat nilai jualan RM19.84 juta, menjadikannya daerah ketiga penyumbang signifikan dalam landskap perikanan akuakultur di Pahang. Selain itu, Lipis merupakan daerah tertinggi di Pahang dari segi kuantiti pengeluaran ikan hiasan, sekali gus memperkukuh kedudukannya sebagai pusat ternakan dan pembekalan ikan hiasan utama di negeri ini.

Paparan 135: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur Daerah Lipis, Pahang, 2023



Pegangan Pertanian
233



Kuantiti Pengeluaran
1,352 tan metrik
1.09 juta ekor



Nilai Jualan
RM19.84 juta

9.5.5 PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor perhutanan dan pembalakan melibatkan 652 pegangan pertanian dengan kuantiti pengeluaran hasil hutan sebanyak 789.2 tan metrik dan 130.22 ribu meter padu, yang telah dipasarkan sepenuhnya. Subsektor ini mencatat nilai jualan sebanyak RM87.16 juta, sekali gus menjadikannya antara penyumbang penting kepada ekonomi berasaskan sumber semula jadi di daerah Lipis.

Paparan 136: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Daerah Lipis, Pahang, 2023



9.5.6 PENDAPATAN

Berdasarkan Banci Pertanian 2024, jumlah pendapatan sektor pertanian di Lipis pada tahun 2023 direkodkan sebanyak RM1.29 bilion, dengan subsektor tanaman merupakan penyumbang utama sebanyak RM1.17 bilion.

Kelapa sawit mendominasi struktur pendapatan dengan sumbangan tertinggi sebanyak RM1.05 bilion, diikuti oleh getah yang menjana pendapatan sebanyak RM81.85 juta, manakala buah-buahan menyumbang RM22.43 juta. Selain itu, subsektor perhutanan dan pembalakan turut menyumbang pendapatan yang ketara sebanyak RM87.76 juta, diikuti oleh perikanan sebanyak RM23.85 juta dan ternakan sebanyak RM11.38 juta, sekali gus menunjukkan kepelbagaian aktiviti ekonomi pertanian di daerah Lipis.

Paparan 137: Pendapatan Daerah Lipis, Pahang, 2023





9.5.7 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian di Lipis pada tahun 2023 berjumlah RM398.99 juta, dengan subsektor tanaman merekodkan perbelanjaan tertinggi sebanyak RM351.51 juta. Kelapa sawit merupakan penyumbang utama perbelanjaan dalam subsektor tanaman dengan RM302.65 juta, mencerminkan kos operasi yang tinggi bagi komoditi tersebut.

Perbelanjaan lain melibatkan getah (RM32.77 juta), buah-buahan (RM8.49 juta) dan sayur-sayuran (RM4.52 juta). Selain itu, subsektor perhutanan dan pembalakan mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM34.57 juta. Bagi subsektor perikanan pula, perikanan tangkapan dan akuakultur masing-masing merekodkan perbelanjaan RM1.91 juta dan RM5.81 juta, manakala ternakan mencatatkan RM5.19 juta.

Paparan 138: Perbelanjaan Daerah Lipis, Pahang, 2023



9.5.8 GAJI DAN UPAH

Daerah Lipis merekodkan penglibatan seramai 10,447 orang dalam sektor pertanian pada tahun 2023, dengan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM21,056. Struktur guna tenaga menunjukkan keseimbangan antara pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 3,579 orang serta pekerja bergaji berjumlah 6,687 orang, manakala pekerja keluarga tanpa gaji adalah seramai 181 orang.

Bagi pegangan pertanian individu, jumlah guna tenaga yang terlibat di daerah Lipis adalah seramai 4,605 orang dengan purata gaji dan upah tahunan direkodkan pada RM22,413. Kumpulan ini terdiri daripada 3,469 pemilik dan rakan niaga yang aktif, 181 pekerja keluarga tanpa gaji dan 955 pekerja bergaji, menunjukkan dominasi pegangan berskala kecil yang banyak bergantung kepada penglibatan pemilik.

Sebaliknya, pegangan pertanian pertubuhan di daerah Lipis mencatatkan jumlah guna tenaga yang lebih tinggi iaitu seramai 5,842 orang, hampir keseluruhannya terdiri daripada pekerja bergaji seramai 5,732 orang. Purata gaji dan upah tahunan bagi kategori ini direkodkan sebanyak RM20,830, mencerminkan corak operasi yang lebih formal dan berorientasikan tenaga kerja upahan.


Paparan 139: Gaji dan Upah Daerah Lipis, Pahang, 2023



9.6 PEKAN

Daerah Pekan merekodkan sebanyak 9,106 pegangan pertanian. Sebahagian besar daripadanya terdiri daripada pegangan individu iaitu 8,946 pegangan (98.2%), manakala sebanyak 160 pegangan (1.8%) merupakan pegangan pertubuhan.

Paparan 140: Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan Daerah Pekan, Pahang, 2023




9.6.1 TANAMAN

Pekan mempunyai 6,811 pegangan pertanian tanaman dengan keluasan bertanam 123,775 hektar dan keluasan bertuai 110,534 hektar. Tanaman utama terdiri daripada kelapa sawit, padi dan buah-buahan. Kelapa sawit mendominasi dengan keluasan bertanam 111,529 hektar dan bertuai 99,400 hektar, mencatatkan pengeluaran sebanyak 2,140,431 tan metrik dengan nilai jualan RM1.97 bilion. Padi pula diusahakan seluas 7,648 hektar, menghasilkan 29,493 tan metrik dengan nilai jualan RM35.79 juta, sekali gus menjadikan Pekan sebagai daerah pengeluar padi tertinggi di Pahang.

Buah-buahan menyumbang 7,967 tan metrik bernilai RM19.67 juta, manakala nanas mencatat pengeluaran sebanyak 6,447 tan metrik dengan nilai jualan RM18.69 juta. Sayur-sayuran turut menyumbang 3,329 tan metrik dengan nilai jualan RM16.53 juta. Selain itu, tanaman kenaf juga diusahakan secara aktif di Pekan, melibatkan kawasan bertanam seluas 549 hektar dan mencatatkan pengeluaran sebanyak 5,099 tan metrik dengan nilai jualan RM2.32 juta. Ini menjadikan Pekan sebagai daerah pengeluar kenaf terbesar di Malaysia, sekali gus memperkukuh kedudukannya dalam penghasilan tanaman industri negara.

Secara keseluruhan, jumlah pengeluaran tanaman di Pekan mencecah 2.20 juta tan metrik, menjadikan daerah ini antara daerah terbesar dari segi pengeluaran subsektor tanaman di Pahang.

Paparan 141: Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam dan Keluasan Bertuai Subsektor Tanaman Daerah Pekan, Pahang, 2023



Paparan 142: Statistik Tanaman Mengikut Jenis Tanaman Utama Daerah Pekan, Pahang, 2023



9.6.2 TERNAKAN


Subsektor ternakan di Pekan melibatkan 919 pegangan pertanian (902 pegangan individu, 17 pertubuhan) dengan pengeluaran sebanyak 3.03 juta ekor ternakan, 27 liter susu dan 108.01 juta biji telur.

Kuantiti jualan masing-masing ialah 2.73 juta ekor, 27 liter dan 107.25 juta biji telur, menjadikan nilai jualan ternakan mencecah RM93.26 juta, suatu pencapaian kukuh dalam subsektor ini. Pekan turut mencatatkan kuantiti pengeluaran telur (biji) kedua tertinggi di Pahang selepas Raub, memperkukuh peranannya dalam membekalkan sumber protein penting kepada rantaian makanan negeri.

Paparan 143: Pegangan Pertanian, dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan Daerah Pekan, Pahang, 2023



Paparan 144: Kuantiti Pengeluaran Mengikut Kumpulan Daerah Pekan, Pahang, 2023



9.6.3 PERIKANAN TANGKAPAN

Sebanyak 1,146 pegangan pertanian perikanan tangkapan terlibat di Pekan dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 29,173 tan metrik dan kuantiti jualan sebanyak 29,046 tan metrik. Nilai jualan subsektor perikanan tangkapan berjumlah RM246.86 juta, menunjukkan peranan penting nelayan laut dan darat dalam menyokong ekonomi tempatan serta industri makanan negeri.

Pekan juga merupakan daerah kedua tertinggi di Pahang dari segi nilai jualan subsektor perikanan tangkapan selepas Kuantan, sekali gus menegaskan sumbangan besarnya dalam rantaian bekalan hasil laut negeri.

Paparan 145: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan Daerah Pekan, Pahang 2023




9.6.4 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Pekan diusahakan oleh 352 pegangan pertanian, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 93.96 juta ekor dan 5,787 tan metrik hasil akuakultur, di mana 91.47 juta ekor dan 5,127.8 tan metrik telah berjaya dijual. Nilai jualan akuakultur berjumlah RM155.53 juta, menjadikan daerah ini merupakan penyumbang tertinggi dalam subsektor ini di Pahang.

Pekan juga merupakan daerah tertinggi di Pahang dari segi kuantiti pengeluaran ikan air payau, menegaskan peranannya sebagai hab utama akuakultur berskala besar, khususnya dalam penyediaan benih dan hasil ternakan air payau untuk pasaran domestik dan eksport.


Paparan 146: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur Daerah Pekan, Pahang, 2023



9.6.5 PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Sebanyak 69 pegangan pertanian terlibat dalam subsektor ini dengan kuantiti pengeluaran pembalakan sebanyak 9,686 meter padu serta 31.9 tan metrik hasil hutan bukan kayu. Keseluruhan hasil tersebut telah dipasarkan, dengan nilai jualan subsektor perhutanan dan pembalakan berjumlah RM8.94 juta.

Paparan 147: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Daerah Pekan, Pahang, 2023



9.6.6 PENDAPATAN

Jumlah keseluruhan pendapatan sektor pertanian di daerah Pekan pada tahun 2023 mencatatkan RM2.79 bilion, menunjukkan prestasi yang kukuh dalam sektor pertanian. Subsektor tanaman merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM2.28 bilion, menjadikannya penyumbang terbesar kepada ekonomi pertanian daerah. Dalam subsektor ini, komoditi kelapa sawit mendominasi dengan pendapatan sebanyak RM2.16 bilion, merangkumi sebahagian besar daripada keseluruhan pendapatan tanaman. Komoditi lain yang turut menyumbang ialah padi (RM39.00 juta), buah-buahan (RM24.76 juta), nanas (RM20.79 juta), sayur-sayuran (RM16.85 juta), getah (RM16.54 juta), kenaf (RM3.91 juta) dan tanaman lain (RM2.83 juta).

Subsektor perikanan mencatatkan pendapatan sebanyak RM404.63 juta, terdiri daripada perikanan tangkapan (RM248.14 juta) dan akuakultur (RM156.49 juta). Nilai ini menunjukkan peranan penting subsektor perikanan dalam struktur ekonomi pertanian daerah Pekan.

Bagi subsektor ternakan, jumlah pendapatan direkodkan sebanyak RM94.07 juta, manakala perhutanan dan pembalakan mencatatkan pendapatan RM8.94 juta, iaitu sumbangan terkecil antara subsektor.

Secara keseluruhan, struktur pendapatan pegangan pertanian daerah Pekan pada tahun 2023 jelas didominasi oleh subsektor tanaman,

khususnya komoditi kelapa sawit, diikuti oleh subsektor perikanan sebagai penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan pertanian daerah.

Paparan 148: Pendapatan Daerah Pekan, Pahang, 2023



9.6.7 PERBELANJAAN

Pekan mencatatkan jumlah perbelanjaan sektor pertanian sebanyak RM928.00 juta, menunjukkan komitmen kos operasi yang signifikan dengan subsektor tanaman merekodkan perbelanjaan tertinggi iaitu sebanyak RM670.13 juta. Dalam subsektor ini, komoditi kelapa sawit mencatatkan perbelanjaan terbesar sebanyak RM617.04 juta, merangkumi sebahagian besar daripada keseluruhan kos tanaman.

Perbelanjaan bagi komoditi lain ialah padi (RM16.75 juta), buah-buahan (RM13.66 juta), nanas (RM10.56 juta), sayur-sayuran (RM5.09 juta), getah (RM4.88 juta), tanaman lain (RM1.27 juta) dan kenaf (RM0.87 juta).

Subsektor perikanan mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM201.47 juta, terdiri daripada perikanan tangkapan (RM111.27 juta) dan akuakultur (RM90.20 juta), menunjukkan struktur kos yang agak seimbang antara kedua-dua komponen tersebut.

Bagi subsektor ternakan, jumlah perbelanjaan direkodkan sebanyak RM53.16 juta, manakala perhutanan dan pembalakan mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM3.24 juta, iaitu yang terendah antara subsektor.

Secara keseluruhan, struktur perbelanjaan pegangan pertanian daerah Pekan pada tahun 2023 didominasi oleh subsektor tanaman, khususnya kelapa sawit, diikuti oleh perikanan, selaras dengan skala dan intensiti aktiviti pertanian di daerah tersebut.

Paparan 149: Perbelanjaan Daerah Pekan, Pahang, 2023



9.6.8 GAJI DAN UPAH

Daerah Pekan mencatatkan penglibatan seramai 19,910 orang dalam sektor pertanian pada tahun 2023, dengan purata gaji dan upah tahunan direkodkan sebanyak RM20,481. Dari segi struktur guna tenaga, pemilik dan rakan niaga yang aktif membentuk kumpulan terbesar iaitu seramai 8,512 orang, diikuti 11,237 pekerja bergaji, manakala pekerja keluarga tanpa gaji adalah seramai 161 orang.

Bagi pegangan pertanian individu, jumlah guna tenaga di daerah Pekan adalah seramai 10,820 orang dengan purata gaji dan upah tahunan yang lebih tinggi, iaitu RM24,553. Kumpulan ini merangkumi 8,297 pemilik dan rakan niaga yang aktif, 146 pekerja keluarga tanpa gaji serta 2,377 pekerja bergaji, mencerminkan dominasi pegangan berskala kecil yang banyak bergantung kepada penglibatan pemilik.

Sementara itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah guna tenaga seramai 9,090 orang pada tahun 2023. Hampir keseluruhan tenaga kerja dalam kategori ini terdiri daripada pekerja bergaji seramai 8,860 orang, manakala pemilik dan rakan niaga yang aktif berjumlah 215 orang serta 15 pekerja keluarga tanpa gaji. Purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertanian pertubuhan di daerah Pekan direkodkan sebanyak RM19,388.


Paparan 150: Gaji dan Upah Daerah Pekan, Pahang, 2023



9.7 RAUB

Pada tahun 2023, daerah Raub merekodkan sebanyak 7,595 pegangan pertanian. Sebahagian besar daripadanya terdiri daripada pegangan individu iaitu 7,455 pegangan (98.2%), manakala sebanyak 140 pegangan (1.8%) merupakan pegangan pertubuhan.

Paparan 151: Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan Daerah Raub, Pahang, 2023



9.7.1 TANAMAN


Raub merekodkan 7,244 pegangan pertanian tanaman dengan keluasan bertanam 50,145 hektar dan keluasan bertuai 44,058 hektar. Tanaman utama di daerah ini ialah kelapa sawit, buah-buahan dan getah.

Kelapa sawit diusahakan seluas 25,813 hektar, menghasilkan 510,600 tan metrik dengan nilai jualan RM462.58 juta, manakala getah meliputi 9,078 hektar dengan pengeluaran 5,931 tan metrik bernilai RM46.66 juta.

Buah-buahan mencatat pengeluaran sebanyak 132,232 tan metrik dengan nilai jualan RM1.81 bilion, sekali gus menjadikan Raub sebagai antara pusat pengeluaran buah-buahan utama di Malaysia, didominasi oleh durian dan pisang.

Secara keseluruhan, nilai jualan subsektor tanaman di Raub berjumlah RM2.34 bilion, sekali gus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi agro daerah.

Paparan 152: Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam dan Keluasan Bertuai Subsektor Tanaman Daerah Raub, Pahang, 2023



Paparan 153: Statistik Tanaman Mengikut Jenis Tanaman Utama Daerah Raub, Pahang, 2023



9.7.2 TERNAKAN


Subsektor ternakan di Raub melibatkan 221 pegangan pertanian dengan jumlah pengeluaran sebanyak 1.50 juta ekor ternakan, 1,637 tan metrik hasil ternakan, 25.87 ribu liter susu dan 297.78 juta biji telur.

Kuantiti jualan masing-masing ialah 1.45 juta ekor, 1,629.0 tan metrik, 14.94 ribu liter dan 278.35 juta biji telur, menghasilkan nilai jualan sebanyak RM121.05 juta, sekali gus menjadikan subsektor ini antara penyumbang penting kepada pendapatan agro tempatan. Raub juga merupakan daerah tertinggi di Pahang dari segi kuantiti pengeluaran telur (biji) bagi subsektor ternakan, serta daerah kedua tertinggi dari segi nilai jualan subsektor ternakan selepas Kuantan, sekali gus menunjukkan kekuatan daerah ini dalam penghasilan produk unggas secara komersial.

Paparan 154: Pegangan Pertanian, dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan Daerah Raub, Pahang, 2023




Paparan 155: Kuantiti Pengeluaran Mengikut Kumpulan Daerah Raub, Pahang, 2023



9.7.3 PERIKANAN TANGKAPAN

Subsektor perikanan tangkapan melibatkan 93 pegangan pertanian, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 30 tan metrik, dan keseluruhan hasil tersebut telah dipasarkan. Nilai jualan subsektor ini berjumlah RM506.64 ribu, menunjukkan penglibatan sederhana dalam aktiviti perikanan darat di daerah Raub.

Paparan 156: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan Daerah Raub, Pahang 2023






9.7.4 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Raub melibatkan 53 pegangan pertanian, dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 3.01 juta ekor ikan yang terdiri daripada baka dan anak benih, serta 197 tan metrik ikan untuk tujuan pasaran. Daripada jumlah ini, sebanyak 2.92 juta ekor dan 192 tan metrik telah berjaya dipasarkan. Aktiviti ini mencatatkan nilai jualan sebanyak RM3.72 juta, menjadikan akuakultur sebagai salah satu subsektor yang semakin berkembang dan berpotensi menyumbang secara berterusan kepada ekonomi pertanian daerah ini.

Paparan 157: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur Daerah Raub, Pahang, 2023






9.7.5 PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor perhutanan dan pembalakan di Raub melibatkan 26 pegangan pertanian yang mencatat pengeluaran sebanyak 30.28 ribu meter padu hasil pembalakan serta 34.6 tan metrik hasil hutan bukan kayu. Nilai jualan keseluruhan subsektor ini adalah sebanyak RM19.53 juta.

Paparan 158: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Daerah Raub, Pahang, 2023



9.7.6 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan sektor pertanian di Raub pada tahun 2023 direkodkan sebanyak RM2.58 bilion dengan subsektor tanaman merupakan penyumbang utama iaitu RM2.42 bilion. Tanaman buah-buahan mendominasi struktur pendapatan tanaman dengan sumbangan tertinggi sebanyak RM1.81 bilion, mencerminkan kepentingan tanaman komersial bernilai tinggi seperti durian dalam ekonomi pertanian daerah ini.

Seterusnya, tanaman kelapa sawit mencatatkan pendapatan sebanyak RM522.43 juta diikuti subsektor getah sebanyak RM58.89 juta. Tanaman sayur-sayuran dan tanaman lain masing-masing merekodkan pendapatan yang lebih kecil iaitu RM24.99 juta dan RM1.54 juta manakala nanas dan koko mencatatkan sumbangan pendapatan yang minimum. Ternakan juga menjana pendapatan sebanyak RM123.65 juta, diikuti perhutanan dan pembalakan sebanyak RM32.46 juta serta perikanan sebanyak RM4.35 juta menunjukkan kepelbagaian aktiviti pertanian yang menyumbang kepada ekonomi daerah Raub.

Paparan 159: Pendapatan Daerah Raub, Pahang, 2023



9.7.7 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian di Raub pada tahun 2023 adalah sebanyak RM810.58 juta, dengan subsektor tanaman mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM710.65 juta. Perbelanjaan terbesar dalam subsektor tanaman direkodkan oleh buah-buahan sebanyak RM529.17 juta, sejajar dengan kos input yang tinggi melibatkan penyelenggaraan ladang, tenaga buruh dan teknologi pengeluaran intensif.

Tanaman kelapa sawit merekodkan perbelanjaan sebanyak RM148.91 juta, diikuti getah sebanyak RM23.50 juta. Perbelanjaan bagi subsektor sayur-sayuran, tanaman lain, nanas dan koko adalah dalam relatif kecil. Selain itu, subsektor ternakan mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM78.62 juta manakala perhutanan dan pembalakan serta perikanan masing-masing merekodkan perbelanjaan RM19.72 juta dan RM1.60 juta.

Paparan 160: Perbelanjaan Daerah Raub, Pahang, 2023





9.7.8 GAJI DAN UPAH

Daerah Raub mencatatkan penglibatan seramai 16,430 orang dalam sektor pertanian pada tahun 2023, dengan purata gaji dan upah tahunan direkodkan sebanyak RM24,505. Dari segi struktur guna tenaga, pekerja bergaji membentuk kumpulan terbesar iaitu seramai 11,756 orang, diikuti pemilik manakala rakan niaga yang aktif seramai 4,064 orang dan pekerja keluarga tanpa gaji adalah seramai 610 orang.

Bagi pegangan pertanian individu, jumlah guna tenaga di daerah Raub adalah seramai 8,115 orang dengan purata gaji dan upah tahunan yang lebih tinggi, iaitu RM28,258. Kumpulan ini merangkumi 3,811 pemilik dan rakan niaga yang aktif, 600 pekerja keluarga tanpa gaji serta 3,704 pekerja bergaji, mencerminkan peranan penting penglibatan pemilik dalam operasi pertanian berskala individu.

Sementara itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah guna tenaga seramai 8,315 orang pada tahun 2023. Hampir keseluruhan tenaga kerja dalam kategori ini terdiri daripada pekerja bergaji seramai 8,052 orang, manakala pemilik dan rakan niaga yang aktif berjumlah 253 orang serta 10 pekerja keluarga tanpa gaji. Purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertanian pertubuhan di daerah Raub direkodkan sebanyak RM22,779.


Paparan 161: Gaji dan Upah Daerah Raub, Pahang, 2023



9.8 TEMERLOH

Daerah Temerloh merekodkan 12,050 pegangan pertanian pada tahun 2023. Pegangan individu mencatatkan 11,759 pegangan (97.6%), manakala 291 pegangan (2.4%) merupakan pegangan pertubuhan.

Paparan 162: Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan Daerah Temerloh, Pahang, 2023




9.8.1 TANAMAN

Temerloh mempunyai 11,214 pegangan pertanian tanaman dengan keluasan bertanam 68,157 hektar dan keluasan bertuai 56,308 hektar. Tanaman utama di daerah ini ialah kelapa sawit, getah dan buah-buahan.

Kelapa sawit ditanam di kawasan seluas 42,683 hektar dengan keluasan bertuai 37,111 hektar, menghasilkan 783,852 tan metrik dengan nilai jualan RM715.75 juta. Getah pula mencatat pengeluaran sebanyak 14,186 tan metrik dengan nilai jualan RM111.40 juta, sekali gus menjadikan Temerloh sebagai daerah tertinggi di Pahang dari segi kuantiti pengeluaran dan nilai jualan getah.

Buah-buahan menyumbang sebanyak 19,555 tan metrik dengan nilai jualan RM72.95 juta. Selain itu, Temerloh juga merupakan antara pengeluar utama buah nangka di Malaysia. Secara keseluruhan, nilai jualan subsektor tanaman di Temerloh berjumlah RM952.68 juta, sekali gus menjadikannya penyumbang terbesar kepada sektor pertanian di daerah Temerloh.

Paparan 163: Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam dan Keluasan Bertuai Subsektor Tanaman Daerah Temerloh, Pahang, 2023




Paparan 164: Statistik Tanaman Mengikut Jenis Tanaman Utama Daerah Temerloh, Pahang, 2023

Kelapa Sawit
Keluasan Bertanam
42,683 hektar
Nilai Jualan
RM715.75 juta

Getah
Keluasan Bertanam
20,915 hektar
Nilai Jualan
RM111.40 juta

Buah-buahan
Keluasan Bertanam
3,170 hektar
Nilai Jualan
RM72.95 juta



9.8.2 TERNAKAN

Subsektor ternakan melibatkan 396 pegangan pertanian, dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 4.53 juta ekor ternakan dan 961.26 ribu biji telur. Daripada jumlah ini, 4.25 juta ekor, 922.08 ribu biji telur telah dipasarkan. Nilai jualan subsektor ternakan mencecah RM89.14 juta, menjadikan ternakan penyumbang kukuh dalam ekosistem pertanian daerah.

Paparan 165: Pegangan Pertanian, dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan Daerah Temerloh, Pahang, 2023

Pegangan Pertanian
396

Nilai Jualan
RM89.14 juta

Paparan 166: Kuantiti Pengeluaran Mengikut Kategori Daerah Temerloh, Pahang, 2023

Ekor
4.53 juta

Liter
-


Biji
961.26 ribu

Kilogram
740

9.8.3 PERIKANAN TANGKAPAN

Sebanyak 110 pegangan pertanian perikanan tangkapan di Temerloh merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 106.4 tan metrik, dan keseluruhan hasil tersebut telah dipasarkan. Nilai jualan subsektor perikanan tangkapan berjumlah RM2.55 juta, menunjukkan peranan perikanan darat sebagai salah satu sumber sokongan kepada keselamatan makanan tempatan.

Paparan 167: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan Daerah Temerloh, Pahang 2023






9.8.4 AKUAKULTUR

Temerloh turut mempunyai 391 pegangan pertanian akuakultur, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 1.14 juta ekor ikan baka dan anak benih, serta 3,454 tan metrik ikan untuk tujuan pasaran. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,869.1 tan metrik dan 982,064 ekor telah berjaya dipasarkan.

Aktiviti ini mencatatkan nilai jualan sebanyak RM47.14 juta, menjadikan Temerloh antara penyumbang utama dalam subsektor akuakultur di peringkat negeri. Temerloh juga merupakan daerah tertinggi di Pahang dari segi kuantiti pengeluaran ikan air tawar, khususnya ikan patin yang menjadi identiti perikanan daerah ini serta antara komoditi utama dalam industri akuakultur tempatan.

Paparan 168: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur Daerah Temerloh, Pahang, 2023



9.8.5 PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor ini melibatkan 19 pegangan pertanian, dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 7.1 ribu meter padu pembalakan serta 1.5 tan metrik hasil hutan bukan kayu. Nilai jualan keseluruhan berjumlah RM5.62 juta.

Paparan 169: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Daerah Temerloh, Pahang, 2023



9.8.6 PENDAPATAN

Temerloh mencatatkan jumlah pendapatan sektor pertanian sebanyak RM1.26 bilion, dengan sumbangan utama datang daripada subsektor tanaman yang merekodkan pendapatan RM1.09 bilion. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian pertubuhan merupakan penyumbang terbesar dengan nilai RM843.59 juta (77.4%), manakala pegangan pertanian individu menyumbang RM245.93 juta (22.6%). Dalam subsektor tanaman, kelapa sawit muncul sebagai penyumbang utama dengan pendapatan RM807.70 juta, diikuti oleh getah sebanyak RM136.92 juta dan buah-buahan sebanyak RM73.90 juta.

Selain subsektor tanaman, subsektor ternakan turut menyumbang kepada pendapatan daerah dengan nilai RM90.64 juta, yang sebahagian besarnya dijana oleh pegangan pertanian pertubuhan. Subsektor akuakultur pula merekodkan pendapatan sebanyak RM47.21 juta, dengan sumbangan lebih besar daripada pegangan pertanian individu. Seterusnya, subsektor perhutanan dan pembalakan menjana pendapatan RM29.61 juta, manakala subsektor perikanan tangkapan mencatatkan pendapatan yang lebih kecil iaitu RM2.56 juta.

Paparan 170: Pendapatan Daerah Temerloh, Pahang, 2023



9.8.7 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian di daerah Temerloh pada tahun 2023 direkodkan sebanyak RM443.09 juta, dipacu terutamanya oleh subsektor tanaman yang mencatatkan perbelanjaan tertinggi sebanyak RM354.31 juta. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM272.32 juta, manakala pegangan pertanian individu berjumlah RM81.99 juta, mencerminkan kos operasi yang lebih besar dalam pengusahaan berskala organisasi.

Bagi subsektor ternakan, perbelanjaan direkodkan sebanyak RM58.28 juta, dengan sebahagian besarnya melibatkan pegangan pertanian pertubuhan sebanyak RM52.67 juta, manakala pegangan individu menyumbang RM5.60 juta.

Seterusnya, subsektor akuakultur mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM14.09 juta, yang majoritinya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak RM10.32 juta, manakala pertubuhan menyumbang RM3.78 juta.

Dalam subsektor perhutanan dan pembalakan, jumlah perbelanjaan direkodkan sebanyak RM15.10 juta, hampir keseluruhannya melibatkan pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, subsektor perikanan tangkapan merekodkan perbelanjaan yang lebih kecil iaitu RM1.31 juta, sekali gus melengkapkan gambaran keseluruhan perbelanjaan sektor pertanian di daerah Temerloh.

Paparan 171: Perbelanjaan Daerah Temerloh, Pahang, 2023





9.8.8 GAJI DAN UPAH

Daerah Temerloh mencatatkan penglibatan seramai 12,292 orang dalam sektor pertanian pada tahun 2023, dengan purata gaji dan upah tahunan direkodkan sebanyak RM20,912. Dari segi struktur guna tenaga, pemilik dan rakan niaga yang aktif membentuk kumpulan terbesar iaitu seramai 4,672 orang, diikuti 7,179 pekerja bergaji, manakala pekerja keluarga tanpa gaji adalah seramai 441 orang.

Bagi pegangan pertanian individu, jumlah guna tenaga di daerah Temerloh adalah seramai 6,518 orang dengan purata gaji dan upah tahunan RM21,638. Kumpulan ini merangkumi 4,282 pemilik dan rakan niaga yang aktif, 387 pekerja keluarga tanpa gaji serta 1,849 pekerja bergaji, menunjukkan dominasi penglibatan pemilik dalam operasi pertanian individu.

Sementara itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah guna tenaga seramai 5,774 orang pada tahun 2023. Sebahagian besar tenaga kerja dalam kategori ini terdiri daripada pekerja bergaji seramai 5,330 orang, manakala pemilik dan rakan niaga yang aktif berjumlah 390 orang serta 54 pekerja keluarga tanpa gaji. Purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertanian pertubuhan di daerah Temerloh direkodkan sebanyak RM20,660.


Paparan 172: Gaji dan Upah Daerah Temerloh, Pahang, 2023



9.9 ROMPIN

Pada tahun 2023, sebanyak 7,663 pegangan pertanian direkodkan di daerah Rompin. Daripada jumlah ini, 7,416 pegangan (96.8%) adalah pegangan individu, manakala 247 pegangan (3.2%) diusahakan oleh pertubuhan.

Paparan 173: Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan Daerah Rompin, Pahang, 2023




9.9.1 TANAMAN

Rompin merekodkan 6,635 pegangan pertanian tanaman dengan keluasan bertanam 220,657 hektar dan keluasan bertuai 194,310 hektar. Tanaman utama di daerah ini ialah kelapa sawit, diikuti padi dan getah.

Kelapa sawit mendominasi dengan keluasan bertanam 209,853 hektar serta pengeluaran sebanyak 4.0 juta tan metrik dengan nilai jualan RM3.66 bilion, sekali gus merupakan yang tertinggi di Pahang.

Selain itu, padi mencatat pengeluaran sebanyak 24,581 tan metrik, manakala nanas sebanyak 43,653 tan metrik. Pengeluaran buah-buahan seperti tembikai serta tanaman lain termasuk jagung dan kelapa turut menyumbang kepada keseluruhan pengeluaran daerah. Secara keseluruhan, Rompin merupakan daerah tertinggi di Pahang dari segi kuantiti pengeluaran tanaman dengan jumlah sebanyak 4.09 juta tan metrik, menjadikan subsektor tanaman sebagai penyumbang utama kepada ekonomi pertanian daerah dengan nilai keseluruhan RM3.90 bilion.

Paparan 174: Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam dan Keluasan Bertuai Subsektor Tanaman Daerah Rompin, Pahang, 2023



Paparan 175: Statistik Tanaman Mengikut Jenis Tanaman Utama Daerah Rompin, Pahang, 2023



Kelapa Sawit

Keluasan Bertanam
209,853 hektar

Nilai Jualan
RM3.66 bilion



Padi

Keluasan Bertanam
5,075 hektar

Nilai Jualan
RM18.43 juta



Nanas

Keluasan Bertanam
1,212 hektar

Nilai Jualan
RM126.86 juta

9.9.2 TERNAKAN

Subsektor ternakan di Rompin melibatkan 613 pegangan pertanian, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 1.28 juta ekor ternakan, 8.06 juta liter susu dan 2.10 juta biji telur. Kuantiti jualan masing-masing ialah 1.17 juta ekor, 8.03 juta liter dan 1.37 juta biji, menjadikan nilai jualan subsektor ini sebanyak RM82.35 juta.

Rompin juga merupakan antara pengeluar susu ternakan utama di Pahang, sekali gus memperkukuh kedudukannya dalam bekalan makanan tenusu dan pembangunan industri ternakan negeri.



Paparan 176: Pegangan Pertanian, dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan Daerah Rompin, Pahang, 2023



Pegangan Pertanian
613



Nilai Jualan
RM82.35 juta

Paparan 177: Kuantiti Pengeluaran Mengikut Kategori Daerah Rompin, Pahang, 2023



Ekor
1.28 juta



Liter
8.06 juta



Biji
2.10 juta




Kilogram
5,022

9.9.3 PERIKANAN TANGKAPAN

Rompin mempunyai 431 pegangan pertanian perikanan tangkapan, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 26.45 ribu tan metrik dan jumlah jualan sebanyak 26.33 ribu tan metrik. Nilai jualan keseluruhan subsektor ini berjumlah RM219.64 juta, menjadikan perikanan tangkapan sebagai sektor penting dalam menyumbang kepada ekonomi luar bandar di daerah ini.

Paparan 178: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan Daerah Rompin, Pahang 2023






9.9.4 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Rompin melibatkan 21 pegangan pertanian, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 85.41 ribu ekor ikan (merangkumi baka dan anak benih) serta 103 tan metrik ikan untuk tujuan pasaran.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 69.06 ribu ekor dan 83 tan metrik telah berjaya dipasarkan. Nilai jualan akuakultur berjumlah RM1.56 juta, memperlihatkan potensi pertumbuhan subsektor ini meskipun masih di peringkat sederhana.

Paparan 179: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur Daerah Rompin, Pahang, 2023





9.9.5 PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Sebanyak 35 pegangan pertanian terlibat dalam subsektor ini, dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 264.4 ribu meter padu hasil pembalakan serta 23.3 tan metrik hasil hutan bukan kayu. Nilai jualan subsektor perhutanan dan pembalakan direkodkan sebanyak RM119.58 juta, menjadikan subsektor ini sebagai salah satu sumber ekonomi penting bagi daerah Rompin.

Paparan 180: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Daerah Rompin, Pahang, 2023





9.9.6 PENDAPATAN

Rompin merekodkan jumlah pendapatan sektor pertanian sebanyak RM4.83 bilion pada tahun 2023. Subsektor tanaman merupakan penyumbang utama dengan pendapatan sebanyak RM4.39 bilion, didominasi oleh kelapa sawit yang menjana pendapatan tertinggi iaitu RM4.00 bilion.

Sumbangan tanaman lain termasuk nanas (RM239.99 juta), buah-buahan (RM65.63 juta), sayur-sayuran (RM39.63 juta), padi (RM21.10 juta) dan getah (RM16.95 juta). Selain subsektor tanaman, subsektor perikanan tangkapan mencatatkan pendapatan sebanyak RM219.64 juta. Subsektor ternakan pula merekodkan pendapatan sebanyak RM83.97 juta, manakala subsektor perhutanan dan pembalakan menjana pendapatan sebanyak RM129.50 juta. Subsektor akuakultur menyumbang pendapatan yang lebih kecil iaitu RM1.56 juta.

Paparan 181: Pendapatan Daerah Rompin, Pahang, 2023



9.9.7 PERBELANJAAN

Rompin merekodkan perbelanjaan sebanyak RM1.52 bilion, kedua tertinggi selepas Cameron Highlands dengan subsektor tanaman merekodkan perbelanjaan tertinggi sebanyak RM1.33 bilion, mencerminkan kos operasi yang besar khususnya dalam pengusahaan tanaman berskala luas.

Seterusnya, subsektor perikanan tangkapan mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM109.86 juta, diikuti oleh subsektor perhutanan dan pembalakan dengan perbelanjaan RM49.80 juta.

Subsektor ternakan pula merekodkan perbelanjaan sebanyak RM32.17 juta, manakala subsektor akuakultur mencatatkan perbelanjaan yang paling kecil iaitu RM0.41 juta.

Secara keseluruhan, corak perbelanjaan sektor pertanian di Rompin didominasi oleh subsektor tanaman, selari dengan peranannya sebagai penyumbang utama kepada ekonomi pertanian daerah.



Paparan 182: Perbelanjaan Daerah Rompin, Pahang, 2023





9.9.8 GAJI DAN UPAH

Daerah Rompin mencatatkan penglibatan seramai 30,976 orang dalam sektor pertanian pada tahun 2023, dengan purata gaji dan upah tahunan direkodkan sebanyak RM17,946. Dari segi struktur guna tenaga, pekerja bergaji merupakan kumpulan terbesar iaitu seramai 23,994 orang, diikuti pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 6,286 orang, manakala pekerja keluarga tanpa gaji adalah seramai 696 orang.

Bagi pegangan pertanian individu, jumlah guna tenaga di daerah Rompin adalah seramai 13,825 orang dengan purata gaji dan upah tahunan RM13,243. Kumpulan ini terdiri daripada 5,970 pemilik dan rakan niaga yang aktif, 680 pekerja keluarga tanpa gaji serta 7,175 pekerja bergaji, menunjukkan kebergantungan tinggi pegangan individu terhadap penglibatan pemilik dan keluarga.

Sementara itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah guna tenaga seramai 17,151 orang pada tahun 2023. Hampir keseluruhan tenaga kerja dalam kategori ini terdiri daripada pekerja bergaji seramai 16,819 orang, manakala pemilik dan rakan niaga yang aktif berjumlah 316 orang serta 16 pekerja keluarga tanpa gaji. Purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertanian pertubuhan di daerah Rompin direkodkan sebanyak RM19,952.

Paparan 183: Gaji dan Upah Daerah Rompin, Pahang, 2023



9.10 MARAN

Daerah Maran mencatatkan 10,251 pegangan pertanian pada tahun 2023. Hampir keseluruhan pegangan adalah milik individu dengan 10,110 pegangan (98.6%), manakala 141 pegangan (1.4%) terdiri daripada pegangan pertubuhan.

Paparan 184: Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan Daerah Maran, Pahang, 2023



Pegangan Pertanian
10,251



Individu
10,110 (98.6%)



Pertubuhan
141 (1.4%)

9.10.1 TANAMAN

Maran mempunyai 9,619 pegangan pertanian tanaman dengan keluasan bertanam 94,525 hektar dan keluasan bertuai 85,678 hektar. Tanaman utama di daerah ini ialah kelapa sawit dan getah, dengan kelapa sawit mendominasi pengeluaran melalui keluasan bertanam 88,013 hektar dan keluasan bertuai 80,335 hektar, menghasilkan 1.65 juta tan metrik serta mencatat nilai jualan sebanyak RM1.51 bilion.

Getah pula menyumbang sebanyak 3,338.4 tan metrik, diikuti buah-buahan berjumlah 3,205.8 tan metrik. Tanaman lain yang turut mencatat pengeluaran termasuk sayur-sayuran (1,694.8 tan metrik), padi (928.3 tan metrik) dan nanas (718.5 tan metrik).

Secara keseluruhan, nilai jualan subsektor tanaman di Maran berjumlah RM1.56 bilion, sekali gus menjadikannya penyumbang utama dalam struktur ekonomi pertanian daerah.

Paparan 185: Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam dan Keluasan Bertuai Subsektor Tanaman Daerah Maran, Pahang, 2023



Pegangan Pertanian
9,619



Keluasan Bertanam
94,525 hektar



Keluasan Bertuai
85,678 hektar

Paparan 186: Statistik Tanaman Mengikut Jenis Tanaman Utama Daerah Maran, Pahang 2023



Kelapa Sawit

Keluasan Bertanam
88,013 hektar
Nilai Jualan
RM1.51 bilion



Getah

Keluasan Bertanam
5,177 hektar
Nilai Jualan
RM21.68juta




Buah-buahan

Keluasan Bertanam
695 hektar
Nilai Jualan
RM12.20 juta

9.10.2 TERNAKAN

Subsektor ternakan melibatkan 437 pegangan pertanian, dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 1.89 juta ekor ternakan, 3.04 ribu liter susu ternakan dan 98.96 ribu biji telur. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1.83 juta ekor, 3.04 ribu liter susu dan 83 ribu biji telur telah berjaya dijual. Nilai jualan keseluruhan subsektor ternakan berjumlah RM44.20 juta, menunjukkan sumbangan subsektor ini dalam aktiviti pertanian di daerah Maran.



Paparan 187: Pegangan Pertanian, dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan Daerah Maran, Pahang, 2023



Pegangan Pertanian
437



Nilai Jualan
RM44.20 juta

Paparan 188: Kuantiti Pengeluaran Mengikut Kategori Daerah Maran, Pahang, 2023



Ekor
1.89 juta



Liter
3.04 ribu



Biji
98.962 ribu



Kilogram
547

9.10.3 PERIKANAN TANGKAPAN

Sebanyak 112 pegangan pertanian perikanan tangkapan terlibat di Maran dengan jumlah pengeluaran sebanyak 581 tan metrik dan jualan sebanyak 558 tan metrik. Nilai jualan subsektor ini berjumlah RM10.74 juta, menjadikan perikanan sebagai salah satu komponen penting dalam menyokong bekalan makanan dan ekonomi tempatan di daerah ini.

Paparan 189: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan Daerah Maran, Pahang 2023






9.10.4 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Maran disertai oleh 167 pegangan pertanian, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 181.94 ribu ekor ikan (merangkumi baka dan anak benih) serta 1,159.1 tan metrik ikan untuk tujuan pasaran. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 181.77 ribu ekor dan 1,057.6 tan metrik telah dipasarkan. Aktiviti ini menghasilkan nilai jualan RM18.58 juta, menunjukkan sumbangan signifikan akuakultur dalam struktur pertanian moden Maran.

Paparan 190: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur Daerah Maran, Pahang, 2023





9.10.5 PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Sebanyak 30 pegangan pertanian terlibat dalam subsektor ini khususnya bagi aktiviti perhutanan, dengan kuantiti pengeluaran 26.2 ribu meter padu dan 10.0 tan metrik dan nilai jualan sebanyak RM14.95 juta, menjadikan sektor ini antara penyumbang tambahan kepada pendapatan luar bandar dan sumber asli daerah.

Paparan 191: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Daerah Maran, Pahang, 2023



9.10.6 PENDAPATAN

Pada tahun 2023, Maran mencatatkan jumlah pendapatan sektor pertanian sebanyak RM1.85 bilion, dengan subsektor tanaman sebagai penyumbang utama yang menjana pendapatan sebanyak RM1.75 bilion. Dalam subsektor ini, kelapa sawit merupakan komoditi terpenting dengan pendapatan mencecah RM1.69 bilion, diikuti oleh getah yang menyumbang sebanyak RM31.40 juta.

Selain subsektor tanaman, subsektor ternakan turut mencatatkan pendapatan sebanyak RM44.74 juta. Subsektor perikanan pula merekodkan pendapatan berjumlah RM29.67 juta, dengan akuakultur sebagai penyumbang utama sebanyak RM18.65 juta, berbanding perikanan tangkapan yang mencatatkan pendapatan sebanyak RM11.02 juta. Subsektor perhutanan dan pembalakan pula menyumbang pendapatan sebanyak RM25.10 juta pada tahun 2023.

Paparan 192: Pendapatan Daerah Maran, Pahang, 2023



9.10.7 PERBELANJAAN

Maran mencatatkan jumlah perbelanjaan sektor pertanian sebanyak RM540.44 juta, yang sebahagian besarnya tertumpu kepada subsektor tanaman. Subsektor ini merekodkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM496.19 juta, selaras dengan peranannya sebagai penyumbang utama kepada aktiviti pertanian daerah.

Dalam subsektor ini, kelapa sawit merupakan komoditi yang mencatatkan perbelanjaan terbesar dengan kos operasi sebanyak RM472.98 juta, mencerminkan keperluan input yang tinggi melibatkan penyelenggaraan ladang, buruh serta penggunaan input pertanian. Selain subsektor tanaman, subsektor ternakan turut menyumbang kepada struktur perbelanjaan pertanian daerah dengan perbelanjaan sebanyak RM18.23 juta, melibatkan kos makanan ternakan, penjagaan serta pengurusan ladang.

Subsektor perikanan pula merekodkan perbelanjaan berjumlah RM14.79 juta, dengan akuakultur mencatatkan perbelanjaan lebih tinggi sebanyak RM9.46 juta berbanding perikanan tangkapan sebanyak RM5.33 juta. Di samping itu, subsektor perhutanan dan pembalakan mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM11.22 juta pada tahun 2023.

Paparan 193: Perbelanjaan Daerah Maran, Pahang, 2023





9.10.8 GAJI DAN UPAH

Daerah Maran mencatatkan penglibatan seramai 19,319 orang dalam sektor pertanian pada tahun 2023, dengan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM20,651. Dari segi struktur guna tenaga, pekerja bergaji merupakan kumpulan terbesar iaitu seramai 11,059 orang, diikuti pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 7,446 orang, manakala pekerja keluarga tanpa gaji berjumlah 814 orang.

Bagi pegangan pertanian individu di daerah Maran, jumlah guna tenaga direkodkan seramai 14,759 orang dengan purata gaji dan upah tahunan RM20,329. Struktur guna tenaga bagi kategori ini menunjukkan 7,277 pemilik dan rakan niaga yang aktif, 796 pekerja keluarga tanpa gaji, serta 6,686 pekerja bergaji, mencerminkan peranan signifikan pemilik individu dalam operasi pertanian di daerah ini.

Sementara itu, pegangan pertanian pertubuhan di daerah Maran merekodkan jumlah guna tenaga seramai 4,560 orang pada tahun 2023. Majoriti tenaga kerja dalam kategori ini terdiri daripada pekerja bergaji seramai 4,373 orang, manakala pemilik dan rakan niaga yang aktif berjumlah 169 orang serta 18 pekerja keluarga tanpa gaji. Purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertanian pertubuhan di daerah Maran direkodkan sebanyak RM21,145.


Paparan 194: Gaji dan Upah Daerah Maran, Pahang, 2023



9.11 BERA

Pada tahun 2023, daerah Bera merekodkan 9,871 pegangan pertanian. Pegangan individu mendominasi dengan 9,730 pegangan (98.6%), manakala 141 pegangan (1.4%) merupakan pegangan pertubuhan.

Paparan 195: Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan Daerah Bera, Pahang, 2023




9.11.1 TANAMAN

Bera mempunyai 9061 pegangan pertanian tanaman dengan keluasan bertanam 109,861 hektar dan keluasan bertuai 97,526 hektar. Tanaman utama ialah kelapa sawit, getah, dan tanaman lain. Kelapa sawit mendominasi dengan keluasan bertanam 98,775 hektar dan bertuai 88,113 hektar, menghasilkan 1.86 juta tan metrik dengan nilai jualan RM1.69 bilion. Getah menyumbang sebanyak 5,758 tan metrik, manakala buah-buahan mencatat pengeluaran 3,333 tan metrik. Selain itu, sayur-sayuran menyumbang 350.4 tan metrik, dan tanaman lain mencatat 7,266 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM11.87 juta.

Bera juga merupakan daerah pengeluar koko terbesar di Pahang, dengan pengeluaran sebanyak 16.2 tan metrik dan nilai jualan RM162.84 ribu memperlihatkan potensi tanaman industri ini sebagai sumber pendapatan tambahan kepada pekebun kecil.

Paparan 196: Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam dan Keluasan Bertuai Subsektor Tanaman Daerah Bera, Pahang, 2023



Paparan 197: Statistik Tanaman Mengikut Jenis Tanaman Daerah Bera, Pahang, 2023



Kelapa Sawit

Keluasan Bertanam
98,775 hektar

Nilai Jualan
RM1.69 bilion



Getah

Keluasan Bertanam
8,978 hektar

Nilai Jualan
RM35.29 juta



Buah-buahan

Keluasan Bertanam
876 hektar

Nilai Jualan
RM12.88 juta

9.11.2 TERNAKAN

Subsektor ternakan di Bera melibatkan 478 pegangan pertanian, dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 6.37 juta ekor ternakan dan 89.15 ribu biji telur. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6.21 juta ekor ternakan dan 58.18 ribu biji telur telah dipasarkan. Nilai jualan keseluruhan subsektor ternakan mencecah RM117.24 juta, menunjukkan peranan penting subsektor ini dalam ekonomi makanan daerah.



Paparan 198: Pegangan Pertanian, dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan Daerah Bera, Pahang, 2023



Pegangan Pertanian
478



Nilai Jualan
RM117.24 juta

Paparan 199: Kuantiti Pengeluaran Mengikut Kategori Daerah Bera, Pahang, 2023



Ekor
6.37 juta



Liter
-



Biji
89.15 ribu




Kilogram
1,557

9.11.3 PERIKANAN TANGKAPAN

Sebanyak 392 pegangan pertanian perikanan terlibat di daerah ini, dengan kuantiti pengeluaran dan jualan masing-masing sebanyak 404 tan metrik dan 374.6 tan metrik, mencatatkan nilai jualan sebanyak RM9.00 juta, menjadikan perikanan antara penyumbang sektor makanan yang stabil di Bera.

Paparan 200: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Daerah Bera, Pahang 2023






9.11.4 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Bera disertai oleh 100 pegangan pertanian, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 1.80 juta ekor baka dan anak benih serta 437 tan metrik hasil ikan pasaran. Daripada jumlah ini, sebanyak 1.11 juta ekor dan 394 tan metrik telah dipasarkan. Aktiviti ini menjana nilai jualan sebanyak RM11.00 juta, menjadikan akuakultur sebagai komponen penting yang berpotensi berkembang dalam landskap agro daerah.

Paparan 201: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur Daerah Bera, Pahang, 2023






9.11.5 PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor perhutanan dan pembalakan di Bera melibatkan 3 pegangan pertanian, dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 60.7 ribu meter padu hasil pembalakan serta 0.3 tan metrik hasil hutan bukan kayu. Nilai jualan subsektor ini direkodkan sebanyak RM17.03 juta, menjadikannya penyumbang berskala kecil namun signifikan kepada ekonomi luar bandar di daerah ini.

Paparan 202: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Daerah Bera, Pahang, 2023



9.11.6 PENDAPATAN

Bera merekodkan pendapatan sebanyak RM2.13 bilion, mengukuhkan kedudukannya sebagai antara daerah berpendapatan melebihi RM2,000 juta. Bera mencatatkan pendapatan sektor pertanian yang didominasi oleh subsektor tanaman, dengan sumbangan sebanyak RM1.96 bilion. Kelapa sawit merupakan komoditi utama dengan pendapatan mencecah RM1.87 bilion, diikuti oleh getah sebanyak RM57.93 juta.

Selain itu, subsektor ternakan merekodkan pendapatan RM120.19 juta, manakala subsektor perikanan menjana RM20.03 juta, didorong terutamanya oleh akuakultur dengan pendapatan RM11.01 juta berbanding perikanan tangkapan RM9.02 juta. Subsektor perhutanan dan pembalakan pula menyumbang RM28.99 juta kepada pendapatan pertanian daerah pada tahun 2023.

Paparan 203: Pendapatan Daerah Bera, Pahang, 2023



9.11.7 PERBELANJAAN

Bera merekodkan jumlah perbelanjaan sektor pertanian sebanyak RM630.27 juta, menunjukkan tahap kos operasi yang ketara dalam sektor pertanian. Perbelanjaan ini didominasi oleh subsektor tanaman, yang mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM567.59 juta, sejajar dengan skala pengeluaran yang besar dalam sektor tanaman.

Dalam subsektor ini, kelapa sawit merupakan komoditi dengan perbelanjaan tertinggi iaitu RM533.65 juta, mencerminkan kos operasi yang tinggi melibatkan input pertanian, buruh dan penyelenggaraan ladang. Getah pula merekodkan perbelanjaan sebanyak RM22.50 juta, manakala tanaman lain seperti buah-buahan (RM5.72 juta), tanaman lain (RM3.81 juta) dan sayur-sayuran (RM0.87 juta) mencatatkan perbelanjaan pada tahap yang lebih sederhana.

Selain subsektor tanaman, subsektor ternakan merekodkan perbelanjaan sebanyak RM47.73 juta, menunjukkan keperluan kos yang berterusan bagi pengurusan dan pemeliharaan ternakan. Subsektor perikanan pula mencatatkan perbelanjaan berjumlah RM5.66 juta, dengan perikanan tangkapan merekodkan perbelanjaan lebih tinggi sebanyak RM4.06 juta berbanding akuakultur sebanyak RM1.60 juta. Di samping itu, subsektor perhutanan dan pembalakan turut mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM9.28 juta pada tahun 2023, melengkapkan struktur perbelanjaan sektor pertanian Bera.

Paparan 204: Perbelanjaan Daerah Bera, Pahang, 2023





9.11.8 GAJI DAN UPAH

Daerah Bera mencatatkan penglibatan seramai 17,460 orang dalam sektor pertanian pada tahun 2023, dengan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM20,115. Dari segi struktur guna tenaga, pekerja bergaji merupakan kumpulan terbesar iaitu seramai 11,891 orang, diikuti pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 5,048 orang, manakala pekerja keluarga tanpa gaji berjumlah 521 orang.

Bagi pegangan pertanian individu di daerah Bera, jumlah guna tenaga direkodkan seramai 8,986 orang dengan purata gaji dan upah tahunan RM19,556. Struktur guna tenaga bagi kategori ini terdiri daripada 4,862 pemilik dan rakan niaga yang aktif, 509 pekerja keluarga tanpa gaji, serta 3,615 pekerja bergaji, mencerminkan dominasi pegangan individu yang bergantung kepada penglibatan pemilik dalam operasi pertanian.

Sementara itu, pegangan pertanian pertubuhan di daerah Bera merekodkan jumlah guna tenaga seramai 8,474 orang pada tahun 2023. Majoriti tenaga kerja dalam kategori ini terdiri daripada pekerja bergaji seramai 8,276 orang, manakala pemilik dan rakan niaga yang aktif berjumlah 186 orang serta 12 pekerja keluarga tanpa gaji. Purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertanian pertubuhan di daerah Bera direkodkan sebanyak RM20,359.

Paparan 205: Gaji dan Upah Daerah Bera, Pahang, 2023





Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong











RENCANA

173

Banci Pertanian 2024:
Peranan Pahang dalam Menyokong Keterjaminan Makanan Malaysia

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Banci Pertanian 2024: Peranan Pahang dalam Menyokong Keterjaminan Makanan Malaysia

Razaman Ridzuan

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang

Pendahuluan

Keterjaminan makanan telah muncul sebagai agenda utama dalam pengurusan risiko nasional Malaysia, terutamanya apabila dunia berhadapan dengan ketidaktentuan rantaian bekalan, impak perubahan iklim yang ekstrem, dan gangguan geopolitik yang menjejaskan ketersediaan input pertanian global. Dalam konteks ini, kedudukan negeri Pahang sebagai negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia secara geografinya memberikan kelebihan strategik dalam menyokong matlamat Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0). Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah memberikan satu kerangka data terkini yang komprehensif, membolehkan analisis mendalam terhadap sumbangan Pahang dalam mengurangkan defisit perdagangan makanan dan meningkatkan kadar sara diri (SSR) negara.

Berdasarkan penemuan Banci Pertanian 2024, sektor pertanian Pahang mencatatkan nilai jualan yang sangat signifikan, mencecah RM24.74 bilion pada tahun rujukan 2023. Angka ini bukan sahaja meletakkan Pahang sebagai penyumbang kedua terbesar kepada jualan pertanian nasional, tetapi juga menunjukkan keupayaan negeri ini untuk bertindak sebagai gedung makanan negara. Peranan ini diperkukuhkan lagi menerusi integrasi projek-projek di bawah Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan perancangan strategik dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) yang menyasarkan Pahang sebagai hab pengeluaran makanan bersepadu.

Kerangka Institusi dan Evolusi Banci Pertanian 2024

Banci Pertanian 2024 merupakan banci keempat yang dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963, mengikut saranan manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020 oleh Food and Agriculture Organization of The United Nation* (FAO). Pelaksanaannya yang bermula pada 7 Julai hingga 31 Oktober 2024 melibatkan pengumpulan data daripada lebih 1.2 juta tempat kediaman pengusaha pertanian dan lebih 20,000 pertubuhan berdaftar di seluruh negara. Transformasi digital melalui pembangunan dan penggunaan sistem MyAgriCensus telah memastikan data yang dikumpul mempunyai integriti yang tinggi, merangkumi aspek demografi, hasil pertanian, kos input, saiz ladang, serta penggunaan teknologi.



Di peringkat negeri Pahang, keberhasilan Banci Pertanian 2024 mencerminkan kolaborasi erat antara DOSM dengan pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan, termasuk Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) dan semua Agensi Pertanian di Peringkat Negeri dan Daerah. Kerjasama ini bertujuan untuk menghasilkan pangkalan data statistik pertanian bersepadu yang menggabungkan data huluan pengeluaran ladang dengan aktiviti hiliran seperti pembuatan produk asas tani, pemasaran, dan peruncitan. Keberadaan data ini adalah kritikal bagi merancang intervensi dasar yang lebih khusus bagi menangani isu-isu seperti kegagalan rantaian nilai dan ketidakpadanan antara permintaan industri dengan bekalan bahan mentah.

Sektor pertanian nasional dijangka terus berkembang pada kadar 1.2 peratus mengikut unjuran ekonomi 2026, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan usaha kerajaan untuk memperkasa sektor agromakanan melalui Ekonomi MADANI. Pahang, dengan profil pertanian yang pelbagai, menjadi kunci utama dalam memastikan pertumbuhan ini diterjemahkan kepada kestabilan harga makanan dan akses kepada nutrisi yang mampu milik bagi rakyat.

Profil Ekonomi Pertanian Pahang: Dominasi dan Kepelbagaian Subsektor

Pahang mempamerkan struktur ekonomi pertanian yang unik di mana subsektor tanaman mendominasi sebahagian besar aktiviti ekonomi ladang. Daripada jumlah jualan RM24.74 bilion, subsektor tanaman menyumbang sebanyak RM21.78 bilion atau 88 peratus. Walaupun nilai ini didorong secara besar-besaran oleh komoditi kelapa sawit, sumbangan tanaman makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, dan nanas telah menunjukkan peningkatan yang kritikal dari sudut keterjaminan makanan nasional.

Pecahan nilai jualan mengikut subsektor di negeri Pahang memberikan gambaran jelas tentang kekuatan ekonomi negeri ini dalam rantaian bekalan makanan negara.

Jadual 1: Nilai Jualan mengikut Subsektor Pertanian Pahang, 2023

Subsektor Pertanian Pahang	Nilai Jualan (RM Bilion)	Peratusan (%)
Tanaman (Agrikomoditi & Agromakanan)	21.78	88.0
Ternakan	1.21	4.8
Perikanan Tangkapan	0.90	3.6
Perhutanan & Pembalakan	0.56	2.3
Akuakultur	0.29	1.2
Jumlah Keseluruhan	**24.74**	**100.0**

Sumber: Banci Pertanian 2024

Data ini menunjukkan bahawa meskipun tanaman adalah tulang belakang ekonomi, subsektor ternakan dan perikanan mempunyai potensi pertumbuhan yang luas, terutamanya dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada import daging lembu dan kambing yang masih berada pada tahap tinggi. Pahang mencatatkan sebanyak 89,899 pegangan pertanian, di mana 87,356 adalah pengusaha individu. Peratusan pegangan individu yang tinggi ini menekankan peranan penting pekebun kecil dan petani tradisional dalam menyokong sistem makanan negeri, namun ia juga mendedahkan kerentanan dari segi ekonomi bidangan dan akses kepada teknologi tinggi.

Analisis Subsektor Tanaman: Hab Sayur dan Buah-buahan Nasional

Pahang merupakan pengeluar utama bagi beberapa tanaman agromakanan yang mempunyai Kadar Sara Diri (SSR) yang tinggi di peringkat nasional. Cameron Highlands kekal sebagai peneraju pengeluaran sayur-sayuran di Malaysia dengan nilai jualan mencecah RM3.59 bilion. Kawasan ini merupakan pembekal utama bagi sayur-sayuran beriklim sederhana seperti tomato, salad, dan cili, yang mana sebahagian besar daripadanya mempunyai SSR melebihi 100 peratus, kecuali cili yang masih berada pada tahap 35.8 peratus.

Dalam subsektor buah-buahan, Pahang mencatatkan jualan kedua tertinggi nasional iaitu RM2.32 bilion. Pertumbuhan ini didorong oleh durian premium, khususnya dari daerah Raub yang mencatatkan jualan RM1.81 bilion. Pelaburan dalam aktiviti durian di Pahang telah menarik lebih 54 peratus daripada keseluruhan pelaburan swasta dalam pertanian negara pada tahun 2019.13 Walau bagaimanapun, tumpuan berlebihan kepada durian menimbulkan risiko terhadap diversifikasi tanaman makanan ruji yang lain.

Berikut adalah statistik jualan bagi pelbagai jenis buah-buahan di Pahang yang menyokong keterjaminan makanan:

Jadual 2: Nilai Jualan mengikut Komoditi Buah-buahan Pahang, 2023

Komoditi Buah-buahan Pahang	Nilai Jualan (RM Juta)	Daerah Utama
Durian	2,120.00	Raub
Nanas	173.30	Rompin
Pisang	72.10	Pelbagai Daerah
Tembikai	30.32	Pekan/Rompin
Nangka	16.70	Pelbagai Daerah
Betik	8.20	Pelbagai Daerah

Sumber: Banci Pertanian 2024

Nanas, terutamanya varieti MD2, merupakan kisah kejayaan di Rompin melalui penglibatan Rompin Integrated Pineapple Industries Sdn. Bhd. (RIPI). Dengan pengeluaran sebanyak 59,653.1 tan metrik nanas MD2 pada tahun 2023, Pahang berjaya menembusi pasaran antarabangsa seperti China dan Jepun, sekali gus membuktikan kapasiti negeri untuk menghasilkan produk agromakanan bernilai tinggi yang kompetitif.

Industri Tenusu dan Ternakan: Strategi Mengurangkan Import Daging dan Susu

Salah satu peranan paling kritikal Pahang dalam keterjaminan makanan adalah melalui subsektor ternakan, khususnya industri tenusu. Pahang merupakan pengeluar susu segar terbesar di Malaysia dengan pengeluaran sebanyak 9.05 juta liter bernilai RM47.25 juta. Pusat Inovasi dan Penyelidikan Lembu Muadzam Shah (MSCRIC) yang dioperasikan oleh Farm Fresh Berhad menyumbang sebanyak 15 peratus kepada SSR susu segar negara. Kejayaan ini sangat penting memandangkan Malaysia masih sangat bergantung kepada produk tenusu import untuk memenuhi permintaan domestik yang semakin meningkat.

Pembangunan Lembah Tenusu ECER di kawasan Bukit Kajang dan Sungai Ketam dijangka akan meningkatkan lagi kapasiti ini. Walau bagaimanapun, cabaran utama kekal dalam subsektor daging ruminan. Malaysia masih mengimport 83.5 peratus daging lembu dan 92.1 peratus daging kambing. Pahang mempunyai potensi besar untuk menutup jurang ini melalui penggunaan tanah terbiar yang luas. Data menunjukkan Pahang mempunyai 25,329 hektar tanah terbiar, jumlah tertinggi di Semenanjung Malaysia, yang sesuai untuk dibangunkan sebagai kawasan ragut atau ladang integrasi.

Infrastruktur Strategik dan Perancangan Wilayah

Keupayaan Pahang untuk menyokong keterjaminan makanan nasional tidak terhad kepada pengeluaran ladang semata-mata, tetapi juga disokong oleh pembangunan infrastruktur logistik yang strategik. Di bawah RMK-13, kerajaan telah mengumumkan penubuhan Hab

Pengeluaran Makanan Pantai Timur yang mana Pahang akan bertindak sebagai lokasi ideal kerana kedudukannya yang merangkumi lebih separuh daripada wilayah tersebut.

Pembangunan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC) di lokasi yang berhampiran dengan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dijangka akan mempercepatkan penghantaran hasil pertanian dari Pahang ke lembah Klang dan pasaran antarabangsa. Integrasi logistik ini sangat kritikal bagi mengurangkan pembaziran hasil pertanian yang mudah rosak dan memastikan kestabilan harga di pasaran.[13] Selain itu, pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di bawah RMK-13 akan membolehkan pembangunan projek agromakanan di kawasan yang sebelum ini terdedah kepada banjir tahunan, sekali gus meminimumkan gangguan bekalan semasa musim tengkujuh.

Projek-projek di bawah inisiatif agrofood@ECER di Pahang memberikan model kerjasama awam-swasta yang efektif:

Paparan 1: Projek-projek di bawah inisiatif agrofood@ECER di Pahang

• MSCRIC Muadzam Shah: Fokus kepada industri tenusu berskala besar.
• Ladang Nanas Bersepadu Rompin: Fokus kepada eksport nanas MD2.
• HICD Chegar Perah (Lipis): Tapak penanaman herba Tongkat Ali terbesar di Malaysia dengan sasaran 6.3 tan metrik.
• Akuakultur Empang Jaleh: Pembangunan ternakan ikan air tawar seperti patin dan tilapia.





Infrastruktur Strategik dan Perancangan Wilayah

Walaupun Pahang mempunyai nilai jualan yang tinggi, Banci Pertanian 2024 mendedahkan ancaman demografi yang serius. Secara nasional, hampir separuh daripada petani (47.1 peratus) terdiri daripada golongan warga emas berumur 60 tahun ke atas. Purata umur individu dalam sektor ini adalah 57.0 tahun, yang menunjukkan ketersediaan tenaga kerja muda yang sangat terhad untuk meneruskan kelestarian sektor ini.

Di Pahang, seramai 193,216 individu direkodkan sebagai guna tenaga dalam sektor pertanian. Namun, kebergantungan kepada petani warga emas membawa kepada cabaran dalam penerapan teknologi pertanian pintar dan modernisasi ladang. Petani muda (15-30 tahun) hanya mewakili sebahagian kecil daripada pegangan pertanian individu, seperti yang dilihat dalam data nasional dan negeri-negeri utama.

Jadual 3: Peratusan Petani Mengikut Kumpulan Umur, 2023

Kumpulan Umur Petani (Nasional)	Peratusan (%)
15 - 30 Tahun	3.28
31 - 45 Tahun	18.85
46 - 59 Tahun	32.28
60 Tahun dan ke atas	45.59

Sumber: Banci Pertanian 2024

Kekurangan minat belia dalam sektor pertanian sering dikaitkan dengan persepsi keberuntungan yang rendah dan risiko yang tinggi. Untuk menangani isu ini, Jabatan Pertanian Negeri Pahang telah memperkenalkan Program Agropreneur Muda dan takwim kursus teknikal bagi menarik minat generasi baharu menggunakan teknologi moden. Usaha ini adalah selari dengan fokus DAN 2.0 untuk melahirkan modal insan mahir yang mampu mengoperasikan sistem pertanian pintar bagi meningkatkan produktiviti lahan.

Transformasi ke Arah Pertanian Pintar dan IoT

Pendigitalan sektor pertanian di Pahang merupakan langkah wajib bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja dan meningkatkan hasil pengeluaran. Pertanian pintar yang melibatkan penggunaan *Internet of Things* (IoT), data raya, dan mekanisasi moden berpotensi mengubah landskap pertanian tradisional di negeri ini. Penggunaan sensor kelembapan tanah, penyiraman automatik, dan pemantauan tanaman secara masa nyata membolehkan petani mengoptimumkan penggunaan sumber seperti air dan baja, seterusnya mengurangkan kos operasi.

Manfaat utama penggunaan IoT dalam sektor agromakanan Pahang termasuk:

- **Efisiensi Produksi:** Mengurangkan keperluan untuk kehadiran fizikal di ladang bagi aktiviti rutin seperti pemberian makan ternakan atau penyiraman, membolehkan petani menguruskan kawasan yang lebih luas.
- **Pengurusan Risiko:** Pengesanan awal terhadap serangan perosak atau penyakit tanaman membolehkan tindakan pencegahan diambil dengan lebih pantas, mengurangkan kerugian hasil panen.
- **Analisis Data Masa Nyata:** Melalui platform seperti TaniStats, pembuat dasar boleh memantau statistik pengeluaran dan harga pasaran secara langsung untuk mengelakkan lebihan bekalan yang menyebabkan kejatuhan harga.
- **Penyelesaian Logistik:** IoT membolehkan rantaian sejuk (cold chain) dipantau secara berterusan bagi memastikan kualiti hasil sayur-sayuran dari Cameron Highlands kekal segar sehingga ke tangan pengguna.

Kerajaan melalui Agrobank juga menyediakan sokongan kewangan yang besar bagi modernisasi rantaian nilai. Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan (PMRNA) 2025 menawarkan dana RM30 juta untuk memacu penggunaan agroteknologi, manakala Program AgroPintar memperuntukkan RM50 juta bagi membantu usahawan mikro

mengadaptasi teknologi pintar. Di Pahang, akses kepada dana ini adalah kritikal bagi membolehkan petani beralih daripada kaedah konvensional kepada sistem yang lebih berdaya tahan.

Pengurusan Tanah Terbiar dan Kelestarian Alam Sekitar

Pahang mempunyai potensi luas yang belum diterokai sepenuhnya melalui pengurusan tanah terbiar. Dengan 25,329 hektar tanah yang sesuai untuk pertanian tetapi tidak diusahakan, terdapat ruang yang besar untuk meningkatkan pengeluaran makanan ruji. Pengaktifan tanah terbiar ini selari dengan strategi DAN 2.0 untuk mengoptimumkan penggunaan tanah melalui zon industri agromakanan dan integrasi tanaman.

Jadual 4: Bilangan Lot dan Luas Tanah Terbiar Mengikut Negeri, 2023

Negeri	Bilangan Lot Terbiar	Luas Tanah Terbiar (Hektar)
Pahang	8,799	25,329
Johor	3,055	16,492
Selangor	3,917	15,983
Perak	3,434	9,605
Negeri Sembilan	4,295	8,704
Terengganu	5,565	6,480

Sumber: Booklet Statistik Tanaman 2024, Jabatan Pertanian Malaysia

Selain pengeluaran, aspek kelestarian alam sekitar juga menjadi prinsip utama dalam pembangunan pertanian di Pahang. Penggunaan teknologi yang mesra alam dan amalan pertanian baik (myGAP) ditekankan bagi memastikan aktiviti pertanian tidak menjejaskan ekosistem hutan dan tadahan air yang luas di negeri ini. Integrasi data geospatial dalam perancangan pertanian membolehkan kerajaan negeri mengenal pasti kawasan yang paling sesuai untuk tanaman tertentu tanpa merosakkan kawasan hutan simpan atau zon sensitif alam sekitar.

Implikasi Terhadap Kadar Sara Diri (SSR) dan IDR Nasional

Sumbangan Pahang secara langsung memberi kesan kepada Kadar Sara Diri (SSR) bagi beberapa komoditi utama. Di peringkat nasional, Malaysia telah mencapai tahap sara diri yang baik bagi buah-buahan seperti betik (142.4%), tembikai (123.1%), dan nanas (102.1%).

Pahang sebagai pengeluar utama tembikai dan nanas memainkan peranan kunci dalam mengekalkan angka ini. Begitu juga dengan sayur-sayuran seperti tomato (113.0%) dan salad (104.2%) yang banyak dihasilkan di Cameron Highlands. Walau bagaimanapun, kebergantungan terhadap import (IDR) bagi daging merah dan bawang kekal sebagai cabaran. Usaha Pahang untuk memulakan penanaman bawang secara rintis dan memperkasakan lembah tenusu serta integrasi ternakan ruminan di ladang-ladang sawit adalah langkah strategik untuk mengurangkan pendedahan negara kepada kejutan harga pasaran global. Laporan Interim Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa kapasiti pengeluaran domestik sedang diperkukuhkan, namun kebergantungan import bagi barangan asas tertentu masih memerlukan intervensi dasar yang lebih agresif di peringkat negeri.

Kesimpulan dan Hala Tuju Strategik

Analisis peranan Pahang dalam menyokong keterjaminan makanan Malaysia berdasarkan Banci Pertanian 2024 mendedahkan kedudukan negeri ini sebagai penyokong utama rantaian bekalan makanan nasional. Dengan nilai jualan RM24.74 bilion, Pahang bukan sahaja menjadi pengeluar kedua terbesar di Malaysia tetapi juga menerajui subsektor kritikal seperti sayur-sayuran tanah tinggi, durian premium, nanas MD2 dan susu segar. Walau bagaimanapun, kelestarian peranan ini bergantung kepada sejauh mana Pahang dapat menangani tiga cabaran utama: penuaan tenaga kerja pertanian, pengoptimuman penggunaan tanah terbiar, dan adaptasi teknologi pertanian pintar secara meluas. Integrasi infrastruktur logistik melalui ECRL dan pembangunan Hab Pengeluaran Makanan di bawah RMK-13 dijangka akan menjadi pemangkin kepada transformasi Pahang daripada

pengeluar komoditi kepada hab agromakanan bersepadu yang bernilai tinggi.

Sebagai cadangan ke hadapan, pemerkasaan syarikat induk *(anchor companies)* untuk membimbing petani kecil melalui model peladang satelit perlu diperluaskan bagi memastikan ekonomi bidangan dapat dicapai tanpa meminggirkan golongan pekebun kecil. Ketersediaan data yang tepat daripada Banci Pertanian 2024 membolehkan kerajaan negeri Pahang merangka dasar berasaskan bukti yang lebih tepat, seterusnya memastikan bekalan makanan Malaysia kekal terjamin dalam menghadapi cabaran global masa hadapan. Kesinambungan antara dasar nasional seperti DAN 2.0 dengan pelaksanaan di peringkat daerah seperti Rompin, Raub, dan Cameron Highlands akan menentukan kejayaan Pahang sebagai tulang belakang keterjaminan makanan negara bagi dekad yang akan datang.

Penafian:

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

Rujukan:

Kementerian Kewangan Malaysia. (2024). *Economic Outlook 2024*. https://belanjawan.mof.gov.my/

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. (2021). *Dasar Agromakanan Negara 2021–2030 (DAN 2.0).* https://www.kpkm.gov.my

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. (2021). *National Agrofood Policy 2021–2030 (NAP 2.0)*. https://www.kpkm.gov.my

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Laporan Interim Banci Pertanian 2024*. https://www.dosm.gov.my

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Laporan Interim Banci Pertanian 2024: Lada.* https://www.dosm.gov.my

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Supply and Utilization Accounts: Selected Agricultural Commodities, Malaysia, 2020–2024*. https://www.dosm.gov.my

Sinar Harian. (2024). *Pahang Penyumbang Kedua Terbesar Pertanian Negara.* https://www.sinarharian.com.my/

Sinar Harian. (2024). *Separuh Petani Negara Sudah Tua – DOSM.* https://www.sinarharian.com.my/

Bernama. (2024). *Pahang Berpotensi Jadi Hab Agromakanan Negara.* https://www.bernama.com/

Astro Awani. (2024). *DOSM Rekod 86.2 Peratus Operasi Banci Pertanian 2024.* https://www.astroawani.com/

Astro Awani. (2024). *Banci pertanian 2024: Pengukuhan sistem statistik pertanian negara.* https://www.astroawani.com/

Berita RTM. (2024). *Banci Pertanian Dilaksanakan Setiap 10 Tahun – TPM Fadillah.* https://berita.rtm.gov.my/

Berita RTM. (2024). *Kadar Sara Diri Tinggi Bukti Kapasiti Pengeluaran Makanan Negara Kekal Kukuh.* https://berita.rtm.gov.my/

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. (2024). *Inisiatif Agrofood@ECER Memacu Agenda Sekuriti Makanan Negara Di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).* https://www.ecerdc.com.my/

Pahang Media. (2024). *Sasar Jelapang Padi Pekan Dan Rompin Tingkat Lebih Hasil.* https://pahangmedia.my/

Cloud Computing Indonesia. (n.d.). *IoT Dalam Bidang Pertanian Untuk Smart Farming.* https://www.cloudcomputing.id/

Link Net. (n.d.). *Contoh IoT Dalam Bidang Pertanian Untuk Smart Farming.* https://www.linknet.id/

Jabatan Pertanian Negeri Pahang. (n.d.). Portal rasmi. https://agri.pahang.gov.my/

Agrobank. (n.d.). *Agrobank Peruntuk RM50 Juta Bantu Lebih 4000 Usahawan Mikro Melalui Program AgroPintar*. https://www.agrobank.com.my/

Scribd. (n.d.). *Booklet Statistik Tanaman 2024.* https://www.scribd.com/











JADUAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Table 1.0: Agricultural Holdings by State, Malaysia, 2023

Negeri *State*	Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Malaysia	**1,012,993**	**98.0**	**21,189**	**2.0**	**1,034,182**	**100.0**
Johor	102,423	96.6	3,580	3.4	106,003	100.0
Kedah	127,996	99.0	1,235	1.0	129,231	100.0
Kelantan	87,597	99.5	442	0.5	88,039	100.0
Melaka	13,018	94.2	802	5.8	13,820	100.0
Negeri Sembilan	44,011	97.0	1,344	3.0	45,355	100.0
Pahang	87,356	97.2	2,543	2.8	89,899	100.0
Perak	105,228	97.6	2,596	2.4	107,824	100.0
Perlis	19,994	99.3	131	0.7	20,125	100.0
Pulau Pinang	12,559	91.6	1,154	8.4	13,713	100.0
Sabah	156,770	98.4	2,624	1.6	159,394	100.0
Sarawak	145,377	98.6	2,034	1.4	147,411	100.0
Selangor	35,933	95.6	1,646	4.4	37,579	100.0
Terengganu	72,405	99.1	684	0.9	73,089	100.0
W.P. Kuala Lumpur	1,428	81.2	330	18.8	1,758	100.0
W.P. Labuan	732	95.6	34	4.4	766	100.0
W.P. Putrajaya	166	94.3	10	5.7	176	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. States indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Pahang, 2023

Table 1.1: Agricultural Holdings by Administrative District, Pahang, 2023

Daerah Pentadbiran *Administrative District*	Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Pahang	**87,356**	**97.2**	**2,543**	**2.8**	**89,899**	**100.0**
Bentong	6,553	96.1	266	3.9	6,819	100.0
Cameron Highlands	2,550	79.7	649	20.3	3,199	100.0
Jerantut	8,418	98.6	118	1.4	8,536	100.0
Kuantan	5,306	94.6	300	5.4	5,606	100.0
Lipis	9,113	99.0	90	1.0	9,203	100.0
Pekan	8,946	98.2	160	1.8	9,106	100.0
Raub	7,455	98.2	140	1.8	7,595	100.0
Temerloh	11,759	97.6	291	2.4	12,050	100.0
Rompin	7,416	96.8	247	3.2	7,663	100.0
Maran	10,110	98.6	141	1.4	10,251	100.0
Bera	9,730	98.6	141	1.4	9,871	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. States and administrative districts indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023

Table 2.0: Agricultural Holdings by Subsector, Malaysia, 2023

Subsektor *Subsector*		**Individu** *Individual*		**Pertubuhan** *Establishment*		**Pegangan Pertanian** *Agricultural Holdings*	
		Bilangan *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*
